

**PERANAN PUSAT SUMBER SEKOLAH (PSS) DALAM
MEMPROMOSIKAN GERAKAN TABIAT MEMBACA
DI BAWAH PROGRAM NILAM**

PADLON BINTI ABDUL RAHMAN

**Laporan penyelidikan ini adalah sebagai memenuhi sebahagian
daripada keperluan memperolehi Ijazah Sarjana Sains Perpustakaan
dan Maklumat**

September 2004

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat dan mengenalpasti peranan Pusat Sumber Sekolah (PSS) dalam usaha mempromosikan gerakan tabiat membaca di bawah Program NILAM. Ia juga bertujuan untuk mendapatkan gambaran tentang minat para pelajar terhadap aktiviti membaca serta melihat reaksi dan komitmen warga sekolah yang lain tentang program tersebut. Kajian telah dijalankan di lima buah sekolah di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor. Subjek kajian yang dipilih adalah seramai 300 orang pelajar dan 20 orang guru. Para guru yang dipilih adalah terdiri daripada sekelompok individu yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan program NILAM ini. Instrumen kajian adalah menggunakan borang soalselidik dan soalan temubual. Hasil kajian mendapati, sampel yang terdiri daripada pelajar dan guru masih lagi menaruh kepercayaan terhadap peranan PSS sebagai tempat paling sesuai untuk membaca di sekolah-sekolah. Di samping itu, sejumlah 87% (261) pelajar menyatakan mereka pernah mendapat maklumat tentang Program NILAM. Malahan kebanyakan maklumat adalah diperolehi daripada guru PSS sendiri. Namun daripada jumlah tersebut hanya 68.2% (205) pelajar sahaja yang berminat menyertai program ini. Secara keseluruhannya, walaupun tidak semua warga sekolah berminat terhadap program ini, namun mereka mengakui bahawa program NILAM ini mampu menyemai minat dan mendorong para pelajar untuk membaca sekiranya dilaksanakan dengan lebih bersungguh-sungguh. Justeru, kepentingan PSS sebagai pusat memupuk minat membaca dengan mempromosikan Program NILAM memang berasas.

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih kepada;

Prof. Madya Dr. Diljit Singh selaku Penyelia yang telah banyak memberikan nasihat, bimbingan dan tunjukajar sepanjang usaha penghasilan penyelidikan ilmiah ini dilakukan.

Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah memilih dan memberi peluang serta menaja pengajian saya selama dua tahun di peringkat sarjana ini.

Semua Pengetua, guru dan pelajar yang telah memberikan kerjasama dan sokongan sepanjang saya menjalankan kajian di sekolah-sekolah tersebut.

Kakitangan Pusat Dokumentasi dan Penyelidikan Kementerian Pendidikan atas bantuan dan kerjasama yang diberikan dalam usaha menyiapkan penyelidikan ini.

Rakan akrab saya Suzana bte Ahmad atas kerjasama, perhatian, tunjukajar dan keprihatinan sepanjang kami bersama-sama melalui pengalaman suka duka menuntut ilmu.

Rasa terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada suami tercinta, Ismail bin Mohamed dan anak-anak yang disayangi, Muhamad Helmi Ismail dan Muhamad Hakimi Ismail atas kesabaran dan kasih sayang sepanjang saya menyiapkan disertasi ini.

Semoga Allah SWT memberkati setiap amal jariah yang telah kalian sumbangkan.

KANDUNGAN

Mukasurat

ABSTRAK	ii
PENGHARGAAN	iii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI JADUAL	viii

BAB SATU – PENGENALAN

1.1 Pendahuluan.....	1
1.1.1 Gerakan tabiat membaca.....	2
1.1.2 Pelbagai aktiviti galakan membaca.....	3
1.1.3 Program NILAM sebagai penggabungan aktiviti	4
1.2 Pernyataan Masalah	5
1.3 Matlamat dan objektif kajian.....	8
1.4 Persoalan kajian.....	9
1.5 Kepentingan kajian.....	9
1.6 Skop kajian.....	10
1.7 Definisi istilah.....	11

BAB DUA - TINJAUAN PENULISAN DAN KAJIAN-KAJIAN LEPAS

2.1	Pendahuluan.....	15
2.1.1	Teori berkaitan dengan sikap dan tabiat membaca.....	16
2.1.2	Tabiat membaca di kalangan pelajar dan masyarakat.....	19
2.1.3	Kepentingan Membaca.....	23
2.1.4	Faktor-faktor yang mempengaruhi minat membaca.....	26
2.1.5	Peranan Pusat Sumber dalam usaha mempromosikan gerakan tabiat membaca	32
2.1.6	Gerakan tabiat membaca di bawah Program NILAM.....	37

BAB TIGA - METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan... ..	45
3.2	Instrumen kajian.....	45
3.3	Populasi dan sampel.....	47
3.4	Prosedur kajian.....	48
3.5	Kajian rintis.....	49
3.6	Kajian sebenar.....	50
3.7	Analisis data.....	51

BAB EMPAT - DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1	Pendahuluan.....	52
4.2	Latar belakang kajian.....	52
4.3	Dapatan	
4.3.1	Bahagian A - Butiran diri sampel.....	53
4.3.2	Bahagian B - Latar belakang aktiviti membaca.....	53

4.3.3	Bahagian C - Peranan PSS dalam mempromosikan Program NILAM.....	55
4.3.4	Bahagian D - Usaha/ kaedah promosi gerakan tabiat membaca di bawah Program NILAM.....	58
4.3.5	Bahagian E - Pelaksanaan Program NILAM.....	60
4.3.6	Pandangan tentang peranan dan fungsi PSS dalam menjayakan Program NILAM.....	65
4.3.7	Kemudahan pembacaan di PSS.....	66
4.3.8	PSS sebagai pusat ilmu, pusat p & p, pusat profesionalisme dan pusat hubungan dengan masyarakat.....	66
4.3.9	PSS mewujudkan budaya membaca.....	67
4.3.10	Pandangan tentang Program NILAM.....	67
4.3.11	Cara-cara Program NILAM diperkenalkan kepada warga sekolah.....	70
4.3.12	Kemampuan Program NILAM menyemai tabiat membaca	72
4.3.13	Bentuk-bentuk promosi Program NILAM.....	74
4.3.14	Sambutan dan komitmen warga sekolah terhadap Program NILAM.....	75
4.3.15	Peruntukan masa dalam melaksanakan Program NILAM.....	78
4.3.16	Kejayaan Program NILAM.....	79
4.3.17	Reaksi dan komen tentang Program NILAM.....	80
4.3.18	Perbincangan.....	82

BAB LIMA - RUMUSAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan.....	102
5.2	Rumusan.....	102
5.3	Reka bentuk kajian.....	103
5.4	Instrumen kajian.....	103
5.5	Hasil dapatan.....	103
5.6	Kesimpulan.....	107
5.7	Cadangan.....	109
5.8	Cadangan penyelidikan lanjutan.....	113
5.9	Penutup.....	114

SENARAI APENDIKS	116
-------------------------------	-----

BIBLIOGRAFI	131
--------------------------	-----

SENARAI RAJAH

4.3.2 (c)	Sumber bahan bacaan diperolehi.....	54
4.3.2 (d)	Masa yang diperuntukkan untuk membaca	55
4.3.3 (a)	Pendapat tentang kesesuaian PSS sebagai tempat membaca.....	56
4.3.3 (b)	Alasan-alasan pelajar ke PSS.....	57
4.3.3 (c)	Jadual Operasi PSS.....	58
4.3.11	Cara Program NILAM diperkenalkan kepada warga sekolah	70

SENARAI JADUAL

4.3.2 (b)	Bahan bacaan paling digemari/ diminati.....	53
4.3.4 (f)	Cara-cara aktiviti dipromosikan.....	59
4.3.5 (b)	Sumber maklumat tentang Program NILAM.....	60
4.3.5 (c)	Alasan tidak mengetahui tentang Program NILAM.....	61
4.3.5 (e)	Alasan minat menyertai Program NILAM.....	62
4.3.5 (f)	Alasan tidak minat menyertai Program NILAM	62
4.3.5 (k)	Komen pelajar tentang Program NILAM.....	64

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pusat Sumber Sekolah (PSS) adalah merupakan antara aspek penting dalam sesebuah institusi pendidikan (Siti Hajar, 1998). Ia bukan saja berfungsi sebagai gedung ilmu atau pusat pengumpulan dan penyebaran pelbagai sumber ilmu pengetahuan serta maklumat malah mampu menyediakan kemudahan dan perkhidmatan kepada para pengguna khususnya pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan rekreasi. Di samping itu, PSS juga berperanan untuk membina dan mengukuhkan kemahiran mencari maklumat dan seterusnya melahirkan warga sekolah yang kreatif dan inovatif.

PSS yang berkesan dapat menjadi satu perkhidmatan yang penting dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan, menyediakan pelajar untuk menghadapi zaman maklumat, membina budaya ilmu, menanam asas pendidikan sepanjang hayat dan memperkembangkan potensi para pelajar selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara. Hal ini disokong oleh Hamidah (1999), yang mengatakan bahawa PSS adalah sebahagian daripada rangkaian maklumat dunia (*global information network*) yang dapat memperluas maklumat yang boleh diakses serta memungkin pertukaran data maklumat secara lebih tepat dan pantas. Selain itu, beliau turut berpendapat bahawa jika sekolah diiktiraf sebagai organisasi pembelajaran dan pengajaran (*organisation of learning*), PSS pula perlu dijadikan pusat kecemerlangan (*centre of excellence*), pusat maklumat (*centre of knowledge*) dan pusat tindakan (*centre of action*).

Sebagai tumpuan atau pusat menjalankan pelbagai aktiviti, PSS seharusnya mampu menarik perhatian dan membangkitkan minat pengguna terhadap perkhidmatan dan sumber maklumat yang disediakan. Hal ini ada kaitannya dengan kreativiti dalam pengurusan PSS. Satu daripadanya ialah mempromosikan gerakan tabiat membaca.

1.1.1 Gerakan tabiat membaca

Menurut Abdul Rafie (1999), salah satu daripada fungsi Pusat Sumber Sekolah terutama pada era digital ialah untuk menggalakkan tabiat membaca dan memperkembangkan minat serta kemahiran membaca dan membina sikap apresiasi sastera, membina suatu masyarakat yang membaca, seterusnya ke arah budaya ilmu. Dalam konteks pelajar, ilmu dan maklumat mempunyai kepentingan seiring dalam meningkatkan kualiti pemikiran dan kemahiran pelajar agar mampu menyesuaikan diri menangani cabaran masa depan.

Menurut Siti Hajar (1996), sekolah merupakan tempat paling awal untuk memulakan gerakan tabiat membaca yang berkesan. Hal ini dapat dilakukan dengan mewujudkan suasana atau iklim pembelajaran yang menggalakkan. Selain itu, untuk memastikan aktiviti membaca berterusan, PSS wajar menganjurkan pelbagai pertandingan, projek, pameran dan sebagainya. Aktiviti dalam bentuk lain seperti seminar, forum, ceramah, kursus-kursus dan bengkel-bengkel yang berkaitan perlu juga diadakan. Ini dipercayai dapat memberi kesedaran dan dorongan, mempertingkatkan kemahiran kakitangan, dan memberi peluang kepada para pelajar dan guru mengikuti latihan yang berfaedah.

Menurut beliau lagi, ada pelbagai cara yang boleh dilakukan untuk membolehkan gerakan tabiat membaca ini direalisasikan. Walaubagaimaapun, hal ini melibatkan tiga perkara utama, iaitu persekitaran, pusat sumber dan pengajaran.

1.1.2 Pelbagai aktiviti galakan membaca

Menurut Mohd. Shukri (2002), kerajaan telah berusaha untuk memupuk budaya membaca dalam masyarakat sejak tahun 1972 lagi. Menurut artikel tersebut, pada tahun 1980, Mohd. Noor Azam yang ketika itu memegang jawatan Ketua Bahagian Penerbitan Umum, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), mengemukakan satu rancangan bagi kempen membaca di seluruh negara. Bermula dari saat itulah, kempen membaca mula bergerak dengan lebih lancar dan mendapat perhatian serius lapisan masyarakat.

Seterusnya artikel itu turut menyatakan bahawa usaha galakan membaca di peringkat kebangsaan dilancarkan secara rasminya pada 28 Januari 1980 oleh Datuk Musa Hitam yang ketika itu Menteri Pendidikan. Usaha itu dinamakan Gerakan Membaca. Usaha melahirkan masyarakat suka membaca di Malaysia ketika itu amat memberangsangkan. Setiap tahun diwujudkan Bulan Membaca Peringkat Kebangsaan. Bersempena dengan aktiviti ini, 'Program Bulan Membaca' dianjurkan. Antara aktivitinya ialah, Pertandingan Carian Maklumat, Pertandingan Cereka Kartun, Kempen Keahlian Perpustakaan Negara Malaysia dan Perpustakaan Awam Negeri, Pertandingan Foto Aksi Membaca, Program Bacaan Kegemaran Saya, Pameran Buku dan program lain yang berkaitan.

Kini usaha tersebut diteruskan. Sambutan Bulan Membaca Kebangsaan diadakan selama sebulan pada bulan Julai setiap tahun sejak 2001 lalu dan ia menjadi kemuncak kepada Kempen Membaca Kebangsaan, anjuran Perpustakaan Negara (PNM). Kempen yang dahulunya diadakan pada bulan Ogos sebelum tahun 2001, kini dijadikan agenda tahunan yang dipenuhi dengan pelbagai kegiatan berfaedah berkaitan aktiviti membaca.

Menurut Siti Aishah (2003), bulan membaca bermatlamat menggalakkan masyarakat supaya minat membaca tidak kira di mana sahaja dan pada bila-bila masa. Melalui tema kali ini iaitu ‘baca@gaya hidup’ yang menjurus kepada pendekatan terhadap generasi muda, kempen ini mengutarakan dua aspek penting ke arah melahirkan masyarakat maju selaras Wawasan 2020. Pertama, memupuk kesedaran terhadap kepentingan ilmu melalui pembacaan dan kedua, menjadikan amalan membaca sebagai gaya hidup @ *reading as a life style*. Sambutan ini turut diadakan di peringkat sekolah. Pelbagai aktiviti berkaitan dengan perkara ini dianjurkan oleh PSS.

1.1.3 Program NILAM sebagai penggabungan aktiviti

Usaha menyemai budaya atau tabiat suka membaca khususnya di kalangan generasi muda perlu dimulakan dari peringkat awal lagi. Menurut laporan Pusat Sumber Pendidikan Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (2002), menyedari hal inilah, pihak Kementerian Pendidikan berpendapat satu pendekatan perlu diambil bagi menanamkan suatu tahap amalan dan minat membaca yang sejati. Sejalan dengan isu ini, pendekatan berupa “paksaan yang berterusan” dipilih atas kesedaran untuk menghidupkan masyarakat yang berketerampilan dari segi personaliti dan rohani serta maju dan matang dari segi mental dan fizikal.

Berdasarkan Program Tahunan Perpustakaan Negara Malaysia (2002), pelbagai aktiviti galakan membaca telah dirancang dan akan dilaksanakan untuk menggalakkan budaya membaca di kalangan masyarakat secara umumnya. Antaranya ceramah kekeluargaan, pengucapan awam, ceramah penghayatan sejarah, bengkel keibubapaan, ceramah motivasi, seminar, pameran dan lain-lain lagi. Bagi kanak-kanak pula, diadakan sesi bercerita, pertandingan melukis, kraftangan, boneka, teater, peraduan mencari maklumat,

kem komputer, peraduan ilustrasi kreatif buku cerita, kuiz, peraduan syarahan, bengkel kemahiran pencarian maklumat melalui komputer dan lain-lain lagi.

Menurut Zawiyah (2001), penggabungan aktiviti seperti ini adalah perlu dalam usaha menggalakkan masyarakat supaya membuka minda dengan membaca pelbagai sumber yang ada. Seperkara lagi membaca tidak hanya terhad kepada buku semata-mata tetapi juga sumber lain seperti internet.

Selaras dengan ini juga, menjelang 1998 pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah melancarkan satu program bacaan yang dikenali sebagai Program NILAM (Nadi Ilmu Amalan Membaca). Menurut buku Program NILAM : konsep dan pelaksanaan di sekolah (1998), program ini merupakan penggabungan atau adunan kesemua aktiviti galakan membaca yang pernah dijalankan di sekolah-sekolah dengan memberi pengiktirafan yang sesuai. Ia adalah suatu pendekatan penggalakan penyuburan tabiat membaca yang berterusan memandangkan generasi pada masa kini lebih tertarik pada upah dan ganjaran sekiranya melakukan sesuatu. Matlamat utama program ini ialah supaya terbinanya (wujud) tabiat membaca yang berterusan di kalangan murid dan pelajar sekolah melalui pelbagai aktiviti yang menjadikan murid banyak membaca; dan menggalakkan sekolah terus menjana idea kreatif dan inovatif bagi menyemai tabiat membaca.

1.2 Pernyataan masalah

Menurut Siti Hasmah (2001), statistik masyarakat Malaysia dari segi pembacaan belum lagi boleh kita banggakan. Rata-ratanya masih ramai yang belum gemar menjadikan bacaan sesuatu yang sihat dan penting dalam kehidupan mereka. Budaya mencintai buku dan ilmu masih berkurangan termasuk di kalangan ahli akademik dan pelajar-

pelajar. Kita perlu rajin membaca. Ilmu ialah nilai tambah (*value added*) kepada kejayaan ekonomi. Ia akan memberi nilai maruah, martabat dan integriti kepada seseorang itu, masyarakat dan negara pada keseluruhannya.

Menurut Zaleha (1996) pula, masyarakat perlu memberi kerjasama ke atas usaha kerajaan yang memberi penekanan terhadap usaha meningkatkan pencapaian ilmu kerana ia merupakan simbol status dalam masyarakat. Apabila seseorang itu kurang ilmu pengetahuan, dia akan berasa rendah diri dan berasa hina.

Sehubungan dengan hal ini, Hassan (2003) berkata, Dasar Buku Negara yang dilancarkan pada tahun 1988 gagal mencapai matlamatnya. Harapan untuk menjadikan masyarakat Malaysia masyarakat membaca menjelang tahun 2000 hanya tinggal impian. Menurut beliau, banyak perkembangan lain yang berlaku dalam tempoh itu yang tidak memberangsangkan tumbuhnya budaya suka membaca, mencintai buku dan ilmu di kalangan masyarakat. Antaranya pencarian ilmu menggunakan komputer, internet dan sebagainya. Golongan remaja pada masa kini juga lebih terdedah kepada bahan bacaan picisan berbanding bahan bacaan bermutu dan bernilai pendidikan.

Persoalannya, membaca menjadi perkara yang susah untuk diamalkan. Ramai orang yang boleh membaca tetapi tidak ramai yang dapat mengekalkan tabiat membaca. Oleh itu, persepsi para pelajar terhadap pembacaan harus diubah supaya mampu menjadikan tabiat membaca ini satu aktiviti yang berterusan dan sepanjang hayat. Kesedaran terhadap aktiviti membaca harus bermula di rumah dan sekolah. Dalam hal ini PSS perlu memainkan peranan yang penting.

Menurut Aidah (2002), sungguh menarik apabila melihat PSS sebagai pusat pengembangan potensi murid menjadi insan seimbang. Berdasarkan kenyataan ini, PSS yang berjaya bukan sahaja menumpukan perhatiannya kepada aspek pengeluaran, pengumpulan dan pengelasan sumber-sumber maklumat dalam bidang pendidikan. PSS harus mempunyai pandangan yang 'terkehadapan' dengan cara merancang dan melaksanakan program atau aktiviti yang mampu melatih pembelajaran sepanjang hayat di kalangan pelajar. Melalui kemudahan, aktiviti dan program yang terancang, PSS boleh menanamkan rasa cinta yang mendalam terhadap ilmu pengetahuan di kalangan para pelajar.

Berdasarkan buku panduan Program NILAM (2002), walaupun pelbagai program dan aktiviti bacaan telah dilancar dan dilaksanakan di pelbagai peringkat, khususnya di peringkat sekolah, namun hasil kejayaan atau keberkesanannya masih lagi mengecewakan. Selaras dengan hal ini, satu pendekatan baru diambil untuk mewujudkan satu program secara bersepadu iaitu Program NILAM (Nadi Ilmu Amalan Membaca). Namun menurut laporan Bahagian Teknologi Pendidikan (2002), terdapat beberapa cabaran yang dapat dikategorikan kepada 4 aspek penting yang dihadapi oleh Pusat Sumber Sekolah (PSS) dalam usaha mempromosikan gerakan tabiat membaca di bawah Program NILAM ini iaitu pelajar, bahan, masa dan sokongan ibu bapa.

Selain itu, dalam melaksanakan gerakan tabiat membaca di bawah Program NILAM ini juga, beberapa perkara perlu diambilkira. Walau secanggih dan sebaik manapun program yang dicadangkan, sekiranya tiada kesungguhan dan kerjasama padu daripada pelbagai pihak, usaha murni ini pasti gagal mencapai matlamat. Sehubungan itu, sebarang sebaran maklumat daripada pihak-pihak tertentu harus jelas sebagai penentu kefahaman dalam memastikan perjalanan program tersebut di sekolah-sekolah agar

ianya mampu dikendalikan dengan lancar dan selaras dengan prosedur yang telah ditetapkan.

1.3 Matlamat dan objektif kajian

Pusat Sumber Sekolah (PSS) adalah merupakan nadi perkembangan dan pemangkin dalam usaha merangsang dan menggalakkan aktiviti dijalankan dengan berkesan dan menjamin keberkesanan pembelajaran yang sihat, teratur dan berterusan di sekolah-sekolah. Selaras dengan hal ini, semua warga sekolah termasuk pengetua, guru-guru kanan, guru-guru PSS serta guru-guru matapelajaran sewajarnya berganding bahu melaksanakan promosi gerakan tabiat membaca di bawah Program NILAM dengan berkesan dan jayanya.

Sikap dan pandangan positif seluruh warga sekolah amat perlu bagi memastikan kejayaan peranan PSS dalam hal ini. Matlamat penyelidikan merangkumi tiga (3) aspek utama iaitu:

- a. minat para pelajar terhadap aktiviti membaca
- b. peranan PSS dalam menggalakkan gerakan tabiat membaca di bawah Program NILAM
- c. pengetahuan serta pemahaman pelajar dan warga sekolah tentang Program NILAM

Kajian ini mempunyai empat objektif. Pertama, untuk mendapatkan gambaran tentang minat para pelajar terhadap aktiviti membaca. Kedua, mengenalpasti tanggungjawab dan strategi PSS dalam menjana budaya suka membaca. Ketiga, mengetahui bentuk-bentuk promosi yang dijalankan oleh PSS dalam menggalakkan tabiat membaca.

Keempat, menyemai budaya ilmu serta melihat reaksi dan komitmen warga sekolah terhadap Program NILAM.

1.4 Persoalan kajian

Kajian ini dilakukan untuk menjawab empat (4) persoalan iaitu :

1. Sejauhmanakah para pelajar berminat membaca untuk menambah ilmu pengetahuan mereka?
2. Apakah peranan dan strategi pelaksanaan yang dirancang oleh PSS dalam usaha menyemai dan menanamkan minat membaca di kalangan pelajar sekolah?
3. Apakah kaedah promosi yang dijalankan oleh PSS untuk membangkitkan kesedaran terhadap gerakan membaca di bawah Program NILAM?
4. Sejauhmanakah pemahaman dan komitmen warga sekolah terhadap program ini?

1.5 Kepentingan kajian

Dapatan kajian ini ialah untuk memperoleh maklumat dan data-data berguna yang boleh digunakan oleh pihak sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Pusat Sumber Pendidikan Negeri (PSPN), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) atau penyelidik lain sebagai bahan kajian lanjutan dan sebagai sumber rujukan dalam bidang pembacaan di kalangan pelajar-pelajar sekolah.

Penyelidik berupaya mendapatkan gambaran tentang komitmen guru-guru kelas, guru penyelaras PSS dan pihak pentadbir sekolah dalam menjayakan program yang berfaedah ini. Maklumat yang diperolehi ini juga boleh digunakan untuk memikirkan cara sebaiknya yang dapat dilakukan oleh PSS dalam mempromosikan gerakan tabiat membaca di bawah Program NILAM. Hal ini dapat dilakukan dengan mengadakan tindakan susulan seperti mengadakan strategi-strategi menggalakkan penggunaan PSS,

mengadakan kursus di peringkat dalaman dan memberikan motivasi secara berterusan kepada pihak yang terlibat secara langsung dalam program ini.

Di samping itu, daripada maklumat yang diperolehi melalui temubual dan soalselidik ini kita akan dapat melihat masalah atau kekangan yang dihadapi oleh pelbagai pihak dalam merealisasikan usaha ini. Semoga maklumat yang berjaya dikumpul mampu dijadikan panduan oleh pihak yang bertanggungjawab untuk mengatasi masalah dan menjadi asas dalam menjayakan pelbagai program lain pada masa akan datang.

Akhir sekali, masyarakat pendidik juga akan dapat melihat pandangan dan saranan yang diberikan oleh pelbagai pihak yang terbabit secara langsung mahupun tidak langsung dalam program ini dalam usaha mempertingkatkan pelaksanaannya.

1.6 Skop kajian

Skop kajian adalah terhadap kepada pelaksanaan Program NILAM di lima buah sekolah menengah di Kuala Lumpur dan Selangor. Lokasi yang dipilih untuk kajian ini ialah SMK Jalan Tiga Bandar Baru Bangi, SM Agama Persekutuan Kajang, SMK (P) Sri Aman, Petaling Jaya, SMK Victoria dan SMK Sg. Pusu, Gombak Selangor. Sekolah-sekolah yang dipilih adalah merupakan tiga (3) buah Sekolah Bestari, sebuah (1) Sekolah Berasrama Penuh dan sebuah (1) Sekolah Harian Biasa. Pemilihan ini dibuat bagi mendapatkan kepelbagaian maklumat tentang pelaksanaan dan pencapaian peranan PSS dalam mempromosikan gerakan tabiat membaca di bawah Program NILAM.

Selain itu, kajian hanya akan menyentuh tentang usaha-usaha promosi PSS ke arah menyuburkan gerakan membaca di samping memberikan tumpuan terhadap keberkesanan peranan yang dimainkan oleh PSS itu sendiri sebagai pusat ilmu dan

maklumat. Oleh itu, aspek-aspek lain dalam pendidikan seperti pengajaran, kurikulum, pentadbiran dan lain-lain tidak termasuk dalam kajian ini. Kajian juga hanya berpandukan laporan dan aktiviti pembacaan pelajar dalam Program NILAM sebagaimana yang diarahkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bermula tahun 1998 sehingga kajian ini dijalankan (2003).

Subjek kajian yang dipilih ialah seramai 320 orang, iaitu 300 orang adalah terdiri daripada pelajar-pelajar dan 20 orang adalah terdiri daripada lima orang guru Penyelaras PSS, lima orang guru kelas, lima orang guru Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris dan lima orang daripada pihak pentadbir di sekolah-sekolah yang dipilih. Para guru dan kakitangan yang dipilih pula adalah terdiri daripada sekelompok individu yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan program ini.

1.7 Definisi Istilah

1.7.1 Pusat Sumber Sekolah (PSS)

Jamaiah (1995), mengatakan Pusat Sumber Sekolah (PSS) adalah pengembangan dari perpustakaan sekolah sebagai tempat untuk koleksi bahan cetak. Pusat sumber memberi tafsiran kepada peranannya yang lebih luas dengan pelbagai bahan secara keseluruhannya ; Pusat Sumber Sekolah adalah sebuah tempat yang menyediakan kemudahan serta koleksi bahan pengajaran dan pembelajaran yang diurus secara sistematis. Pusat Sumber Sekolah menyediakan maklumat, perkhidmatan dan peluang bagi memperkukuhkan pengajaran dan pembelajaran untuk penguasaan kemahiran asas serta kemahiran maklumat pendidikan ke arah pembentukan masyarakat berbudaya ilmu, gemar membaca dan berkemahiran belajar sepanjang hayat.

1.7.2 Promosi

Promosi adalah merangkumi pelbagai usaha menjual, mengiklan, menghebah serta mewujudkan suatu perhubungan yang baik dan berkesan dengan pengguna dan komuniti setempat melalui teknik dan strategi yang terancang dan sistematik agar mereka mendapat manfaat yang optimum. Promosi adalah salah satu mekanisme komunikasi yang bersifat persuasif dalam pemasaran agar produk atau perkhidmatan yang ditawarkan dapat terjual atau digunakan. Objektif promosi adalah untuk mendorong timbul kesedaran tentang kewujudan produk atau perkhidmatan bahkan sampai pada tindakan membeli atau memanfaatkannya.

1.7.3 Gerakan tabiat membaca

Tabiat ialah kecenderungan yang dimiliki oleh seseorang manusia untuk bertindak baik atau buruk (untuk mematuhi hukum moral atau melanggarnya). Membaca pula, ialah proses yang melibatkan daya mental, daya berfikir serta memerlukan kemahiran berbahasa. Membaca merupakan perlakuan yang kompleks, rumit dan memerlukan pemikiran yang aktif. Menurut Tan Siew Eng (1991), tabiat membaca merujuk kepada pembacaan yang ditanam hasil daripada kecenderungan seseorang dan bukan melalui paksaan. Gerakan ialah satu usaha, aktiviti dan gesaan ke arah menjayakan sesuatu rancangan. Kesimpulannya, gerakan tabiat membaca ialah merujuk kepada kegiatan-kegiatan yang dirancang dan dilaksanakan dengan tujuan menggalakkan dan menimbulkan minat serta kesedaran membaca yang berterusan di kalangan pelajar sekolah.

1.7.4 Program NILAM

Program NILAM (Nadi Ilmu Amalan Membaca) merupakan penggabungan atau adunan kesemua aktiviti galakan membaca yang pernah dijalankan di sekolah-sekolah dengan memberi pengiktirafan yang sesuai. Program ini dilaksanakan ke semua sekolah rendah dan menengah mulai tahun 1999. Program ini mempunyai dua tahap. Tahap pertama ialah untuk membina kemahiran dan menanam minat membaca sehingga terbina tabiat membaca. Tabiat ini dikenali sebagai tahap JAUHARI. Tahap kedua pula membantu percambahan penyertaan pelajar dan percambahan penggunaan bahan dalam gerakan membaca. Tahap ini dikenali sebagai RAKAN PEMBACA.

1.7.5 Guru Penyelaras Pusat Sumber

Penyelaras Pusat Sumber Sekolah adalah merupakan jawatan yang paling penting dalam organisasi pusat sumber sekolah. Jawatan ini adalah dilantik oleh Pengetua sekolah. Penyelaras bertanggungjawab menyelaras dan mengawasi perjalanan pusat ini. Dalam melaksanakan Program NILAM, Penyelaras PSS bertanggungjawab membentuk satu pasukan kerja bagi menggrekkan buku, mengagihkan buku secara pinjaman kelompok (*bulk loan*), memilih, menyedia dan mengedarkan rekod bacaan, mendapatkan data daripada kelas untuk analisis bagi keperluan laporan, mengesah dan menandatangani rekod bacaan pelajar serta menganjurkan pelbagai aktiviti untuk menyokong program ini.

1.7.6 Pengajaran dan pembelajaran

Menurut Asmah (1992), pengajaran merupakan kegiatan-kegiatan yang tersusun yang dibuat khusus untuk para pelajar dengan tujuan membawa perubahan ke dalam diri mereka. Kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh guru haruslah bertujuan membawa pengetahuan baru, mengubah kepercayaan dan mengubah tingkah laku. Kegiatan

pengajaran haruslah bertujuan menimbulkan pembelajaran. Pengajaran berkait rapat dengan akal dan boleh berlaku dalam bentuk latihan, indoktrinasi, pelaziman dan instruksi. Pembelajaran merupakan segala perubahan atau modifikasi kepada tingkah laku manusia akibat daripada pengalaman atau latihan. Pembelajaran merupakan proses yang boleh menghasilkan perubahan pada tingkah laku sebagai tindak balas terhadap keadaan yang dihadapi. Kesimpulannya, pembelajaran adalah merupakan satu perlakuan dan teknik yang mempunyai ciri-ciri tertentu yang sistematik dan saintifik. Ia meliputi segala kegiatan meninjau, membaca, menyoal, memahami, mengingat isi-isi penting, menyemak semula fakta yang kurang jelas, merujuk kepada bahan bacaan tambahan dan merumuskan dalam bentuk nota ringkas.

BAB DUA

TINJAUAN PENULISAN DAN KAJIAN-KAJIAN LEPAS

2.1 Pendahuluan

Menurut Mohd. Majid (2000), tinjauan penulisan dan kajian-kajian lepas dilakukan bertujuan untuk membolehkan penyelidik menerang dan menjelaskan latar belakang sesuatu masalah serta mengenalpasti sejauhmana sesuatu bidang di mana masalah wujud telah dikaji. Selain itu, penyelidik dapat mengenalpasti sesuatu teori yang berkaitan dan ini dapat membantunya membuat penilaian yang lebih teratur dan sesuai. Penyelidik dapat mempelajari kaedah dan teknik yang sesuai untuk menyelesaikan sesuatu masalah seterusnya membentuk suatu strategi dan kaedah yang berkesan bagi tujuan tersebut. Maklumat dan pendapat penyelidik yang lalu boleh meneguh dan meningkatkan pengetahuan penyelidik terhadap tajuk yang hendak dikaji.

Kebanyakan maklumat bagi kajian ini diperolehi melalui buku-buku rujukan yang tertentu, jurnal-jurnal pendidikan, pangkalan data yang khusus, internet dan tesis-tesis yang berkaitan dengan tajuk. Jurnal dipilih kerana ia adalah bahan rujukan yang lebih spesifik berbanding buku. Maklumat yang didapati daripada pangkalan data tertentu pula adalah lebih cepat dan mempunyai agak banyak koleksi jurnal yang boleh mendapatkan akses. Namun ia menggunakan perkataan kunci dalam pencarian maklumat. Internet adalah satu lagi alternatif pengkaji dalam pencarian maklumat. Namun, pengkaji harus memastikan sumber yang diberikan adalah boleh dipercayai atau tidak.

Dalam bab ini penyelidik membincangkan beberapa perkara berkaitan dengan tajuk ini iaitu :

- 2.1.1 Teori berkaitan dengan sikap dan tabiat membaca
- 2.1.2 Tabiat membaca di kalangan pelajar dan masyarakat
- 2.1.3 Kepentingan membaca
- 2.1.4 Faktor-faktor yang mempengaruhi minat membaca
- 2.1.5 Peranan PSS dalam usaha mempromosikan Program NILAM
- 2.1.6 Gerakan tabiat membaca di bawah Program NILAM

2.1.1 Teori berkaitan dengan sikap dan tabiat membaca

Menurut Ghafami (2000), pakar psikologi kaunseling telah membuat pelbagai teori bagi menjelaskan pembentukan tabiat dan sikap manusia. Antaranya, Teori Analisis Transaksi (*Instructional Transaction Theory*) dan Teori Behaviorisme (*Behaviorisme Theory*). Berdasarkan Teori Analisis Transaksi, tabiat dan sikap manusia terbentuk hasil daripada skrip hidup yang ditentukan oleh ibu bapa. Semasa kecil anak akan merakam secara langsung apa sahaja perbuatan yang ditayangkan oleh ibu bapa kepada mereka. Oleh itu sekiranya ibu bapa merupakan seorang yang rajin membaca atau menjadikan aktiviti membaca sebagai sebahagian daripada cara hidup keluarga mereka, sudah tentu anak-anak mereka turut mengamalkan tabiat baik tersebut.

Ghafami juga menekankan bahawa Teori Behaviorisme juga wajar diberi perhatian kerana mampu dikaitkan dengan tabiat manusia terhadap perlakuan membaca. Menurut teori ini, tingkah laku manusia terbentuk hasil daripada proses pembelajaran dan evolusi persekitaran. Tabiat manusia menjadi masalah apabila mereka menerima pembelajaran

dan persekitaran yang salah. Walaupun mereka sendiri yang mencipta sistem pembelajaran atau membentuk persekitaran. Menurut teori ini, jika kita ingin sesuatu perlakuan itu dilakukan lagi atau diulangi, maka kita hanya perlu mengukuhkannya dengan memberikan ganjaran. Hal ini diambil kira dalam perancangan dan pelaksanaan Program NILAM, di mana setiap aktiviti pembacaan yang dilakukan dan berjaya mencapai sesuatu tahap yang ditentukan akan diberikan ganjaran. Ganjaran ini berperanan untuk menarik minat dan menambahkan semangat para pelajar agar terus membaca.

Sementara itu, menurut Ahmad (2003) pula, sikap adalah sebahagian daripada motivasi yang mempengaruhi kejayaan proses pembelajaran. Sikap menerangkan apa yang dirasakan oleh seseorang terhadap sesuatu dan merangkumi penilaian terhadap sesuatu. Ia mencerminkan perasaan positif dan negatif terhadap sesuatu perkara. Sikap positif boleh mendorong seseorang pelajar untuk belajar atau membaca. Ia menjadi motivasi yang mendorong kepada pencapaian sesuatu matlamat.

Manakala motivasi adalah faktor dalaman seperti emosi dan keinginan yang menggerakkan seseorang melakukan sesuatu perkara. Ia dipengaruhi oleh keinginan individu dan juga faktor persekitaran. Dalam hal ini, kejayaan dalam pembacaan adalah dipengaruhi oleh sikap pelajar terhadap bahan-bahan cetakan yang dibaca. Mereka akan terus membaca sekiranya bahan bacaan tersebut dapat memberikan keseronokan, kenikmatan dan memberi peluang kepada mereka untuk menguasai sesuatu kemahiran.

Dalam hal yang berkaitan, menurut Fazilah (1998), berdasarkan teori motivasi oleh Johnson (1981), struktur matlamat bersama mewujudkan situasi di mana satu-satunya cara anggota kumpulan dapat mencapai matlamat diri sendiri adalah apabila kumpulan

mereka berjaya. Oleh itu dalam aspek menggalakkan wujudnya tabiat dan sikap yang positif terhadap gerakan membaca, anggota kumpulan perlu membantu anggota kumpulan yang lain untuk berjaya. Hal ini terdapat dalam tahap kedua Program NILAM iaitu mengutamakan aspek kepimpinan dalam aktiviti membaca. Tahap ini dipanggil RAKAN PEMBACA (RP). Tahap ini memberi penekanan kepada kebolehan pelajar mendorong, membimbing dan menarik minat orang lain supaya suka membaca.

Hal ini turut dipersetujui oleh Teori psikologi dan perkembangan oleh Vygotsky yang dinyatakan oleh Zamilah (2002) iaitu seseorang yang berdepan dengan masalah atau komunikasi tentang subjek secara logik, maka bila mereka berbincang, berkongsi maklumat dan persefahaman maka wujudlah kesefahaman. Interaksi sosial dan bekerjasama adalah dua perkara utama dalam pembelajaran dan perkembangan kanak-kanak. Dalam hal ini melalui pelbagai aktiviti bacaan yang dijalankan, maklumat dapat dipindahkan sebagai ilmu pengetahuan dan dapat diaplikasikan apabila perlu.

Berdasarkan dapatan kajian Md. Salehuddin (1999), beliau mengatakan Holdaway, D (1979) telah memperkenalkan Teori keupayaan membaca dan menulis (*Theory Of Development Literacy*). Teori tersebut telah menghubungkan keadaan persekitaran dengan interaksi orang dewasa dan kanak-kanak berdasarkan ciri-ciri sosial, emosi dan intelektual, iaitu ciri-ciri yang sesuai dengan perkembangan keupayaan membaca dan menulis. Dalam keadaan ini, orang dewasa memainkan peranan penting dalam usaha mendorong seseorang kanak-kanak melakukan pembacaan. Berdasarkan teori itu, aktiviti galakan membaca dapat membantu kanak-kanak belajar melalui;

- a. pemerhatian terhadap tingkah laku membaca dan menulis supaya dapat menimbulkan minat untuk mendorong kanak-kanak membaca. Contohnya melihat orang dewasa membaca dan menulis.
- b. Kerjasama dengan individu lain yang memberikan galakan, motivasi dan bantuan
- c. Kerjasama dengan individu lain supaya kanak-kanak tersebut dapat mempersembahkan perkara yang telah dipelajari dan seterusnya cuba mendapatkan sokongan moral daripada orang dewasa
- d. Cuba berlatih sendiri sesuatu yang telah dipelajari

2.1.2 Tabiat membaca di kalangan pelajar dan masyarakat.

Hampir kesemua disiplin ilmu memerlukan kita mahir dalam pembacaan kerana ianya sebagai usaha yang perlu bagi menimba ilmu. Hal ini sesuai dengan pendapat Shahrom (1996) mengenai kepentingan membaca iaitu membaca adalah satu aktiviti yang boleh membangunkan intelektual, membentuk pemikiran yang kreatif dan dinamis serta dapat melahirkan masyarakat yang progresif.

Menurut Mohamed Fadzil (2001), proses membaca bergantung kepada konsep kematangan mental. Gangguan kepada mental akan mengakibatkan masalah kepada kebolehan membaca. Para pelajar dikatakan gagal mengamati tabiat membaca dengan baik sekiranya tidak memiliki kemahiran membaca. Seseorang yang memiliki kemahiran dalam pembacaan mampu mengoptimumkan pembacaan dalam satu jangkamasa yang ditentukan dan seterusnya mampu menghayati bahan bacaan yang dibaca. Tabiat atau perlakuan yang dinyatakan diataslah yang diharap wujud pada diri setiap pelajar kita.

Membaca bukan merupakan sifat semulajadi, sebaliknya perlu dipupuk dan dirancang agar dapat melahirkan keinginan dalam jiwa seseorang individu untuk terus membaca dan mencapai keseronokan daripada bahan yang dibaca. (Omar, 1993). Sementara itu, menurut Siti Aishah (2003) pula, penduduk di negara ini dikatakan kurang membaca dan hanya membaca purata dua (2) naskah buku setiap tahun. Sekadar perbandingan ringkas, rakyat Jepun yang dikenali sebagai ‘ulat buku’ mampu membaca secara purata 5 naskah buku sebulan. Sementara di Korea Selatan pula, sebilangan besar penduduk negara tersebut menghabiskan sekurang-kurangnya 10 naskah buku setahun.

Dapatan kajian yang dijalankan oleh Ahmad Mustafa (1984) mengenai minat membaca di kalangan pelajar-pelajar sekolah pula, mendapati bahawa sejumlah 64% pelajar berupaya membaca antara sebuah hingga tiga buah buku seminggu dan sebanyak 7% lagi dapat membaca lebih daripada tujuh buah buku seminggu. Hal ini menggambarkan bahawa pelajar di negara ini telah mula menampakkan minat kepada usaha dan tabiat membaca. Namun jumlahnya adalah amat sedikit dan masih memerlukan perhatian serta galakan yang berterusan. Sejalan dengan perkara di atas, Richek, (1989), mengatakan bahawa,

“ To establish permanent reading habits, students must find reading interesting, informative and enjoyable. Students should be encouraged to choose their own reading materials. They should be encouraged to choose books that are at their independent level, an easier level than used for instruction. ”

Dalam satu kajian yang dibuat oleh Mohd. Zubil (1997 a), mendapati bahawa masalah tidak gemar membaca bukan sekadar berlaku di kalangan golongan bukan dan separuh professional sahaja, malahan merangkumi juga golongan professional, pemimpin politik dan pegawai tinggi kerajaan termasuk pensyarah universiti.

Namun dalam satu lagi kajian, pendapat yang berbeza di terima. Ong (1997) mendapati tabiat membaca di kalangan para pekerja professional adalah menggalakkan. Hasil kajian beliau mendapati, sejumlah 78% mengatakan mereka akan membaca pada bila-bila masa mengizinkan dan sebanyak 78.5% pula sangat gemar membaca, sebanyak 62.2% responden pula amat tidak bersetuju dengan andaian yang mengatakan bahawa mereka hanya akan membaca sekiranya tiada apa yang boleh dilakukan.

Malah kebanyakan responden yakin tabiat membaca memainkan peranan penting dalam profesion mereka. Sementara sebanyak 87.3% bersetuju mereka akan lebih mampu bersaing sekiranya mempunyai ilmu pengetahuan baru dan terkini yang diperolehi melalui pembacaan luas dan sejumlah 97.3% pula bersetuju bahawa membaca mampu mempertingkatkan kemahiran bekerja.

Tabiat tidak gemar membaca juga berlaku di beberapa buah negara besar dan maju. Satu kajian telah dijalankan di Amerika Syarikat mendapati kanak-kanak sekolah di sana menghabiskan masa hanya sebanyak 5.4% daripada masa lapang mereka untuk membaca, manakala 22% lagi langsung tidak gemar membaca (Rahmad, 1997). Dilihat dari segi kecenderungan membaca, memang sukar untuk menggambarkan seseorang itu berminat membaca. Seseorang yang membaca banyak buku atau duduk berjam-jam membaca, belum tentu dia betul-betul gemar membaca.

Di samping itu, tabiat membaca sebenarnya tidak diberi penekanan yang sewajarnya oleh pihak sekolah (Greaney, 1980). Beliau juga mengatakan bahawa wujud kekurangan dalam hal pemupukan tabiat membaca terhadap pelajar. Para pendidik cuma menekankan kepada pengajaran kefahaman dan kemahiran membaca tetapi lupa untuk menerapkan minat dan tabiat membaca yang sihat.

Arus pendidikan pada hari ini berbeza dengan masa lalu. Oleh itu kepekaan terhadap perkembangannya haruslah berada di tahap yang tinggi. Sistem pendidikan kita perlu diubah supaya terdapat fahaman dan isu peperiksaan sebagai perkara utama dalam matlamat pendidikan negara ini akan berubah. Secara umumnya, persepsi para pelajar tentang pembacaan harus diubah supaya mampu menjadikan tabiat membaca itu satu aktiviti yang berterusan dan sepanjang hayat, sebagaimana pendapat yang diutarakan oleh Salvia, (1988) yang mengatakan bahawa,

“ Reading is continuously developing activity, one that constantly improves through practice. It is not mastered once and for all.”

Berdasarkan kajian dan tinjauan penulisan yang dilakukan ke atas tabiat membaca dapat dibuat kesimpulan bahawa terdapat unsur kurang minat membaca di kalangan pelajar dan masyarakat Malaysia secara umumnya. Terdapat jurang yang luas antara pelajar-pelajar yang gemar membaca dengan yang sebaliknya. Justeru, usaha ke arah memupuk dan menyemai tabiat gemar membaca ini sewajarnya dipandang penting dan dimasukkan sebagai agenda utama negara bagi melahirkan masyarakat yang berkualiti dari segi pemikiran dan kemahiran dan mampu menghadapi persaingan dunia global.

2.1.3 Kepentingan membaca

Menurut Rustam (2002), membaca bukan satu natijah tetapi sebagai wahana dan salah satu peringkat dalam kemajuan sesebuah masyarakat. Oleh itu, adalah wajar para pelajar didedahkan kepada tabiat membaca bagi merealisasikan konsep budaya ilmu dan pembelajaran seumur hidup.

Abd. Rahim, (1989) telah mengatakan mengenai pembacaan di peringkat masyarakat sebagai,

“... yang menjadi kunci kepada pendidikan seumur hidup ialah membaca. Membaca adalah tangkal hidup masyarakat akan datang. Ketiadaan tradisi membaca di kalangan masyarakat Malaysia adalah disebabkan anak-anak dan masyarakat tidak dididik atau didedahkan dengan dunia pembacaan”.

Menurut beliau lagi, membaca adalah suatu proses mental atau proses kognitif yang membolehkan seseorang individu itu mengikuti dan memberikan respons terhadap apa yang dibaca. Aktiviti ini bersifat aktif dan interaktif yang memungkinkan pembaca untuk memahami fikiran penulis dan bertindakbalas samada bersetuju atau tidak terhadap idea-idea yang dikemukakan oleh penulis. Di samping itu, membaca dapat membangunkan intelektual, membentuk pemikiran kreatif dan dinamis dengan mencipta sesuatu idea baru serta dapat melahirkan masyarakat yang progresif dan berdaya saing, khususnya dalam keinginan kita menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

Sekiranya wujud asas yang kukuh dan padu daripada didikan ibu bapa yang bermula di rumah dan kerjasama para guru di sekolah, budaya membaca akan tetap subur. Engku M. Annuar (1980) mengatakan tentang budaya membaca sebagai,

“ satu keadaan di mana wujudnya satu masyarakat yang mencapai satu tahap amalan dan minat membaca di kalangan masyarakat telah menjadi sehati.....Ia boleh menghidupkan masyarakat sebagai satu masyarakat aktif yang padu dari segi personaliti dan rohani serta maju dan matang dari segi material dan fizikal”.

Davies (1997), memberikan pengertian membaca sebagai suatu proses mental atau proses kognitif yang membolehkan seseorang pembaca itu mengikuti dan memberikan respon terhadap apa yang dibaca. Oleh itu membaca adalah kegiatan yang bersifat aktif dan interaktif. Melalui aktiviti membaca, pembaca dapat memahami fikiran penulis dan bertindakbalas sama ada bersetuju atau tidak terhadap idea-idea yang dikemukakan oleh penulis. Membaca adalah suatu proses yang berkembang (*a development process*). Minat membaca ini merupakan suatu faktor yang penting yang akan mempengaruhi sikap seseorang pelajar terhadap bacaan dan sikap ini pula akan menentukan sama ada ia dapat membentuk tabiat membaca yang sihat.

Hal ini disokong oleh hasil kajian yang diperolehi Abdullah (1999), tentang minat membaca di kalangan guru-guru sekolah rendah di Ulu Besut, Kuala Terengganu yang mendapati sejumlah 84.4% guru mempunyai persepsi dan kesedaran tinggi bahawa membaca membolehkan seseorang berjaya dalam kehidupan, dapat menambah ilmu dan dipandang tinggi oleh masyarakat. Malahan hasil kajian ini juga mendapati sebanyak 87% guru-guru di daerah tersebut mengamalkan tabiat membaca ini.

Rohani (1998), berpendapat, membaca merupakan wahana dalam salah satu peringkat dalam kemajuan sesebuah masyarakat. Matlamat masyarakat membaca ialah melahirkan budaya ilmu yang mantap dan masyarakat ini perlu mengutamakan mutu bahan bacaan. Sehubungan itu, segenap lapisan masyarakat haruslah mengamalkan minat membaca yang sihat bagi mempertingkatkan kemajuan dalam masyarakatnya sendiri..

Menurut Abu Bakar (1994) pula, era ledakan maklumat dan ilmu pengetahuan yang kita hadapi sekarang memerlukan kita meningkatkan proses pemakluman (*informatization*) masyarakat. Proses ini perlu untuk membentuk sikap dedikasi masyarakat terhadap maklumat dan ilmu pengetahuan dan hanya dapat dicapai melalui proses pembacaan yang berterusan.. .

Menurut Annamalai (1994) dalam kajiannya tentang minat membaca pelajar serta kepentingannya dan kaitannya dengan pencapaian akademik, mendapati ramai pelajar lebih menggemari akhbar iaitu sejumlah 38.7%, diikuti oleh majalah sejumlah 33.9% dan hanya sejumlah 27.4% pelajar yang minat membaca buku. Budaya membaca dan budaya ilmu adalah suatu ciri pembangunan budaya dan masyarakat atau bangsa yang berorientasikan pendidikan dan keilmuan.

Berdasarkan satu artikel yang disiarkan menerusi ruangan NSEduNet (2002) Lord Bacon, seorang ahli falsafah Inggeris, dipetik pernah menyuarakan pendapat, “ membaca menjadikan seorang itu berisi”. Maksudnya, membaca ialah suatu aktiviti yang boleh membangunkan intelektual, membentuk pemikiran kreatif dan dinamis serta dapat melahirkan masyarakat yang progresif dan berdaya saing, khususnya dalam keinginan kita menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

Setiap pelakuan dilakukan dengan sebab-sebab tertentu. Kita membaca adalah untuk memenuhi beberapa tujuan. Menurut Omar, (1993), para pelajar membaca untuk memenuhi dunia fantasi, menikmati keseronokan, serta memperdalam keinginan untuk mendapatkan sesuatu yang indah dan menarik. Pemerolehan ilmu pengetahuan melalui pembacaan penting untuk menemui atau mencipta idea-idea baru, lalu memberi sumbangan kepada khazanah ilmu itu sendiri.

2.1.4 Faktor- faktor yang mempengaruhi minat membaca

Dechant (1977), telah merumuskan beberapa faktor yang menentukan minat membaca iaitu faktor kebudayaan, sosial, sosioekonomi, kecerdasan, perbezaan jantina, umur dan jenis bahan bacaan. Schonnel (1974) pula menyatakan, pembentukan minat membaca pelajar bergantung kepada lima faktor iaitu persekitaran rumah, tahap kecerdasan, kebolehan membaca, jenis aktiviti yang menarik serta panduan dan bimbingan pada pelbagai peringkat umur. Perkara ini disokong oleh Ramlah (1980) yang juga bersetuju bahawa terdapat faktor yang dapat mencorakkan kegemaran dan kebiasaan membaca remaja. Antaranya ialah faktor kebudayaan, kemasyarakatan, psikologi, minat, sikap dan juga faktor persekitaran.

Rumusan yang hampir sama juga dibuat oleh Ismail (1981) yang mengatakan, ada pelbagai cara yang boleh dilakukan untuk membolehkan gerakan tabiat membaca direalisasikan. Menurut beliau, hal ini melibatkan tiga perkara utama, iaitu persekitaran, pusat sumber dan pengajaran. Jadi, jelaslah PSS adalah antara institusi atau badan utama di sekolah yang memainkan peranan yang utama dalam menyuburkan minat dan tabiat membaca ini.

Secara umumnya, menurut Aziz (1998), budaya membaca dan budaya ilmu boleh dikaitkan dengan situasi sikap dan nilai sesebuah masyarakat terhadap ilmu pengetahuan. Masyarakat yang telah mengalami proses internalisasi budaya lazimnya memiliki sikap yang positif dan memberikan nilai yang tinggi, di samping menunjukkan kesediaan yang berterusan untuk menerokai maklumat dan ilmu pengetahuan yang baru. Kesediaan ini wujud disebabkan terdapatnya *intellectual curiosity* atau perasaan ingin tahu yang mendalam di kalangan anggota masyarakat itu. Seringkali budaya dikaitkan dengan amalan membaca ini.

Menurut Khatijah (2000) terdapat pendapat yang mengatakan bahawa, “ *we are not reading society but chatting society*”. Hal ini adalah akibat daripada budaya kita yang dikatakan lebih gemar mendengar dan berbual-bual (*chatting*) lebih daripada membaca.

Menurut Khusayri (1997), sesebuah masyarakat yang mempunyai tradisi budaya membaca yang telah mantap lebih mudah mengembangkan budaya ilmu. Hal ini kerana tradisi membacalah yang menjadi perangsang utama yang boleh menggerakkan berbagai-bagai kegiatan yang bercorak keilmuan. Tradisi dan budaya membaca tidak semestinya akan tumbuh apabila kadar literasi di sesebuah negara itu meningkat. Tanpa tradisi membaca, sesebuah negara itu, walau setinggi manapun kadar literasinya, lebih mudah dijangkiti oleh satu gejala sosial yang diistilahkan sebagai gejala *illiterate literate*.

Menurut beliau lagi, gejala ini muncul apabila masyarakat tahu dan boleh membaca, tetapi sebahagian besar daripada mereka kurang berminat dan tidak ada kemampuan untuk membaca. Menyedari betapa bahayanya gejala sosial ini kepada proses

pembangunan negara, maka kita mendapati banyak negara yang telah mengambil langkah untuk menggiatkan usaha meningkatkan minat dan kemahuan untuk membaca.

Menurut Fatimah (2002), berdasarkan maklum balas awal mengenai Program NILAM yang dijalankan oleh Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia sehingga bulan Disember 2001, didapati bahawa amalan membaca di kalangan pelajar masih di tahap yang rendah.

Kenyataan kajian ini adalah sama dengan apa yang pernah diutarakan oleh Kassim (1989) bahawa,

”.....kesuntukan masa bagi para pelajar membaca menjadi salah satu sebab utama menghalang mereka untuk terus membaca, walaupun minat untuk membaca di antara mereka adalah tinggi. Hal ini adalah disebabkan oleh sikap para pelajar dan ibu bapa terhadap pendidikan.”

Zanaria (1999) pula mendapati, menonton televisyen adalah aktiviti yang paling disukai pelajar di institusi pengajian tinggi, diikuti membaca, bersukan, berbual-bual di telefon, mendengar muzik dan sebagainya. Daripada 250 responden, sebanyak 30% mengatakan mereka tidak membaca buku pada waktu senggang atas alasan membeli buku mahal, tiada masa untuk membaca, melakukan kerja lain yang lebih penting dan tidak minat. Ini adalah antara fenomena pelajar yang amat membimbangkan pada masa kini khususnya pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi.

Menurut Safiah (1989), faktor motivasi sendiri dalam hal tabiat membaca adalah amat penting. Menurut beliau, jika seseorang itu tidak berminat untuk membaca, kita tidak dapat memaksanya untuk berbuat demikian. Fenomena tidak membaca berpunca daripada wujudnya suatu vakum intelektual iaitu sikap negatif kebanyakan orang, termasuk mereka yang dipertanggungjawabkan untuk memindahkan ilmu, yang menganggap membaca itu sebagai beban yang memakan banyak masa.

Situasi ini juga dijelaskan oleh Fatimah (1998), yang mengatakan bahawa faktor motivasi adalah amat penting dan boleh diterapkan dalam bacaan melalui beberapa cara. Antaranya ialah penglibatan, perasaan ingin tahu, perhatian, peneguhan, pengalaman dan pencapaian, taraf aspirasi, dan strategi pengajaran.

Sementara itu, berdasarkan dapatan kajian oleh Muhamad Azhar (1999) , beliau mendapati bahawa fungsi personaliti atau dalaman diri pelajar amat mempengaruhi tahap kesedaran metakognitif membaca. Oleh itu pelajar perlu diubah melalui intervensi pendidikan atau tindakan psikologi bagi meningkatkan fungsi personaliti dan seterusnya kemahiran kognitif dan metakognitif mereka sebagai satu persediaan yang sistematik dan seimbang ke arah pencapaian akademik yang cemerlang.

Sementara itu, Raja Abdullah (1994) pula berpendapat ibu bapa wajar membeli buku sebagai hadiah kepada anak-anak kerana mereka pasti akan meneliti isi buku tersebut dan lambat laun akan mula memberi perhatian kepada bacaan. Selain itu, ibu bapa harus menyediakan perpustakaan kecil di rumah dan sentiasa membacakan cerita kepada anak-anak sebagai dorongan yang kuat bagi menanamkan minat terhadap tabiat ini sejak anak-anak kecil lagi.

Terdahulu, Raja Abdullah (1985), ada mengatakan bahawa terdapat sebilangan kecil ibu bapa yang berupaya daripada segi kewangan dan mungkin daripada segi intelek dapat memberi galakan, dorongan, dan bahan bacaan kepada pelajar. Namun, beliau juga berpendapat bahawa sebilangan besar pelajar masih mengharapkan perkhidmatan perpustakaan di sekolah sebagai tempat untuk mendapatkan sumber bahan bacaan yang berbentuk akademik mahupun sebaliknya.

Menurut Mohd. Salehuddin (1999), berdasarkan sebuah kajian di Amerika Syarikat mendapati ibu bapa adalah sumber motivasi yang paling kuat dalam menggalakkan para pelajar ini membaca iaitu sebanyak 52% manakala guru pula hanya memainkan peranan sebanyak 27%. Namun begitu guru mampu memainkan peranan untuk memupuk kewujudan perasaan hubungan antara tindakan pelajar membaca dengan bahan bacaan yang dibaca.

Menurut Zaliha (2000) dalam satu kajian kes tentang minat membaca di kalangan pelajar lelaki Tingkatan 4 di SMK Seri Ampang, beliau mendapati terdapat tiga cara untuk mewujudkan hubungan ini iaitu pertama, guru-guru boleh membantu pelajar merasakan bahawa bahan bacaan itu adalah hak mereka; kemudian menyediakan masa yang sesuai untuk pelajar membaca dan akhir sekali guru perlu terlibat sama dengan pelajar melalui perbincangan bahan-bahan yang dibaca oleh pelajar.

Kajian tempatan tentang minat membaca ini juga dijalankan oleh Szarina (1995) ke atas pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi tempatan. Dalam kajian tersebut, penyelidik mendapati sebanyak 26.2% responden mengatakan pensyarah sebagai pendorong dalam

menyemai tabiat membaca. Sementara sejumlah 17.5% pula mengatakan kawan sebagai pendorong. Hal ini menunjukkan betapa pentingnya peranan tenaga pengajar di semua peringkat sistem pendidikan, daripada bangku sekolah hinggalah di pusat-pusat pengajian tinggi, sebagai pendorong kepada pelajar-pelajar ke arah menyuburkan minat membaca dan mencari maklumat.

Dalam hal ini Aizam (2001) mengatakan, bagi mempertingkatkan kemahiran membaca, memupuk tabiat membaca dan melahirkan generasi yang mencintai buku, tidak ada faktor lain yang lebih penting daripada faktor minat. Seseorang yang mempunyai minat membaca akan melahirkan sikap yang positif terhadap bacaan. Seterusnya ia akan membentuk tabiat membaca yang baik. Jikalau pelajar sudah ada minat terhadap buku, separuh daripada objektif pengajaran sudah tercapai. Minat secara umumnya melahirkan motivasi, iaitu kemahuan untuk melakukan sesuatu. Hal ini termasuklah motivasi untuk belajar. Oleh itu, tidak syak lagi bahawa minat, pencapaian, sikap dan tabiat membaca adalah perkara terpenting dalam bidang pendidikan.

Selain galakan dan motivasi daripada pelbagai pihak, faktor bahan bacaan turut mempengaruhi minat para pelajar untuk membaca. Bahan bacaan merupakan bahan cetakan yang diterbitkan untuk bacaan umum seperti buku, majalah, akhbar dan lain-lain. Setiap bahan bacaan mempunyai pelbagai laras bahasa dan berbeza dari segi kosakata, rangkaikata, ayat dan gaya penulisan (Ahmad, 1989). Pelajar seharusnya digalakkan membaca pelbagai jenis bahan supaya mereka berupaya membuat tafsiran, penilaian, dan rumusan dengan wajar.

2.1.5 Peranan Pusat Sumber dalam usaha mempromosikan gerakan tabiat membaca

Menurut Kamarudin (1996), sekolah adalah tempat yang paling awal dan utama untuk memulakan program gerakan membaca yang berkesan. Hal ini dapat dilakukan dengan mewujudkan suasana atau iklim pembelajaran yang menggalakkan. Pihak sekolah harus dapat menyediakan segala kemudahan, terutamanya yang berbentuk fizikal yang berupaya merangsang kewujudan budaya membaca. Perpustakaan, pusat sumber atau sudut-sudut bacaan di persekitaran sekolah harus sentiasa dapat memainkan peranan aktif dalam memastikan kewujudan yang berkekalan terhadap minat membaca dan menimba ilmu ini.

Sementara itu, Azah (1992) mengatakan, membaca merupakan salah satu proses penting untuk mendapatkan ilmu, maka untuk menggalakkan seseorang pelajar agar terus membaca, gerakan tabiat membaca harus dimulakan sejak di bangku sekolah rendah lagi dan dilanjutkan hingga ke peringkat yang lebih tinggi. Bak kata pepatah “ melentur buluh biarlah daripada rebungunya”. Justeru, selain bilik darjah, Pusat Sumber Sekolah (PSS) terutamanya Unit Perpustakaan dapat memainkan peranan penting dalam usaha memupuk minat membaca di kalangan para pelajar.

Namun menurut Zaharah (1999), pendapat lain yang diperolehinya menggambarkan pandangan masyarakat yang mengatakan bahawa Projek Pusat Sumber Sekolah (PSS) merupakan projek yang kurang membawa faedah kerana PSS dikatakan lebih berfungsi sebagai pusat koleksi bahan lama, atau sebagai muzium sekolah yang diabaikan oleh para pelajar. .

Kejayaan sesuatu program terutama program bacaan banyak bergantung kepada pengurusan pusat sumber yang cekap. Di samping Pengetua dan Guru Besar, peranan guru Pusat Sumber Sekolah (PSS) amat penting untuk menerajui pengurusan PSS sebagai nadi penggerak aktiviti membaca (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1998). PSS adalah pusat ilmu, pusat penemuan, pusat pengajaran dan pembelajaran, pusat professional serta pusat hubungan sosial. Ia memerlukan prasarana yang dibangunkan dari segi keselesaan dan bahan bacaan yang sesuai serta mencukupi.

Sehubungan dengan hal ini, Wan Ismail (2001), menyatakan kecemerlangan PSS bukan hanya bermaksud PSS itu mesti canggih, cantik dan berseri, tanpa memberi apa-apa hasilan "*out put*" kepada sekolah. Kecemerlangan yang dimaksudkan di sini ialah dilihat dari segi pengurusan PSS itu sendiri dalam merencanakan program-program PSS dan penggunaan serta hasilnya, kerana PSS adalah merupakan teras kepada program pembelajaran yang aktif.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Siti Hadijah (2002) ke atas 20 orang pengetua tentang kepentingan membangunkan PSS, sebanyak 53% pengetua menyedari PSS sebagai gedung ilmu iaitu tempat atau pusat ilmu pengetahuan, simpanan bahan-bahan maklumat, rujukan melalui pembacaan, menambahkan ilmu pengetahuan dan meningkatkan kemahiran pelajar serta kemudahan untuk mengulangkaji.

Sementara sejumlah 33% pengetua mengibaratkan PSS sebagai nadi kejayaan. Sebanyak 12 orang pengetua pula, mengatakan mereka harus memainkan peranan penting sebagai ketua dalam memastikan kelancaran dari aspek perancangan dan pengimplementasian, pengawalan dan pemantauan.

Hashim (1981) dan Zulkefli (1992) pula menyatakan, perpustakaan harus dikelola dengan cekap untuk menggalakkan pelajar menggunakan bahan bacaan dengan berkesan. Perpustakaan bukan hanya tempat mengumpul koleksi bahan bacaan, menawarkan perkhidmatan pinjaman dan pemulangan tetapi harus mengadakan pelbagai aktiviti galakan membaca untuk menarik minat pelajar menggunakan bahan bacaan di peringkat optimum.

Berdasarkan kajian oleh Hashim (1981), didapati bahawa sebanyak 70% pelajar berkunjung ke perpustakaan untuk membuat rujukan walaupun sebilangan daripada mereka menjadikan perpustakaan sebagai tempat untuk menyiapkan kerja rumah. Perpustakaan atau pusat sumber yang diurus dengan terancang akan mengandungi bahan bacaan dan pelbagai aktiviti galakan membaca yang sesuai yang dapat menarik minat pelajar untuk memberi sumbangan kepada masyarakat keseluruhannya. (Faridah dan Subahan, 1993)

Wong (1982) pernah mengatakan bahawa, ”.....penggunaan adalah matlamat utama untuk menubuhkan pusat sumber sekolah. Tanpa penggunaan yang berkesan, bahan yang disediakan akan menjadi sia-sia sahaja. Oleh itu, usaha berterusan hendaklah dijalankan untuk menggalakkan para pelajar dan guru-guru menggunakan pusat sumber itu sepenuhnya.”

PSS patut berganding rapat dengan dasar pendidikan sekolah mengikut ketetapan yang telah digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Pustakawan dan guru PSS harus bertanggungjawab untuk menyokong dan mengekalkan minat para pelajar

terhadap bacaan dan ini boleh dilakukan dengan memilih bahan-bahan bacaan yang sesuai untuk mereka (Raja Abdullah, 1994).

Selain itu, menurut Iskandar (2001), PSS harus mengadakan pelbagai program untuk menggalakkan penggunaannya. Dalam hal ini, penggunaan PSS sebagai pusat pembelajaran sendiri serta pusat rekreasi harus dirancang oleh sekolah untuk menanam tabiat gemar membaca ini. Program-program yang bercirikan pembelajaran sendiri harus diberi keutamaan oleh PSS seperti "*Drop Everything And Read*" (DEAR), dan Program NILAM untuk peningkatan pembacaan pelajar.

Berpandukan laporan Penilaian Projek Menggalakkan Penggunaan Pusat Sumber Sekolah bagi Sekolah-sekolah Rendah Negeri Johor Tahun 1993 (Johor, Jabatan Pendidikan, 1993), mendapati bahawa melalui aktiviti galakan membaca, jumlah pinjaman melebihi 4 buah buku dalam jangka masa sebulan telah meningkat berbanding dengan tahun 1992. Bagi sekolah kebangsaan, tahap peningkatan adalah sebanyak 7.2%, iaitu daripada 54% (1992) kepada 61.2% (1993). Situasi ini dikatakan telah menunjukkan kemajuan yang baik.

Sementara itu menurut Che Hatijah (1999), terdapat beberapa faktor yang menentukan kejayaan PSS sekolah beliau termasuklah kejayaan-kejayaan dalam merancang dan melaksanakan program atau aktiviti membaca iaitu :

- a. pengurusan dan pentadbiran PSS yang dirancang dengan teliti dan berkesan sesuai dengan keadaan dan situasi semasa

- b. mendapat kepercayaan dan mandat daripada Guru Besar dan pihak pentadbir sekolah untuk memajukan PSS ke mercu kejayaan
- c. mendapat sumbangan dan kerjasama yang baik daripada guru-guru, ibu bapa, dan masyarakat setempat
- d. perkhidmatan PSS yang professional dan mesra memberi kesan yang baik kepada perkembangan PSS kerana semua guru dan murid memberi kerjasama, sokongan dan komitmen yang jitu
- e. Jawatankuasa PSS sentiasa aktif merancang program-program yang menarik, melibatkan warga sekolah, ibu bapa dan masyarakat setempat.

Sehubungan dengan hal ini, Cheah (1996) turut mengemukakan pendapat yang sama dalam dapatan kajiannya tetapi agak berbeza pendekatan. Menurut beliau, cabaran sosial dan pendidikan pada masa kini menjadikan pelajar-pelajar kita semakin malas membaca. Dari segi prasarana, kualiti dan kuantiti infrastruktur yang ada di sesetengah PSS adalah masih di bawah keupayaan sebenar untuk membolehkan PSS menawarkan pelbagai perkhidmatan yang terbaik kepada para pelajar. Selain itu peranan PSS untuk mempromosikan gerakan tabiat membaca adalah turut dibatasi oleh faktor sumber manusia.

Dalam hal ini, pengetahuan, kemahiran dan kepakaran penyelaras dan guru-guru PSS adalah faktor penting bagi menentukan kejayaan sesuatu program yang dilaksanakan oleh PSS. Sebagai agen yang menerajui pembaharuan dan perubahan, penyelaras PSS perlu sentiasa meningkatkan kemahiran terkini mengenai perkembangan semasa terutama isu-isu semasa yang berkaitan dengan bidang tugas mereka. Penyelaras PSS

juga seharusnya berkeupayaan mengenalpasti sumber-sumber maklumat dan rujukan yang dapat membantu pelanggan atau pengguna PSS secara keseluruhannya.

Menurut Cheah lagi, setiap program yang dirancang dan akan dilaksanakan tentunya melibatkan kos. Ketiadaan punca kewangan alternatif sering menjadi penghalang kepada kelancaran perjalanan sesuatu program. Sistem pengagihan peruntukan kewangan terkawal kadangkala menyukarkan pelaksanaan sesetengah aktiviti. Seringkali faktor kewangan menghalang kelancaran perjalanan sesuatu program dan seterusnya mencacatkan keberkesanan program.

Kesimpulannya, kejayaan sesuatu program bacaan banyak bergantung kepada beberapa faktor. Antaranya, pengurusan pusat sumber yang cekap termasuklah dari segi perancangan tahunan, sistem pinjaman dan pemulangan buku serta alatan yang cekap dan bersistematik, kewangan yang mencukupi, prasarana yang lengkap, kepelbagaian program yang menarik, pemberitahuan dan penyebaran maklumat yang dilakukan secara kerap dan sebagainya. Di samping Pengetua dan Guru Besar, peranan guru PSS amat penting untuk menerajui pengurusan PSS sebagai nadi penggerak aktiviti membaca. Pusat Sumber Sekolah adalah pusat ilmu, pusat penemuan, pusat pengajaran dan pembelajaran, pusat professional serta pusat hubungan sosial.

2.1.6 Gerakan tabiat membaca di bawah Program NILAM

Gerakan tabiat membaca boleh ditakrifkan sebagai kegiatan yang dirancang dan diusahakan untuk mendorong, mendesak, merangsang, dan memberi semangat baru kepada seseorang individu untuk membaca. (Teuku Iskandar, 1986). Aktiviti ini

diperkenalkan kerana wujud isu masyarakat yang tahu membaca tetapi tidak suka atau kurang berminat untuk melakukan pembacaan.

Somsong Sangkaeo, (1999) mengatakan bahawa, promosi tabiat membaca (*reading habits promotion*) ialah ,

“ behaviour which express the likeness of reading of individual, which occur regularly of leisure reading approach, types of reading, tastes of reading, uses of library services viewing on what they have fixing on objectives of reading”

Sebagaimana yang diketahui, tabiat membaca bukanlah merupakan suatu sifat semulajadi, sebaliknya perlu dipupuk dan dirancang agar melahirkan keinginan dalam jiwa seseorang individu untuk terus membaca dan mencapai keseronokan daripada bahan yang dibaca. (Omar, 1993). Sehubungan itu, gerakan tabiat membaca yang dilaksanakan di perpustakaan dan di pusat-pusat sumber seharusnya dapat menggerakkan seseorang individu untuk menyertai aktiviti berkenaan dengan penuh minat di samping menggunakan bahan bacaan di perpustakaan dengan sistematik dan berkesan.

Kementerian Pendidikan Malaysia (1991), mengatakan lanjutan daripada isu kurang membaca dan kurang menggunakan bahan bacaan di Unit Perpustakaan, maka melalui Surat Pekeliling KP (BS) 8591/JLD, 111/(3) (dalam Malaysia, 1991), semua sekolah di Malaysia diwajibkan melaksanakan pelbagai aktiviti galakan membaca sempena pengisytiharan Tahun Pembaca 1988.

Menurut sumber daripada Bahagian Teknologi Pendidikan (1998), menjelang akhir tahun 1997 pula, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah melancarkan satu program bacaan yang dikenali sebagai Program NILAM (Nadi Ilmu Amalan Membaca). Program ini merupakan penggabungan atau adunan kesemua aktiviti galakan membaca yang pernah dijalankan di sekolah-sekolah dengan memberi pengiktirafan yang sesuai. Ia adalah suatu pendekatan penggalakan penyuburan tabiat membaca yang berterusan. Program ini dilaksanakan ke semua sekolah rendah dan menengah mulai tahun 1999 melalui Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 13/1998 bertarikh 22 Mei 1998.

Matlamat utama program ini ialah supaya terbinanya (wujudnya) tabiat membaca yang berterusan di kalangan murid dan pelajar sekolah melalui pelbagai aktiviti yang menjadikan murid banyak membaca; dan menggalakkan sekolah terus menjana idea kreatif dan inovatif bagi menyemai tabiat membaca.

Menurut Aishah (1998), berpandukan program ini sekolah-sekolah digalakkan supaya menjalankan dua tahap aktiviti membaca; iaitu Tahap I (JAUHARI) dan Tahap II (RAKAN PEMBACA). Pada tahap I, semua aktiviti bertujuan menjurus ke arah penguasaan kemahiran membaca dan pemupukan tabiat membaca yang berterusan. Tahap II pula, bertujuan memberi penekanan terhadap kebolehan murid untuk membimbing dan menarik minat orang lain supaya suka membaca. Semua aktiviti perlulah dirancang sebaik-baiknya dengan mengambil kira aspek-aspek penyediaan bahan bacaan, peruntukan masa membaca, penglibatan semua guru dan ibu bapa. Sehubungan dengan hal ini, Pusat Sumber Sekolah hendaklah dijadikan pusat segala kegiatan gerakan galakan membaca.

Hasil kajian pihak kementerian mendapati kesan daripada program membaca yang telah dijalankan sebelum 1995 masih belum mencapai tahap yang dikehendaki (Malaysia, Kementerian Pendidikan, 1998). Oleh itu amat wajar Program NILAM diperkenalkan secara menyeluruh di semua peringkat persekolahan di seluruh negara. Namun, menurut Sarjit (1999), walaupun Program NILAM ini telah dilancarkan dua tahun lalu dan diberi publisiti yang agak luas di sekolah-sekolah rendah dan menengah namun pelaksanaannya masih lagi belum mencapai tahap yang membanggakan.

Sepatutnya aktiviti ini hanya perlukan usaha pemantapan sahaja memandangkan pelbagai aktiviti yang seumpamanya memang telah lama dijalankan. Menurut mereka lagi, masih ada sekolah langsung tidak melaksanakan program ini sebagaimana yang diarahkan dan ada juga yang masih samar-samar mengenai bentuk dan langkah-langkah melaksanakannya. Hal ini juga mendapat pelbagai reaksi daripada guru-guru terutamanya guru pusat sumber yang beranggapan program ini sebagai satu bebanan. Malahan mereka juga kurang faham dengan konsep-konsep yang dinyatakan dalam program ini.

Walaupun menghadapi beberapa halangan dan masalah namun, usaha murni ini seharusnya terus diberi sokongan oleh pelbagai pihak kerana memanglah agak sukar untuk memupuk dan menyemai sesuatu yang mempunyai nilai-nilai murni dan positif seperti tabiat membaca. Hal ini adalah kerana tabiat membaca adalah sesuatu usaha yang baik untuk membentuk sebuah masyarakat yang berilmu dan mampu bersaing dalam dunia global.

Satu kejayaan terhadap usaha menanamkan tabiat membaca di bawah Program NILAM ini ialah apabila seramai 56 orang peserta telah berjaya menerima Anugerah NILAM dan mereka telah diraikan secara besar-besaran di dalam Majlis Anugerah NILAM Kebangsaan 2003 yang telah diadakan di Kuala Lumpur pada 25 Mei 2003 yang lalu (Buletin Pendidikan). Menurut Patricia (2003), setelah lima tahun dijalankan di seluruh negara, malam tersebut merupakan kemuncak program. Pelajar-pelajar yang berjaya memenuhi kriteria yang telah ditetapkan telah diberikan penghargaan. Mekanisme penilaian yang digunakan adalah berasaskan pengesanan pengetahuan, pengesanan kemahiran membaca, pengesanan kebestarian, pengesanan kepimpinan pembacaan, pengesanan penghayatan dan apresiasi pembacaan dan pengesanan kemahiran penyelesaian masalah. Ini dilakukan melalui kaedah temubual dan ujian bertulis.

Menurut laporan mereka lagi, panel hakim telah meyenaraikan beberapa kelemahan yang wujud pada diri calon yang terlibat dalam menjayakan Program NILAM ini iaitu:

- a. pemilihan bahan-bahan yang lebih bersifat popular daripada karya-karya agung.
- b. ketidakseimbangan antara pemilihan bahan bacaan bersifat fiksyen dan bukan fiksyen.
- c. budaya menulis sebagai kesan penting daripada pembacaan juga belum terserlah lagi walaupun ada pelajar yang menulis untuk majalah-majalah sekolah.
- d. penghayatan dan apresiasi pembacaan belum tergambar dengan jelas pada calon-calon.
- e. budaya membaca sebagai satu nikmat, seni dan sesuatu yang menyeronokkan dalam kehidupan belum dapat dikesan walaupun tabiat membaca sudah pun ada.

Sehubungan dengan hal ini juga, Program NILAM hanya boleh diiktiraf sebagai berjaya mencapai matlamatnya setelah melahirkan pelajar-pelajar yang mengamalkan budaya membaca yang berterusan sehinggalah ke alam dewasa. Para Pengetua, Guru Besar, guru-guru dan khususnya guru-guru PSS harus tampil untuk memainkan peranan memberikan pengarahannya yang jelas bagi memastikan pemilihan bahan bacaan pelajar adalah yang bermutu. Aktiviti membaca dan menulis tidak dapat dipisahkan. Justeru, gerakan membaca perlu diselaraskan dengan kegiatan menulis pada tahap persekolahan

Menurut Ainun (2002), pembacaan adalah santapan minda. Sepertimana makanan yang berkhasiat boleh membina badan yang sihat, pembacaan bahan-bahan yang bermutu juga akan membina minda yang sihat. Minda yang terbuka pasti dapat menyumbang ke arah kebaikan dan kesempurnaan. Melalui amalan pembacaan yang jitu juga, dapat memelihara akhlak dan jiwa manusia ke arah kehidupan yang sejahtera dan murni sesuai dengan peranannya sebagai khalifah. Oleh itu amat wajarlah Program NILAM diperkenalkan sebagai usaha bersepadu bagi membina tabiat membaca di semua sekolah rendah dan menengah.

Sehubungan itu, sesuatu galakan untuk menanamkan tabiat membaca adalah memerlukan perancangan yang rapi dan usaha yang bersungguh-sungguh tanpa mengenal erti jemu dalam memastikan kejayaannya dan seterusnya dapat merealisasikan wawasan negara.

Usaha mengadakan program-program membaca telah lama dimulakan, sebagaimana yang terdapat di dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (1984) yang mengatakan,

“ Masalah yang besar hari ini ialah murid-murid tidak gemar membaca. Sebagai satu cara untuk menyelesaikan masalah ini adalah diperakukan satu rancangan yang berterusan dilancarkan untuk membina dan memupuk tabiat suka membaca di kalangan murid-murid. Rancangan ini boleh dijalankan melalui projek dan program yang disusun berdasarkan strategi yang berkesan dan bersungguh-sungguh.”

Primalani (1994) pula menyokong pendapat ini dengan mengatakan bahawa, strategi program bacaan dapat dicapai dengan dua pendekatan :

- a. membangunkan infrastruktur fizikal dan rangkaian perpustakaan, sumber bacaan, dan koleksi perpustakaan
- b. mengadakan projek dan aktiviti yang dapat menggerakkan kegemaran membaca selaras dengan usaha untuk meningkatkan kadar celik huruf.

Menurut Fatimah (2002), setakat ini daripada maklumbalas yang diterima sehingga 31 Disember 2001, jelas menunjukkan bahawa pencapaian kemajuan program masih lagi rendah dan berbeza-beza mengikut negeri walaupun semua sekolah rendah dan menengah telah melaksanakan program ini.. Secara purata dapat dikatakan bahawa hanya kira-kira sebanyak 20.5% murid sekolah rendah mencapai tahap JAUHARI dalam empat (4) kategori yang ditetapkan iaitu Gangsa, Perak, Emas dan NILAM. Pencapaian bagi tahap RAKAN PEMBACA pula ialah kira-kira sebanyak 7.7 %.

Hanya kira-kira sejumlah 15.9% pelajar sekolah menengah mencapai tahap JAUHARI dalam keempat-empat kategori yang ditetapkan. Pencapaian bagi tahap RAKAN PEMBACA pula ialah sebanyak 8.6%. Walaupun begitu, menurut laporan dari sekolah-sekolah, bilangan pinjaman buku-buku di PSS meningkat dan bilangan pelajar ke PSS juga bertambah. Malah, sudah mulai timbul suasana murid dan pelajar membaca di sekolah.

Namun, menurut Abdul Rashid (2000), faktor kekangan masa menjadi perkara penting untuk menjayakan sesuatu program bacaan. Sebanyak 96.9% responden mengatakan bahawa aktiviti menguruskan program NILAM memerlukan banyak masa dan tumpuan untuk dijayakan. Hal ini termasuklah aktiviti mengisi rekod bacaan pelajar ke dalam kad kemajuan, surat berhenti sekolah, surat pindah sekolah dan sebagainya. Hanya sebanyak 3.1% responden tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Selain itu, sejumlah 89.7% responden mengatakan bahawa pentadbir tidak pernah mengambil tahu mengenai kekangan masa guru-guru yang terlibat dalam program ini.

Menyedari hakikat inilah langkah-langkah pemantapan program NILAM perlu dilakukan oleh semua pihak bagi memastikan murid-murid sekolah sentiasa dimotivasikan untuk membaca sepanjang tahun agar mereka berminat untuk membaca dan terus membaca (*reading leads to reading*). Minat membaca dan cintakan ilmu ini perlu dikekalkan melalui pelbagai aktiviti yang kreatif dan menyeronokkan kerana membaca dan menulis itu kunci ilmu pengetahuan.

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Penyelidikan dijalankan dengan menggunakan kajian berbentuk tinjauan deskriptif. Menurut Mohd. Majid (2000), penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Seringkali juga penyelidikan deskriptif bermatlamat untuk menerokai sesuatu bidang yang belum atau kurang dikaji seperti Program NILAM ini. Kajian deskriptif pada dasarnya boleh dikelaskan sama ada dalam bentuk tinjauan atau kajian pemerhatian. Kaedah ini memberi tumpuan kepada pendapat daripada sampel yang berkaitan dengan program yang dikaji. Cara temubual dan tinjauan yang digunakan dapat memberikan data komprehensif serta dapat memberikan gambaran sebenar bagi mencapai tujuan penyelidikan.

3.2 Instrumen kajian

Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan satu set borang soalselidik yang mengandungi 24 item dan soalan-soalan temubual yang dibuat berdasarkan objektif-objektif kajian. Borang soalselidik ini telah diberikan hanya kepada pelajar-pelajar yang menjadi sampel untuk mendapatkan data-data yang diperlukan. Ianya dianggap praktikal dan berkesan kerana soal selidik memerlukan kejujuran dan ketepatan subjek dalam menjawab semua soalan yang dikemukakan. Selain itu soalselidik adalah lebih sesuai dan berkesan digunakan untuk populasi yang besar di samping mampu meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerak balas subjek terhadap rangsangan soalan yang diberikan. Soal selidik juga membolehkan sampel bebas memilih dan melahirkan pendapat kerana nama serta butir peribadi mereka tidak perlu dinyatakan. Hal ini boleh

meningkatkan kebolehpercayaan kajian. Di samping itu, masalah masa dan kemampuan tenaga yang terhad menyebabkan penyelidik memilih kaedah ini dan ianya dianggap paling tepat dan sesuai. Soalselidik yang digunakan adalah dalam bentuk tertutup serta diatur dan dibentuk seragam supaya dapat membantu subjek kajian berasa selesa dan boleh mengingat kembali perkara yang telah berlaku.

Soal selidik untuk kajian ini hanya terdiri daripada satu (1) set dan digunakan oleh pelajar-pelajar sahaja. Soal selidik ini dibahagikan kepada lima (5) bahagian, iaitu bahagian A, B, C, D, dan E. Bahagian A mengandungi item-item mengenai peribadi pelajar seperti jantina dan tingkatan. Bahagian B merangkumi maklumat latar belakang aktiviti membaca pelajar tersebut. Bahagian C terdiri daripada maklumat tentang peranan Pusat Sumber Sekolah (PSS). Bahagian D mengandungi enam (6) item yang berkisar pada usaha promosi Pusat Sumber Sekolah (PSS) terhadap program membaca dan Bahagian E pula terdiri daripada 11 soalan mengenai Program NILAM.

Sementara itu, kaedah temubual pula telah dijalankan ke atas para guru yang dipilih sebagai sampel. Melalui kaedah ini maklumat diperolehi secara langsung oleh penyelidik daripada subjek. Kaedah ini amat praktikal untuk mendapatkan maklumat yang tepat daripada populasi yang kecil. Penyelidik telah menentukan guru-guru kelas dan matapelajaran yang terlibat iaitu seramai 20 orang dalam kajian ini berdasarkan senarai daftar guru-guru dan pilihan cadangan oleh pihak pentadbir di kelima-lima buah sekolah yang dipilih. Bilangan ini juga termasuk guru penyelaras PSS dan pentadbir sekolah. Sebanyak tiga (3) set soalan temubual disediakan iaitu;

- a. set 1, terdiri daripada soalan-soalan yang dikemukakan kepada Penyelaras PSS atau guru PSS ,
- b. set 2 terdiri daripada soalan-soalan temubual untuk guru kelas dan guru bahasa (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris), dan
- c. set 3 soalan-soalan untuk Pengetua atau Guru Penolong Kanan.

3.3 Populasi dan sampel

Seramai 20 orang pelajar dipilih secara rawak dari keseluruhan setiap tingkatan 1, 2 dan 4 di lima buah sekolah yang telah dipilih. Hal ini dapat menentukan 300 orang sampel yang boleh digunakan untuk kajian ini. Rasionalnya pelajar-pelajar ini dipilih adalah kerana mereka tidak terlibat dalam sebarang peperiksaan utama (PMR dan SPM).

Di kalangan guru pula, seramai 20 orang telah dipilih sebagai sampel iaitu 5 orang guru penyelaras PSS, 5 orang guru kelas, 5 orang guru mata pelajaran dan 5 orang lagi adalah guru di bahagian pentadbiran seperti Pengetua dan Guru Penolong Kanan. Populasi ini ditentukan oleh penyelidik atas beberapa alasan ;

- a. sekolah-sekolah yang dipilih adalah merupakan sebuah (1) sekolah berasrama penuh, tiga (3) buah sekolah Bestari dan sebuah (1) sekolah harian biasa. Hal ini adalah kerana, penyelidik ingin mendapatkan gambaran sebenar pelaksanaan program ini di beberapa buah sekolah yang berbeza latar belakangnya.
- b. sekolah-sekolah yang dipilih mempunyai kelengkapan dan infrastruktur yang berbeza dari segi bilangan dan fizikalnya. Ini termasuklah koleksi bahan bacaan, kemudahan yang terdapat di dalam pusat sumber seperti komputer, kelengkapan kerusi meja, keselesaan dan lain-lain lagi. Hal ini membolehkan penyelidik menilai sejauhmana kemudahan dan kelengkapan fizikal ini

mempengaruhi minat para pelajar terhadap peranan yang dimainkan oleh sesebuah pusat sumber sekolah.

3.4 Prosedur kajian

Semasa menjalankan kajian ini, beberapa prosedur telah dilalui sebelum penyelidikan sebenar boleh dilakukan. Antaranya, penyelidik menyediakan kertas cadangan berkaitan dengan tajuk yang dipilih dan dihantar ke Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia bagi mendapatkan kelulusan. Setelah itu, penyelidik telah meminta kebenaran daripada Jabatan Pendidikan Negeri yang terlibat iaitu Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan dan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor.

Penyelidik juga telah menghubungi Pusat Sumber Pendidikan Negeri (PSPN) bagi tujuan mendapatkan senarai pusat sumber dan maklumat berkaitan dengan pusat sumber tertentu yang telah dipilih. Setelah urusan kelulusan diperolehi, penyelidik menghubungi pihak sekolah iaitu Pengetua, untuk mendapatkan kebenaran menjalankan kajian melalui temubual dan edaran soal selidik.

Apabila tarikh dan masa yang dicadangkan oleh penyelidik telah mendapat persetujuan Pengetua Sekolah yang terlibat, surat diedarkan untuk memberitahu tarikh serta masa temubual dan soal selidik akan dijalankan. Penyelidik telah menelefon pihak sekolah sekali lagi untuk mendapatkan pengesahan dan mengenalpasti nama-nama sampel yang dipilih. Berdasarkan surat kebenaran yang telah diperolehi dari Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan dan Selangor itu, penyelidik telah memulakan pengumpulan data menggunakan kaedah tinjauan dan temubual pada 15 Jun 2003.

3.5 Kajian rintis

Setelah mendapatkan kelulusan daripada pelbagai pihak, penyelidik juga telah menjalankan satu kajian rintis ke atas enam puluh (60) sampel untuk mendapatkan maklum balas berkaitan dengan item soal selidik dan anggaran masa. Sebanyak 60 sampel ini dipilih secara rawak untuk mendapatkan keesahan. Pelajar-pelajar ini menepati ciri-ciri yang sama dengan sampel kajian yang sebenar. Kajian rintis ini dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Maluri iaitu sekolah di mana penyelidik bertugas sebelum ini. Pelajar-pelajar yang terlibat ialah dari tingkatan 1, 2 dan 4.

Kesemua pelajar dikehendaki memulangkan semula soal selidik setelah selesai menjawabnya. Maklumbalas serta pendapat yang diterima melalui jawapan soal selidik daripada para pelajar digunakan untuk mempertingkatkan tahap kebolehpercayaan soal selidik tersebut. Setelah tinjauan dijalankan, penyelidik meneliti soalan-soalan yang dikemukakan dan membuat sedikit pengubahsuaian dari segi penggunaan istilah, struktur ayat dan kesesuaian soalan.

Hasil daripada kajian rintis ini, penyelidik mendapati terdapat tiga soalan yang mengandungi keraguan dan sukar difahami oleh sampel. Keesahan dan kebolehpercayaan soalan-soalan tersebut telah dibincang dan diperbaiki. Antara bahagian yang diperbetulkan semula bagi memudahkan pemahaman sampel ialah:

- a. Bahagian B - Soalan telah dikurangkan daripada 6 kepada 4 soalan sahaja. 2 soalan dibuang kerana agak mengelirukan.
- b. Arahan menjawab dipermudahkan. Terdapat beberapa soalan yang berbentuk “ya” dan “tidak”. Sekiranya sampel memilih jawapan “ya”, maka dia tidak perlu

menjawab soalan yang mempunyai jawapan “tidak”. Begitu juga sebaliknya. Bahagian ini agak mengelirukan sampel sehinggakan ramai yang menjawab semua soalan sama ada berkaitan ataupun sebaliknya. Oleh itu arahan yang lebih jelas disediakan. Contoh, “ Bagi soalan 15 dan 16 anda hanya perlu menjawab salah satu soalan sahaja”. Satu lagi contoh ialah, “Sekiranya anda menjawab “ya”, bagi soalan 20, sila tandakan jawapan bagi soalan 21, 22 dan 24. Jika jawapan anda “tidak”, sila tandakan jawapan bagi soalan 23 dan 24 sahaja”.

- c. Jumlah keseluruhan telah dikurangkan daripada 26 kepada 24 soalan.

3.6 Kajian sebenar

Penyelidik mengedarkan sendiri 300 set soal selidik kepada sampel untuk dijawab. Sampel dikehendaki menjawab soalan-soalan tersebut dalam masa 20 minit. Penyelidik telah membacakan item satu persatu serta menerangkan maksud item-item tersebut. Para pelajar diingatkan supaya memberikan jawapan seikhlas mungkin. Penyelidik berjaya memperolehi semula 300 set soal selidik yang telah lengkap. Daripada lima (5) buah sekolah yang dilawati, penyelidik berjaya mendapat kerjasama tiga (3) buah sekolah untuk mengedar dan mengutip sendiri soal selidik.

Pihak pengurusan sekolah begitu bermurah hati dan bekerjasama apabila diminta kebenaran untuk mengedarkan soal selidik tersebut. Soal selidik yang digunakan adalah dalam bentuk tertutup serta diatur dan dibentuk seragam supaya dapat membantu subjek kajian berasa selesa dan boleh mengingat kembali perkara yang telah berlaku.

Memandangkan kelas-kelas yang dipilih bukan kelas peperiksaan, Pengetua dengan mudah mencadangkan beberapa nama guru yang boleh memberikan bantuan yang diperlukan. Penyelidik hanya memperuntukkan masa selama 20 minit untuk responden

menjawabnya. Bagi dua (2) buah sekolah lagi, Penyelaras PSS telah bermurah hati untuk memberi kerjasama mengedar dan mengutip semula kertas bagi pihak penyelidik. Malangnya, penyelidik terpaksa berulang sebanyak dua kali ke sekolah terbabit. Namun, kerjasama yang diberikan amat dihargai dan memudahkan lagi kerja penyelidik.

3.7 Analisis data

Sebelum analisa dijalankan, soal selidik telah disemak semula untuk memastikan semua soalan dalam soal selidik telah dijawab. Data- data yang telah dikumpul, dianalisa secara manual dalam bentuk peratusan dan dinilai mengikut perjumlahan populasi berdasarkan kepada objektif kajian. Data-data bagi soal selidik telah dijadikan peratusan dan dipersembahkan dalam bentuk jadual, carta pai dan graf untuk memberikan gambaran yang lebih jelas dan tepat. Manakala data-data yang melibatkan komen serta pendapat telah dianalisa dengan menggunakan senarai semak untuk dibuat rumusan keseluruhannya.

Bagi kaedah temubual pula, pengumpulan dan penganalisan maklumat dilakukan semasa dan selepas temu bual tersebut dijalankan. Temubual dianalisis dengan mengenalpasti tema-tema utama. Tema-tema ini berdasarkan persoalan kajian yang bertumpukan kepada faktor sikap, persepsi dan persekitaran terhadap program ini.

Akhir sekali guru-guru diminta memberikan pandangan tersendiri tentang Program NILAM ini. Penyelidik turut melakukan pemerhatian dengan melihat rekod, catatan serta fail-fail yang berkaitan di pejabat sekolah dan pusat sumber itu sendiri. Penyelidik menulis semula apa yang telah diperbincangkan bagi memastikan kesempurnaan dan ketepatan maklumat yang diperolehi.

BAB EMPAT

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pendahuluan

Bab ini mengemukakan perbincangan berkaitan dapatan hasil analisis data yang didapati melalui temubual dan soalselidik. Selain itu, analisis data juga dibuat berpandukan pada tinjauan dan pemerhatian yang dilakukan secara tidak langsung. Secara umum, dapatan kajian yang dibincangkan merangkumi aspek pelajar, Penyelaras PSS, guru kelas, guru bahasa dan pihak pengurusan sekolah.

Dapatan kajian dapat mencapai objektif untuk mendapat gambaran tentang minat para pelajar terhadap aktiviti membaca, mengenalpasti tanggungjawab dan strategi PSS dalam menjana budaya suka membaca, mengetahui bentuk-bentuk promosi yang dijalankan oleh PSS dalam menggalakkan tabiat membaca serta menyemai budaya ilmu dan melihat reaksi dan komitmen warga sekolah terhadap Program NILAM.

4.2 Latar belakang kajian

Hasil kajian ini berdasarkan kepada data-data dan maklumat yang diperolehi melalui soal selidik dan temubual yang telah dijalankan di lima buah sekolah iaitu SMK (P) Sri Aman, Petaling Jaya, SMK Jalan Tiga, Bandar Baru Bangi, SM Agama Persekutuan, Kajang, SMK Sg. Pusu, Gombak dan SMK Victoria Institution, Kuala Lumpur. Sebanyak 300 orang pelajar dari tingkatan 1, 2 dan 4 telah dipilih untuk menjadi responden bagi tujuan ini. Sementara 20 orang guru iaitu 5 orang di kalangan Penyelaras PSS, 5 orang guru kelas, 5 orang guru bahasa dan 5 orang dari pihak pengurusan sekolah iaitu Pengetua dan Penolong kanan dipilih bagi tujuan temubual.

Bagi tujuan soal selidik, penyelidik telah berjaya mendapatkan kesemua jumlah soalselidik yang telah diedarkan. Sementara bagi temubual pula, sebanyak 80% responden telah memberikan kerjasama yang baik. Berikut adalah hasil dapatan kajian yang diperolehi melalui soalselidik dan temubual.

4.3 Dapatan

4.3.1 Bahagian A : Butiran diri sampel

4.3.1 (a) Taburan sampel mengikut jantina

Hasil kajian mendapati sampel di kalangan pelajar lelaki lebih tinggi iaitu sebanyak 55.7 % (167 orang) berbanding pelajar perempuan berjumlah 44.3 % (133 orang).

4.3.1 (b) Taburan sampel mengikut tingkatan

Seramai 300 sampel yang terdiri daripada 100 orang pelajar tingkatan 1, 100 orang pelajar tingkatan 2 dan 100 orang lagi daripada tingkatan 4 berjaya diperolehi.

4.3.2 Bahagian B : Latar belakang aktiviti membaca

4.3.2 (a) Taburan pendapat tentang aktiviti membaca

Hasil kajian mendapati semua sampel berpendapat membaca merupakan satu aktiviti yang penting dan berfaedah.

4.3.2 (b) Bahan yang paling suka dibaca / pernah dibaca


Jadual 4.3.2 (b)
Bahan bacaan yang digemari/diminati

Jenis Bahan	Bilangan Sampel	Peratusan
Buku fiksyen	94	31.3
Buku bukan fiksyen	36	12.0
Buku teks pelajaran	10	3.3
Komik, majalah, surat khabar dll	160	53.3
Jumlah	300	100

Jadual 4.3.2 (b) menunjukkan jenis bahan bacaan yang digemari oleh sampel. Komik, majalah, surat khabar dan bahan-bahan yang seumpamanya adalah paling digemari oleh sampel, diikuti buku-buku fiksyen dan buku bukan fiksyen. Sementara buku teks pelajaran paling kurang dibaca oleh sampel.

4.3.2 (c) Sumber bahan diperolehi

Dari segi tempat atau lokasi bahan bacaan diperolehi, hasil kajian mendapati bahawa sebanyak 46.6% (140) sampel memperolehi bahan bacaan mereka dengan membeli sendiri bahan tersebut. Bahan bacaan juga diperolehi dari Pusat Sumber Sekolah sebanyak 25.6% (77) sampel, meminjam daripada kawan-kawan sebanyak 19% (57) sampel dan sebanyak 8.6% (26) sampel lagi mendapatkan bahan bacaan dari perpustakaan awam. Secara umumnya, taburan peratusannya adalah seperti yang terdapat pada Rajah 4.3.2 (c)




Rajah 4.3.2 (c)

Sumber bahan diperolehi

4.3.2 (d) Masa yang diperuntukkan untuk membaca

Minat para pelajar terhadap aktiviti membaca juga dapat dinilai dari segi masa atau keadaan yang mereka pilih untuk melakukan aktiviti tersebut. Berdasarkan peratusan ini, sikap sampel yang menggunakan masa lapang dengan membaca adalah wajar dipuji dan seharusnya dipertingkatkan lagi. Hal ini ditunjukkan dalam Rajah 4.3.2 (d).




Rajah 4.3.2 (d)

Masa yang diperuntukkan untuk membaca

4.3.3 Bahagian C : Peranan Pusat Sumber Sekolah (PSS) dalam mempromosikan Program NILAM

4.3.3 (a) PSS tempat paling sesuai untuk membaca

Hasil kajian mendapati sampel masih lagi menaruh kepercayaan yang kukuh terhadap peranan PSS sebagai tempat paling sesuai untuk membaca di sekolah. Hal ini dibuktikan dalam Rajah 4.3.3 (a) di bawah, dengan sejumlah 84.3% (244) sampel yang menyokong kenyataan ini.




Rajah 4.3.3 (a)

Pendapat tentang kesesuaian PSS sebagai tempat membaca

4.3.3 (b) Alasan pelajar-pelajar ke PSS

Dari segi faktor-faktor yang menarik minat para pelajar ke PSS, hasil kajian mendapati jumlah taburan peratusan adalah seperti yang dipaparkan dalam Rajah 4.3.3 (b) di bawah. Sebanyak 50.6% (152) sampel tertarik ke PSS kerana terdapat banyak bahan bacaan baru dan menarik. Manakala sejumlah 32.6% (98) sampel pergi ke PSS kerana persekitarannya yang amat selesa dan menarik, sejumlah 15% (45) sampel pula tertarik ke PSS kerana terdapat pelbagai kemudahan dan sebanyak 1.6% (5) sampel pergi ke PSS kerana terdapat pelbagai aktiviti di sana. Jadi jelaslah bahawa, PSS mampu berperanan besar dalam menjayakan gerakan tabiat membaca di bawah Program NILAM.




Rajah 4.3.3(b)

Alasan-alasan pelajar untuk ke PSS

4.3.3 (c) Jadual operasi PSS

Hasil kajian mendapati bahawa sebanyak 81.3% (244) sampel menyatakan bahawa PSS mereka ada menyediakan jadual operasi yang sesuai dan sentiasa dibuka perkhidmatannya untuk kegunaan para pelajar berbanding sejumlah 18.6% (56) sampel lagi berpendapat sebaliknya. Hal ini ditunjukkan dalam Rajah 4.3.3 (c).



Rajah 4.3.3 (c)

Jadual Operasi PSS

4.3.4 Bahagian D : Usaha / kaedah promosi gerakan tabiat membaca di bawah Program NILAM

Dalam usaha mempromosikan gerakan tabiat membaca di bawah Program NILAM ini, terdapat beberapa kaedah yang digunakan. Antaranya mempamerkan bahan bacaan baru, mempelbagaikan aktiviti galakan, memastikan aktiviti tersebut sesuai dan menarik, menyediakan ganjaran dan hadiah serta mewujudkan sudut-sudut bacaan di persekitaran sekolah. Sampel telah memberikan jawapan dalam bentuk 'ya' dan 'tidak' terhadap setiap persoalan yang dikemukakan kepada mereka.

4.3.4 (a) Mempamerkan bahan bacaan baru

Hasil kajian mendapati sebanyak 61% (183) sampel menyatakan benar bahawa PSS selalu mempamerkan bahan-bahan bacaan baru.

4.3.4 (b) Kepelbagaian aktiviti galakan secara berterusan

Sementara itu, sebanyak 62% (186) sampel, menyatakan PSS ada mengadakan pelbagai aktiviti galakan membaca secara berterusan.

4.3.4 (c) Aktiviti galakan sesuai dan menarik

Sehubungan dengan kepelbagaian aktiviti galakan membaca secara berterusan yang dijalankan, penyelidik mendapati sebanyak 56.3% (169) sampel mengakui bahawa aktiviti galakan membaca yang dijalankan sangat sesuai serta menarik.

4.3.4 (d) Ganjaran dan hadiah sebagai galakan

Dalam hal ini, dapatan kajian mendapati sebanyak 65% (195) sampel menyatakan PSS ada menyediakan pelbagai ganjaran dan hadiah untuk mengajak pelajar-pelajar menyertai aktiviti membaca yang diadakan.

4.3.4 (e) Kewujudan sudut-sudut bacaan di persekitaran sekolah

Berhubung dengan hal ini, dapatan kajian mendapati hanya 43.3% (130) sampel menyatakan bahawa PSS ada menyediakan sudut-sudut bacaan di setiap tempat tumpuan pelajar di dalam kawasan persekitaran sekolah. Manakala, sebanyak 56.6% (170) sampel pula menyatakan PSS tidak menyediakan sudut-sudut bacaan di setiap tempat tumpuan pelajar di persekitaran sekolah.

4.3.4 (f) Cara-cara aktiviti dipromosikan

Dari segi penyampaian maklumat tentang aktiviti membaca ini, responden telah memberikan pelbagai reaksi terhadap senarai jawapan yang terdapat di dalam soal selidik. Kekekapan jawapan ditunjukkan dalam Jadual 4.3.4 (f) di bawah.

Jadual 4.3.4 (f)

Cara maklumat disampaikan

Perkara	Bil. sampel	Peratusan
Pengumuman semasa perhimpunan rasmi	213	71.0
Surat edaran melalui guru kelas/bahasa	7	2.3
Papan kenyataan	63	21.0
Pengawas PSS	17	5.6
Jumlah	300	100

Jelas di sini bahawa, PSS menggunakan waktu perhimpunan rasmi sebagai saluran utama untuk menyampaikan maklumat tentang aktiviti gerakan membaca ini.

4.3.5 Bahagian E : Pelaksanaan Program NILAM

Program NILAM adalah suatu pendekatan dalam usaha galakan membaca yang memberi peluang kepada para pelajar untuk menggunakan keupayaan diri membentuk tabiat murni gemar membaca. Program ini dilaksanakan secara sistematik dan disokong dengan dokumen serta rekod yang sah bagi memudahkan penilaian dan pengiktirafan dilakukan.

4.3.5 (a) Pendedahan terhadap Program NILAM

Berdasarkan hasil kajian, sebanyak 87% (261) sampel mengakui bahawa mereka pernah mendapat maklumat tentang program ini.

4.3.5 (b) Sumber maklumat tentang Program NILAM

Jadual 4.3.5 (b) menunjukkan hasil kajian mengenai cara maklumat tentang Program NILAM disebarkan. Berdasarkan cadangan jawapan yang disenaraikan, peratusan adalah seperti berikut:

Jadual 4.3.5 (b)

Sumber maklumat tentang Program NILAM diperolehi

Sumber maklumat	Bilangan sampel	Peratusan
Pengetua/Pen.Kanan	14	5.0
Penyelaras PSS	57	19.0
Guru PSS	84	28.0
Guru Kelas	18	6.0
Guru BM/BI	26	8.7
Kawan-kawan	13	4.3
Guru-guru masa di sekolah rendah	49	16.0
Jumlah	261	87

Daripada sejumlah 87% (261) sampel yang pernah mendapat maklumat tentang program ini, menyatakan bahawa kebanyakan mereka mendapatkannya daripada guru

PSS itu sendiri. Hal ini dibuktikan dengan peratusannya yang tertinggi iaitu sebanyak 28% (84) sampel.

4.3.5 (c) Alasan tidak mengetahui tentang Program NILAM

Sejumlah 13% (39) sampel menyatakan mereka tidak pernah mendapat maklumat tentang program ini. Tiga alasan utama diberikan di dalam soal selidik, iaitu tidak pernah diberitahu, tiada sebarang usaha promosi mengenainya dan tidak mahu mengambil tahu. Hasil kajian dipermudahkan dalam Jadual 4.3.5 (c) di bawah.

Jadual 4.3.5 (c)

Alasan tidak mengetahui tentang Program NILAM

Alasan	Bil. sampel	Peratusan
Tidak pernah diberitahu	10	3.3
Tiada promosi	23	7.6
Tidak mahu ambil tahu	6	2.0
Jumlah	39	13

4.3.5 (d) Bilangan pelajar yang berminat menyertai Program NILAM

Dari segi kecenderungan untuk menyertai program ini, didapati sebanyak 68.2% (205) sampel telah menunjukkan minat.

4.3.5 (e) Alasan minat menyertai Program NILAM

Bagi pelajar yang berminat menyertai program ini, mereka mempunyai pelbagai alasan. Perkara ini diperjelaskan melalui Jadual 4.3.5 (e) di bawah.

Jadual 4.3.5 (e)

Alasan minat menyertai Program NILAM

Alasan	Bil. sampel	Peratusan
Dapat menambah ilmu pengetahuan dan mengisi masa lapang	168	56.0
Untuk mendapat hadiah dan ganjaran markah	23	7.6
Dipaksa oleh guru	7	2.3
Dipengaruhi oleh kawan	7	2.3
Jumlah	205	68.2

4.3.5 (f) Alasan tidak minat menyertai Program NILAM

Bagi sampel yang tidak berminat pula, mereka turut mempunyai alasan tertentu seperti yang disenaraikan dalam Jadual 4.3.5 (f) di bawah.

Jadual 4.3.5 (f)

Alasan tidak berminat menyertai Program NILAM

Alasan	Bil. sampel	Peratusan
Tiada masa membaca	10	3.3
Malas membaca	18	6.0
Tiada masa membuat catatan pembacaan	60	20.0
Tiada sesiapa memberikan galakan	7	2.3
Jumlah	95	31.6

4.3.5 (g) Keperluan buku rekod pembacaan

Kajian mendapati, sejumlah 54.6% (164) sampel mempunyai buku rekod ini. Manakala sebanyak 45.3% (136) sampel lagi tidak mempunyai sebarang buku catatan tertentu untuk program ini.

4.3.5 (h) Sumber untuk mendapatkan buku rekod pembacaan

Penyelidik telah menyenaraikan tiga (3) cara untuk mendapatkan buku rekod pembacaan iaitu, membelinya di kedai buku, menggunakan buku catatan sendiri dan mendapatkannya daripada guru PSS. Hasil kajian mendapati sebanyak 34% (102) sampel mendapatkannya dengan membeli dari kedai buku sekolah. Sebanyak 14.6% (44) sampel pula membelinya daripada guru-guru PSS. Sementara sebanyak 6% (18) sampel lagi menggunakan buku catatan sendiri.

4.3.5 (i) Alasan tidak memiliki buku rekod pembacaan

Sebaliknya, bagi sejumlah 45.3% (136) sampel yang tidak mempunyai sebarang buku catatan mempunyai alasan tertentu berlakunya keadaan ini. Antaranya, sebanyak 18.3% (55) sampel memberi alasan mereka tidak diwajibkan mempunyai buku rekod pembacaan tersebut. Sejumlah 18% (54) sampel lain pula memberi alasan, tidak memiliki buku rekod pembacaan bukan satu kesalahan. Manakala sejumlah 9% (27) sampel lagi memberitahu bahawa mereka langsung tidak diberitahu supaya menyediakan buku-buku tertentu bagi tujuan program ini.

4.3.5 (j) Komen tentang cara mengisi buku rekod pembacaan

Dapatan kajian menunjukkan sebanyak 19.3% (58) sampel menyatakan bahawa buku rekod tersebut sukar difahami dan mengambil masa untuk menulis. Manakala sejumlah 35.3% (106) sampel tidak menghadapi masalah serius dalam mengisi maklumat dalam buku rekod tersebut.

4.3.5 (k) Reaksi dan komen tentang Program NILAM

Dapatan kajian juga mendapati, sampel telah memberi pelbagai reaksi dan komen dalam soal selidik mereka tentang gerakan tabiat membaca di bawah Program NILAM yang dijalankan oleh PSS mereka. Perkara ini dinyatakan dalam Jadual 4.3.5 (k) di bawah.

Jadual 4.3.5 (k)

Komen pelajar tentang Program NILAM

Komen	Bil. sampel	Peratusan
Sesuai dan menarik	31	10.3
Mampu mendorong minat untuk terus membaca	97	32.3
Membosankan dan hanya membuang masa	79	26.3
Membebankan	32	10.6
Diteruskan dengan aktiviti yang lebih menarik	61	20.3
Jumlah	300	100

Berdasarkan jadual di atas, sebanyak 32.3% (97) sampel mengakui bahawa Program NILAM mampu mendorong minat mereka untuk terus membaca, sejumlah 20.3% (61) sampel pula menyarankan supaya program ini diteruskan dengan aktiviti yang lebih menarik dan sebanyak 10.3% (31) sampel pula menyatakan program ini sesuai dan menarik untuk menggalakkan tabiat membaca di kalangan para pelajar.

Sementara itu, berikut adalah hasil temubual yang dijalankan ke atas 20 sampel yang terdiri daripada lima orang Penyelaras PSS, lima orang guru kelas, lima orang guru bahasa (Bahasa Melayu/ Inggeris) dan lima orang pentadbir sekolah.

4.3.6 Pandangan tentang peranan dan fungsi PSS dalam menjayakan Program

NILAM

4.3.6 (a) Penyelaras PSS

Dalam temubual yang dilakukan bersama Penyelaras PSS di lima buah sekolah mengenai pandangan mereka tentang peranan dan fungsi PSS secara umum pula, terdapat pelbagai definisi dan kenyataan yang diberikan di mana kebanyakannya mempunyai banyak persamaan.

Sebagai rumusan, semua Penyelaras PSS ini berpendapat PSS sebagai sebuah pusat atau tempat yang menjadi tumpuan bagi pengumpulan, penyimpanan, dan penyediaan pelbagai bahan maklumat dalam pelbagai bentuk. Di samping menjadi tumpuan atau gedung ilmu bagi para pendidik, PSS juga merupakan nadi utama bagi para pelajar untuk mendapatkan ilmu, tempat berbincang, bertukar-tukar idea dalam usaha ke arah mempertingkatkan kemahiran, pengetahuan dan penguasaan sesuatu ilmu.

Mereka turut bersetuju dengan kenyataan bahawa PSS berkemampuan membantu para pelajar dan guru untuk mendapatkan pelbagai bahan rujukan dan bacaan untuk menambah pengetahuan semasa mereka. Selain itu, mereka juga berpendapat PSS mampu bertindak sebagai institusi memupuk budaya ilmu dan budaya membaca.

4.3.6 (b) Pengetua/ Guru Penolong Kanan

Berdasarkan kajian temubual dengan pihak pentadbir sekolah yang terdiri daripada 40% Pengetua dan 40% Penolong Kanan pula (20% lagi pihak pentadbir tidak mahu memberikan sebarang pendapat), penyelidik mendapati bahawa kesemua responden mempunyai pendapat yang hampir sama tentang peranan PSS sebagai pusat maklumat. Sebagai rumusan, mereka berpendapat PSS sebagai tempat menyimpan pelbagai koleksi

bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran, bertanggungjawab mempertingkatkan kecekapan dan kemahiran guru-guru melalui pelbagai aktiviti yang dianjurkan secara berterusan, pusat penyebaran ilmu dan maklumat terkini serta berperanan menjadi tempat perbincangan bagi pelajar dan guru-guru.

4.3.7 Kemudahan pembacaan di PSS

4.3.7 (a) Penyelaras PSS

Penyelaras menyatakan, secara umumnya, semua kelengkapan dan kemudahan asas adalah lengkap dan mencukupi kecuali bilangan bahan bacaan dan bilangan komputer untuk tujuan rujukan yang masih agak terhad. Malahan 60% daripada PSS yang dilawati telah dilengkapi dengan kemudahan penghawa dingin untuk keselesaan para penggunaannya.

4.3.8 PSS sebagai pusat ilmu, pusat pengajaran dan pembelajaran, pusat profesionalisme dan pusat hubungan dengan masyarakat

4.3.8 (a) Pengetua / Guru Penolong Kanan

Dalam memperkatakan peranan PSS sebagai pusat ilmu, pusat pengajaran dan pembelajaran, pusat meningkatkan profesionalisme dan pusat hubungan dengan masyarakat, penyelidik mendapati terdapat tiga (3) kriteria PSS mampu memainkan peranannya berdasarkan kepada kajian temubual dengan Pengetua dan Guru Penolong Kanan.

- a. Pertama, PSS mampu melaksanakan peranannya dalam hal ini dengan cara mempertingkatkan kecekapan pengendalian dan pelaksanaannya seperti sentiasa membekalkan pelbagai bahan dan maklumat terkini secara berterusan, menganjurkan pelbagai program yang berkaitan serta melibatkan kerjasama ibubapa dalam setiap program.

- b. Kedua, menilai keperluan guru dan pelajar serta sentiasa mempelbagaikan perkhidmatan yang ditawarkan selaras dengan kehendak dan keperluan warga sekolah.
- c. Ketiga, mempertingkatkan usaha mempromosikan pelbagai aktiviti, maklumat dan bahan terkini yang terdapat di PSS.

4.3.9 PSS mewujudkan budaya membaca

4.3.9 (a) Penyelaras PSS

Dari segi peranan PSS dalam usaha mewujudkan budaya ilmu dan budaya membaca, secara kolektifnya hanya sejumlah 40% PSS sahaja yang didapati kurang memberi penekanan ke arah usaha ini. Malahan usaha ini tidak begitu diambil berat atau dijadikan agenda utama dalam perancangan tahunan PSS mereka. Selaras dengan perkara ini, terdapat beberapa strategi yang telah diambil oleh PSS.

Antaranya, mengadakan usaha “pemberian” semula (penambahbaikan) Program NILAM dan mengemaskini PSS ke arah automasi yang bertujuan untuk mengembalikan sokongan dan mengaktifkan semula aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan program tersebut memandangkan minat membaca para pelajar yang mula menurun.

4.3.10 Pandangan tentang Program NILAM

4.3.10(a) Penyelaras PSS

Mengenai pandangan Penyelaras PSS tentang gerakan tabiat membaca di bawah Program NILAM, hasil kajian mendapati semua sampel memberikan pendapat yang positif dan menyokong penuh program ini. Antara pandangan mereka ialah Program NILAM ini baik kerana mampu mewujudkan kesedaran para pelajar tentang

kepentingan mencari ilmu pengetahuan dan seterusnya menjadikannya sebagai satu amalan atau gaya hidup.

Mereka juga berpendapat bahawa program ini adalah satu langkah bijak dan harus dipupuk bukan sahaja di sekolah malahan di rumah dan di mana-mana pada sepanjang masa kerana ia mampu membentuk para pelajar yang mampu berfikiran kreatif dan kritis. Seterusnya para pelajar ini dapat menggunakan minda mereka yang berkembang ini untuk mengeluarkan serta menyumbang idea-idea yang bernas terhadap sesuatu isu yang berlaku di persekitaran mereka.

Namun begitu, sampel berpendapat usaha ini hanya mampu berjalan dan dilaksanakan dengan berkesan sekiranya semua pihak sanggup bekerjasama. Dalam sesetengah keadaan, sampel mendapati adalah sukar untuk melaksanakan program ini secara berterusan memandangkan ia tidak mendapat sambutan dan sokongan sepenuhnya daripada warga sekolah khususnya guru-guru. Hal ini terutama berlaku apabila Penyelaras PSS ingin mendapatkan '*feedback*' atau tindakbalas tentang sejauhmana keberkesanan program ini dilaksanakan terutama di kalangan guru bahasa.

Jika dibandingkan dapatan kajian ke atas pelajar dan Penyelaras PSS mengenai perkara ini, wujud satu perbezaan pendapat yang agak ketara. Dalam hal ini temubual mendapati, semua sampel (Penyelaras PSS) menyokong dan mengakui bahawa program ini amat baik. Sementara di pihak pelajar pula, hasil kajian menunjukkan sejumlah 10.3% (31) sampel mengakui bahawa program ini sesuai dan menarik. Sejumlah 32.3% (97) sampel pula menyatakan program ini mampu mendorong minat pelajar untuk terus membaca, dan sejumlah 20.3% (61) sampel memberi reaksi bahawa program ini perlu diteruskan dengan aktiviti-aktiviti yang lebih bersesuaian. Manakala

sebanyak 26.3% (79) sampel pula berpendapat program ini membosankan dan hanya membuang masa. Sebanyak 10.6% (32) sampel lagi menyatakan program ini membebankan mereka.

4.3.10 (b) Guru Kelas

Penerimaan setiap individu adalah berbeza. Begitu juga dengan guru kelas dan guru bahasa. Sebanyak 60% sampel di kalangan guru kelas menganggap pelaksanaan program ini membebankan tugas mereka. Guru-guru ini berpendapat, adalah sukar menyuruh para pelajar melakukan sesuatu yang tidak menarik minat mereka seperti membaca. Selain itu, bebanan pelbagai tugas dan tanggungjawab seringkali menyebabkan guru-guru ini mengabaikan tanggungjawab utama mereka iaitu mendidik. Hal ini ditambah lagi dengan tugas mengawasi dan memastikan pelajar-pelajar mereka sentiasa membaca di bawah Program NILAM ini.

Guru-guru ini juga perlu mengejar waktu untuk menghabiskan sukatan pelajaran agar pelajar mendapat semua kemahiran yang akan digunakan semasa peperiksaan nanti. Sekiranya pelajar-pelajar tercicir dalam pelajaran, dan tidak mampu menjawab soalan-soalan peperiksaan ini akan memberi kesan secara tidak langsung kepada guru-guru ini pula. Sebanyak 20% guru kelas yang lain pula, beranggapan ia tidak membebankan. Hal ini adalah kerana semua urusan merekod aktiviti adalah dilakukan oleh guru-guru PSS. Guru-guru kelas bertindak sebagai pemberi sokongan dan dorongan.


4.3.10 (c) Guru Bahasa (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris)

Keadaan yang sama juga berlaku pada guru-guru bahasa. Sejumlah 60% sampel di kalangan guru bahasa menyatakan aktiviti ini membebankan atas alasan yang sama seperti guru kelas. Sejumlah 40 % sampel lagi tidak merasakan aktiviti ini sebagai

suatu beban kerana menurut mereka program ini tidak melibatkan waktu dan aktiviti yang tertentu. Pelajar-pelajar bebas memilih masa membaca tidak semestinya ketika di sekolah sahaja.

4.3.11 Cara-cara Program NILAM diperkenalkan kepada warga sekolah

Kajian mendapati semua guru yang diambil menjadi sampel telah tahu tentang latarbelakang dan tujuan program ini. Pelajar pula, hanya sejumlah 87% (261) sampel yang mengetahui atau pernah mendengar tentang program ini. Terdapat 3 kategori utama yang dapat dibuat tentang cara program ini diperkenalkan kepada warga sekolah, iaitu pengumuman ketika perhimpunan rasmi, taklimat khusus dan orientasi perpustakaan yang selalunya dijalankan pada awal sesi persekolahan bermula pada setiap tahun. Hasil dapatan kajian ditunjukkan dalam Rajah 4.3.11 di bawah.



Rajah 4.3.11

Cara Program NILAM diperkenalkan kepada warga sekolah

4.3.11 (a) Guru Kelas

Berdasarkan hasil temubual dengan guru kelas, didapati kebanyakan mereka mendapat tahu mengenai program ini melalui taklimat khusus dalam mesyuarat guru oleh Penyelaras PSS dan pengumuman semasa perhimpunan rasmi sekolah. Dalam hal ini,

sebanyak 60% sampel di kalangan guru kelas menyatakan bahawa mereka ada diberikan taklimat atau penerangan secara langsung oleh Penyelaras PSS tentang cara-cara untuk membantu melaksanakan program ini. Malah sejumlah 40% daripada 60% sampel yang tahu tentang program ini mengakui selain taklimat mereka turut dibekalkan dengan surat edaran dan senarai panduan serta borang tertentu untuk melaksanakan program tersebut.

Senarai panduan mengandungi tujuan dan cara pelaksanaan program ini sementara borang pula adalah terdiri daripada borang data pembacaan yang perlu dihantar kepada Penyelaras PSS pada setiap bulan. Sementara itu, sejumlah 40% sampel lagi menyatakan bahawa mereka langsung tidak diberi sebarang bentuk pendedahan tentang program ini. Alasan yang diberikan ialah, tidak semua guru terlibat dengan program ini dan program ini tidak dilaksanakan di sekolah tersebut sepanjang tahun ini.

4.3.11 (b) Guru Bahasa (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris)

Di kalangan guru-guru bahasa pula, 20% daripada sampel menyatakan bahawa mereka ada diberi taklimat atau penerangan secara langsung tentang cara-cara untuk membantu melaksanakan program ini. Malah mereka turut dibekalkan dengan senarai panduan dan borang tertentu. Tetapi tanggungjawab mereka lebih kepada memastikan pelajar ada membaca dan membuat catatan bacaan. Mereka dikehendaki memastikan pelajar-pelajar mereka membaca sekurang-kurangnya 3 buah buku bahasa Melayu dan 3 buah buku bahasa Inggeris dalam setahun. Sebanyak 60% sampel lagi menyatakan bahawa mereka mendapat tahu tentang program ini secara tidak langsung dan dijalankan atas arahan pihak pengurusan pentadbir dan PSS. Sementara sejumlah 20% sampel lagi menyatakan mereka tidak dibekalkan dengan sebarang buku panduan pelaksanaan mahupun borang-borang tertentu.

4.3.11 (c) Pengetua / Guru Penolong Kanan

Sebanyak 80% sampel di kalangan pentadbir sekolah pula menyatakan mereka ada diberi taklimat khusus tentang tujuan dan cara pelaksanaan program ini oleh Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah.

4.3.12 Kemampuan Program NILAM menyemai tabiat membaca

4.3.12 (a) Penyelaras PSS

Hasil kajian mendapati semua Penyelaras PSS yang ditemubual yakin bahawa program ini mampu menyemai tabiat membaca di kalangan pelajar. Sungguhpun begitu, mereka menyatakan program ini tidak melibatkan semua warga sekolah, sebaliknya hanya di kalangan pelajar sahaja. Bagi pihak guru-guru, program ini tidak mendapat sambutan. Terdapat 2 (dua) alasan utama yang diberikan oleh Penyelaras PSS berhubung dengan hal ini.

Pertama, guru-guru tidak berminat menyertai program ini kerana terlalu sibuk dengan pelbagai tugas mengajar, menyediakan bahan-bahan untuk pengajaran dan pembelajaran, memeriksa buku-buku pelajar, terlibat dalam menyelia kegiatan ko-kurikulum, menghadiri mesyuarat dan taklimat di dalam mahupun di luar sekolah dan pelbagai tugas lain lagi. Alasan kedua ialah, tiadanya arahan daripada pihak pentadbiran agar guru-guru ini terlibat secara langsung dan akan dipantau aktiviti membaca mereka.

4.3.12 (b) Guru Kelas

Dalam hal ini, guru kelas dan guru bahasa boleh memainkan peranan mereka bersama-sama pelajar untuk menjadikan program ini lebih menarik. Hasil temubual, beberapa langkah telah dikenalpasti dilakukan oleh guru kelas dan guru bahasa dalam usaha

menggalakkan para pelajar membaca semasa di dalam kelas mahupun semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran (p & p) sedang berlangsung.

Antaranya menggalakkan pelajar-pelajar menyediakan sudut-sudut bacaan di dalam kelas dan membawa bahan-bahan bacaan dari rumah untuk menambahkan koleksi yang terdapat di dalam kelas untuk mewujudkan variasi bahan yang boleh dikongsi bersama, memberi peluang kepada pelajar untuk memberi idea dan cadangan tentang sesuatu topik berdasarkan pengetahuan hasil daripada aktiviti pembacaan mereka, memberi tugas dan mencari maklumat di PSS dan lain-lain lagi.

Berdasarkan temubual, sejumlah 40% sampel di kalangan guru kelas menyatakan bahawa program ini mampu berjaya sekiranya mendapat sokongan padu daripada seluruh warga sekolah. Sejumlah 20% lagi berpendapat program ini boleh berjaya sekiranya terdapat cara yang berkesan dalam memastikan para pelajar ini membaca secara jujur. Hal ini adalah kerana berdasarkan maklumat yang diberikan kebanyakan pelajar suka membaca tetapi mereka tidak gemar mengisi maklumat pada buku catatan membaca.

4.3.12 (c) Guru Bahasa (Bahasa Melayu / Bahasa Inggeris)

Di kalangan guru-guru bahasa pula, sejumlah 60% sampel mempunyai pandangan yang sama. Mereka begitu yakin sekiranya semua pihak terutama pentadbir memberi perhatian dan sentiasa mengambil berat tentang perjalanan program ini, sudah pasti semua guru dan pelajar turut memberikan komitmen dan sokongan padu bagi menjayakan aktiviti yang berfaedah ini. Selain daripada komitmen, faktor kedua yang mampu menjamin kejayaan program ini ialah usaha ke arah mempromosinya.

Mereka menyatakan program ini wajar dimasukkan di dalam jadual waktu dan diwajibkan untuk dilaksanakan secara formal sebagaimana matapelajaran lain. Tetapi tugas untuk menyemak dan melaksanakannya tidak seharusnya diletakkan di bahu guru-guru bahasa sahaja.

Sehubungan dengan hal ini, guru-guru bahasa ini ada membawa pelajar-pelajar mereka ke PSS untuk tujuan membaca dan mencari maklumat. Hasil temubual mendapati sejumlah 40% sampel ada membawa pelajar-pelajar mereka sekali dalam seminggu ke PSS untuk tujuan tersebut. Ketika di PSS, sampel ini menyatakan, para pelajar diberikan aktiviti tertentu seperti mencari bahan maklumat berdasarkan sesuatu topik dan membaca secara bebas iaitu tidak ditentukan bahan yang sepatutnya dibaca oleh pelajar.

Ini bermakna mereka boleh membaca bahan-bahan bacaan selain buku seperti majalah, suratkhobar, kamus dan sebagainya. Sementara sejumlah 60% sampel lagi menyatakan bahawa mereka tidak diwajibkan membawa pelajar-pelajar ke PSS untuk tujuan membaca atau mencari maklumat. Sekiranya langkah membawa pelajar-pelajar ini ke PSS diteruskan tidak mustahil bagi PSS menjayakan peranannya untuk menyemai tabiat yang baik ini.

4.3.13 Bentuk Promosi Program NILAM

4.3.13 (a) Penyelaras PSS

Hasil dapatan kajian menerusi temubual dengan Penyelaras PSS mendapati, terdapat pelbagai bentuk promosi yang dijalankan berhubung hal ini. Sejumlah 80% sampel menyatakan bahawa PSS mereka telah menjalankan beberapa bentuk promosi bagi menggalakkan gerakan tabiat membaca di bawah Program NILAM ini.

Antaranya, Bulan Membaca, Minggu Pusat Sumber Sekolah, Minggu Bahasa (Persada Pujangga, Jejak Bahasa, Sanggar Budaya, penghasilan buku skrap, mencipta dan mendeklamasi sajak), Hari Panitia, Pertandingan Membaca pelbagai peringkat dan lain-lain lagi. Sejumlah 20% sampel lagi menyatakan bahawa PSS mereka tidak mengadakan sebarang aktiviti pada tahun ini atas alasan sibuk dengan usaha mengemaskini dan merekodkan semula bahan-bahan di PSSnya selaras dengan penggunaan sistem pengautomasian secara menyeluruh di PSS tersebut.

4.3.14 Sambutan dan komitmen warga sekolah terhadap Program

NILAM

4.3.14 (a) Penyelaras PSS

Dari segi sambutan guru-guru dan pelajar, sejumlah 80% daripada Penyelaras PSS telah melahirkan rasa puashati dan gembira dengan penyertaan dan penglibatan warga sekolah terhadap aktiviti-aktiviti yang diadakan. Sehubungan dengan perkara ini, sejumlah 60% sampel memberitahu, usaha mempromosikan program ini akan diteruskan dengan mengadakan pelbagai lagi aktiviti yang menarik. Sebanyak 20% sampel, menyatakan promosi terhadap program ini akan dijadikan aktiviti tahunan dan dimasukkan sebagai agenda utama dalam mesyuarat jawatankuasa PS pada masa akan datang. Sementara sejumlah 20% sampel lagi, tidak dapat memberikan sebarang ulasan tentang hal ini kerana PSSnya tidak menjalankan sebarang aktiviti program ini sepanjang tahun ini.

Sebagai kesimpulan, hasil temubual dengan Penyelaras PSS juga mendapati bahawa semua sampel ini bersetuju dengan pendapat yang menyatakan bahawa program ini perlu dipromosikan. Antara alasan yang diberi ialah, promosi perlu untuk mendorong

wujudnya kesadaran terhadap aktiviti membaca serta menarik perhatian pelajar. Selaras dengan ini, promosi diharap mampu mengajak para pelajar ini mengambil bahagian yang aktif dalam setiap aktiviti yang diadakan.

Selain itu, sampel juga berpendapat, program ini perlu dipromosikan untuk memberitahu secara lebih jelas tentang tujuan dan pelaksanaannya agar dapat memupuk minat seterusnya mendorong mereka menyertainya secara lebih aktif. Hasil temubual juga, mendapati program ini perlu dipromosikan memandangkan menurunnya tumpuan dan minat para pelajar terhadap amalan membaca ini.

Selain daripada guru-guru PSS, program ini juga mendapat sokongan dan perhatian daripada pihak pengurusan sekolah. Hasil daripada temubual, didapati bahawa sejumlah 80% Penyelaras PSS menyatakan bahawa program ini mendapat kerjasama dan sokongan penuh daripada pihak pengurusan terutama Pengetua dan guru-guru Penolong Kanan yang lain. Sementara hanya sebanyak 20% Penyelaras PSS memberitahu bahawa program ini langsung tidak diambil berat atau diberi perhatian oleh pihak pengurusan sekolah. Sehubungan ini, pihak pentadbiran telah memberikan beberapa bentuk komitmen dalam melaksana dan memastikan kejayaan program ini.

Antaranya memberi sokongan dalam bentuk kewangan, masa, tenaga dan sokongan moral terhadap guru-guru dan pelajar yang terlibat dalam sebarang pertandingan peringkat sekolah mahupun di luar sekolah. Manakala sejumlah 20% Penyelaras PSS menyatakan bahawa segala urusan melaksanakan program ini diserahkan bulat-bulat bagi tindakan Penyelaras dan guru PSS. Secara keseluruhannya, semua responden bersetuju dengan kenyataan bahawa komitmen daripada pelbagai pihak di sekolah perlu dan mempengaruhi kejayaan program ini.

4.3.14 (b) Guru Kelas

Selain itu, kejayaan program ini turut menuntut komitmen daripada guru kelas. Hasil temubual bersama guru kelas, penyelidik mendapati hampir kesemua mereka telah berjaya memainkan peranan yang baik dan memberi kerjasama sepenuhnya sebagaimana yang diminta oleh pihak PSS. Sebagai seorang guru kelas, mereka sentiasa memberikan galakan dan dorongan malah menggalakkan para pelajar mengadakan sudut-sudut bacaan di dalam kelas dan mengambil bahagian yang aktif dalam setiap aktiviti yang dianjurkan oleh PSS.

4.3.14 (c) Guru-guru Bahasa (Bahasa Melayu/ Bahasa Inggeris)

Begitu juga di pihak guru-guru bahasa. Hasil temubual mendapati hanya sejumlah 40% daripada sampel yang menyatakan bahawa pelaksanaan program ini di sekolah-sekolah adalah membebankan guru-guru terutama guru bahasa. Mereka memberikan alasan bahawa program ini hanya membuang masa dan tidak menarik langsung memandangkan keengganan para pelajar membaca bahan-bahan untuk komponen sastera apatah lagi membaca buku-buku lain bagi tujuan menambah ilmu yang sedia ada.

Namun sejumlah 60% guru bahasa yang lain berfikiran positif dan beranggapan program ini mampu menanam minat membaca pelajar sekiranya dijalankan secara bersungguh-sungguh. Seperti juga guru kelas, guru bahasa juga memainkan peranan yang hampir sama dalam hal ini iaitu, memberikan dorongan, galakan kepada para pelajar dan sentiasa bekerjasama dengan pihak PSS. Mereka juga bertanggungjawab dalam memperjelas dan menerangkan secara lebih terperinci tentang pelaksanaan program ini kepada anak didik mereka.

4.3.14 (d) Pengetua / Guru Penolong Kanan

Pihak pentadbir ini juga sependapat apabila ditanya tentang komitmen mereka terhadap sesuatu program atau aktiviti yang hendak dijalankan di sekolah. Menurut mereka, pihak pentadbir wajar memberi sokongan dan kerjasama yang padu terhadap setiap program yang hendak dilaksanakan. Malahan mereka juga bertanggungjawab memantau ianya berjalan lancar dan mencapai objektif yang disasarkan.

Selain itu, mereka juga berperanan menyumbangkan sebarang idea, tenaga malahan wang ringgit sebagai galakan dan sokongan terhadap sesuatu program tersebut. Sikap ambil tahu ini amat penting dan amat dihargai oleh pihak pengurusan lain yang terlibat secara langsung dalam perkara ini. Ini menggambarkan usaha dan penat lelah mereka diambil berat dan mereka diberi sokongan walaupun secara tidak langsung. Hal ini mampu meningkatkan komitmen di pihak guru dan pelajar juga.

4.3.15 Peruntukan masa dalam melaksanakan Program NILAM

4.3.15 (a) Guru Kelas

Dari segi masa yang diberikan untuk melaksanakan program ini, sejumlah 40% sampel di kalangan guru kelas menyetujui bahawa masa yang diberikan adalah cukup. Hal ini adalah kerana mereka hanya perlu merekodkan bacaan pelajar sahaja. Selain itu, borang yang diberikan pula mudah diisi dan tidak memerlukan masa yang panjang untuk melengkapkannya. Sejumlah 40% sampel lagi menyatakan mereka tidak perlu mengisi apa-apa borang, kerana semuanya dilakukan oleh pihak PSS.

Namun usaha –usaha seperti mewujudkan dan mengemaskinikan sudut-sudut bacaan di kelas agak membebankan. Walaubagaimanapun memandangkan hanya sebanyak 20% daripada sekolah yang dipilih adalah Sekolah Harian Biasa dan selebihnya ialah

Sekolah Bestari dan Berasrama Penuh hal ini tidak terlalu menjadi masalah besar kepada guru-guru kelas. Hal ini adalah kerana kebanyakan pelajar-pelajar terutama di tingkatan 2 dan 4 sudah mampu berdikari dan mempunyai rasa tanggungjawab yang tinggi untuk menceria dan mengemaskini sudut-sudut bacaan mereka tanpa arahan dan tindakan guru kelas.

4.3.15 (b) Guru Bahasa (Bahasa Melayu/ Inggeris)

Bagi guru bahasa pula, beban tugas adalah agak berbeza dan berat. Hal ini adalah kerana sesetengah sekolah memerlukan mereka melengkapkan borang bacaan PSS dan membuat laporan. Oleh itu sebanyak 60% sampel menyatakan masa yang diberi tidak mencukupi dan tugas ini membebankan. Mereka berpendapat, tumpuan seharusnya diberikan kepada pengajaran dan pembelajaran daripada melakukan kerja-kerja menyemak buku catatan bacaan para pelajar.

Selain itu, sesetengah PSS mewajibkan guru-guru bahasa ini membuat laporan aktiviti setiap kali selepas membawa pelajar-pelajar menggunakan PSS. Namun hasil temubual mendapati sebanyak 80% sampel menyatakan bahawa mereka tidak perlu membuat laporan aktiviti setiap kali selepas membawa para pelajar menggunakan PSS. Manakala sebanyak 20% sampel lagi memberitahu PSS hanya meminta mereka mengisi rekod penggunaan sahaja.

4.3.16. Kejayaan Program NILAM

4.3.16 (a) Penyelaras PSS

Hasil temubual dengan lima (5) orang Penyelaras PSS, didapati kecenderungan pelajar untuk menyertai program ini telah membuahkan kejayaan dalam pelbagai peringkat pertandingan. Sehubungan dengan perkara ini, sejumlah 40% sampel menyatakan

bahawa sekolah mereka telah berjaya memenangi beberapa pertandingan. Antaranya ialah berjaya menjadi Tokoh Membaca Negeri bagi tempat ke-3, menengah rendah dan atas pada tahun 1999 dan 2000.

Malah berjaya muncul juara Tokoh Membaca peringkat negeri dan kebangsaan bagi kategori menengah atas pada tahun 2002. Selain itu, satu lagi kejayaan yang boleh dibanggakan ialah memenangi tempat ke-4 kategori menengah atas bagi Tokoh Membaca Negeri.

4.3.17 Reaksi dan komen tentang Program NILAM

4.3.17 (a) Penyelaras PSS

Sementara itu, hasil temubual bersama Penyelaras PSS, penyelidik mendapati mereka sentiasa berfikiran terbuka dan berharap agar pada suatu masa nanti program ini mampu berjalan lancar dan menjadi pendorong utama kepada pelajar untuk terus menghidupkan semangat dan budaya membaca. Mereka juga berharap agar program ini mendapat kerjasama dan komitmen penuh daripada pelbagai pihak memandangkan ia mampu memupuk tabiat membaca sepanjang hayat dan membantu pelajar-pelajar menggunakan masa secara berkesan. Malahan sejumlah 20% sampel lagi, sangat berharap program ini dapat dilaksanakan dengan jayanya mulai tahun hadapan memandangkan ianya tidak dapat dijalankan pada tahun ini.

4.3.17 (b) Guru Kelas

Apabila ditanya tentang pandangan guru kelas tentang program ini, semua sampel mengakui ianya sebagai satu program yang baik dan mampu mendorong minat pelajar membaca. Namun terdapat beberapa perkara yang mampu mematahkan minat dan semangat para pelajar untuk membaca seperti kekurangan bahan bacaan yang

bersesuaian, ketidakselesaian PSS serta ketiadaan pemantauan yang lebih menyeluruh di sekolah-sekolah menyebabkan program ini dijalankan secara sekadar ada.

4.3.17 (c) Guru Bahasa (Bahasa Melayu/ Bahasa Inggeris)

Sebanyak 60% sampel di kalangan guru bahasa pula beranggapan, program ini telah gagal dan sepatutnya digantikan dengan satu program lain yang lebih menarik serta tidak membebankan guru-guru. Selain itu, guru-guru bahasa ini juga berpendapat program ini gagal kerana pelajar-pelajar tidak berminat untuk mengisi maklumat di dalam buku catatan mereka.

4.3.17 (d) Pengetua / Guru Penolong Kanan

Apabila persoalan ini diajukan kepada pihak pentadbir sekolah, sejumlah 80% daripada mereka mempunyai pandangan yang positif tentang hal ini. Sebanyak 20% sampel pula enggan ditemubual. Secara keseluruhan mereka berpendapat, walaupun pelajar dikatakan kurang minat menyertai program ini, namun jika semua pihak sanggup memberi komitmen, kerjasama tanpa mengenal jemu dan menjalankannya dengan bersungguh-sungguh, ia mampu mengembalikan semula minat para pelajar untuk membaca.

Menurut mereka lagi, hal ini adalah kerana program seperti ini mampu merangsang kewujudan budaya ilmu dan minat membaca secara berterusan. Selain itu, konsep ganjaran dapat menarik minat pelajar untuk membaca walaupun secara paksaan. Dalam hal ini, mereka juga menekankan akan kepentingan ibubapa untuk turut sama memberikan galakan kepada anak-anak. Satu lagi ciri penting yang harus diberi perhatian ialah pemantauan yang berterusan oleh semua pihak. Arahan tanpa pemantauan tidak akan membawa ke mana-mana sesuatu yang telah dirancang.

4.3.18 Perbincangan

Penyelidik merumuskan hasil dapatan berdasarkan empat (4) persoalan kajian.

4.3.18 (a) Sejauhmanakah para pelajar berminat membaca untuk menambahkan pengetahuan?

Kepentingan membaca

Berdasarkan hasil kajian, didapati para pelajar masih lagi menunjukkan minat terhadap aktiviti membaca ini. Secara umum, semua pelajar yang dipilih sebagai sampel dalam kajian ini, mengakui bahawa membaca merupakan satu aktiviti yang penting dan berfaedah. Kesedaran ini wujud memandangkan sekolah-sekolah yang dipilih adalah merupakan Sekolah Bestari dan Sekolah Berasrama Penuh kecuali sebuah Sekolah Harian Biasa. Sekiranya fenomena ini mampu dikekalkan hasrat untuk menghidupkan budaya ilmu akan mampu direalisasikan sebagaimana yang dinyatakan oleh Rohani (1998) bahawa membaca merupakan wahana dalam salah satu peringkat bagi mencapai kemajuan sesebuah masyarakat.

Minat membaca

Semasa kajian ini dijalankan, penyelidik juga berpeluang melawat pusat sumber di sekolah-sekolah yang dipilih. Ketika itu, penyelidik mengambil peluang untuk mengetahui sejauhmana para pelajar berminat untuk membaca dengan meneliti rekod-rekod pinjaman buku dan penggunaan PSS oleh guru-guru yang membawa para pelajar ke sini. Ternyata kecenderungan terhadap kegiatan membaca masih wujud. Malahan PSS sentiasa dikunjungi oleh pelajar-pelajar ketika waktu rehat bagi tujuan peminjaman,

pemulangan buku malahan untuk membaca bahan bacaan ringan seperti suratkhobar dan majalah.

Namun bahan bacaan yang paling menarik perhatian mereka adalah terdiri daripada komik, majalah, surat khabar dan lain-lain yang merupakan bahan bacaan ringan. Bahan-bahan bacaan ini diminati oleh sejumlah 53.3% (160) sampel berbanding bahan-bahan bacaan berbentuk ilmiah. Hal ini mungkin kerana bahan-bahan bacaan ringan tersebut murah, mudah dan senang diperolehi serta tidak memerlukan masa yang panjang untuk membacanya. Selain itu, bahan-bahan bacaan tersebut lebih menarik dari segi nilai berita, ilustrasi dan tidak memerlukan kemahiran yang tinggi untuk memahaminya.

Perkara ini mempunyai persamaan dengan kajian yang pernah dijalankan oleh Annamalai (1994), tentang minat membaca pelajar dan kaitannya dengan pencapaian akademik. Menurut beliau sejumlah 38.7% pelajar gemar membaca akhbar, diikuti 33.9% pelajar membaca majalah dan hanya sebanyak 27.4% yang minat membaca buku. Matlamat membaca ialah bagi melahirkan budaya ilmu yang mantap dan para pelajar seharusnya perlu mengutamakan mutu bahan bacaan.

Minat para pelajar terhadap aktiviti membaca untuk menambahkan ilmu pengetahuan juga dapat dinilai daripada sumber bahan bacaan itu diperolehi. Hasil kajian mendapati sebanyak 46.6% (140) sampel mendapatkan bahan-bahan bacaan mereka dengan membeli sendiri bahan tersebut. Hal ini membuktikan bahawa para pelajar ini sanggup menggunakan wang saku mereka sendiri untuk memperolehi bahan bacaan yang mereka gemari. Dari satu sudut, sikap ini amat wajar dipuji. Namun, pendidikan dan tunjukajar

untuk memilih bahan bacaan yang berfaedah dan berilmu harus diteruskan dan sentiasa diterapkan dalam jiwa para pelajar ini sejak awal lagi.

Dalam hal ini, ibu bapa wajar memainkan peranan dan menjadi contoh teladan kepada anak-anak dalam memilih bahan-bahan bacaan yang bersesuaian. Hal ini mampu melahirkan masyarakat membaca yang matang, yang bukan sahaja gemar malah mengamalkan tabiat membaca. Di samping itu, mereka juga mengutamakan mutu bahan bacaan. Sehubungan dengan hal ini, Abdul Rahim (2001) telah menyatakan bahawa, membaca adalah tangkal hidup masyarakat akan datang. Ketiadaan tradisi membaca di kalangan masyarakat Malaysia adalah disebabkan anak-anak tidak dididik atau didedahkan dengan dunia pembacaan.

Selain itu masa yang diperuntukkan untuk membaca juga dapat memberi gambaran sejauhmana para pelajar kita berminat untuk menambah ilmu pengetahuan. Berdasarkan kajian, sebanyak 54% (162) sampel didapati menggunakan masa lapang dengan aktiviti membaca. Situasi ini memberikan satu gambaran menyeluruh yang masih boleh dibanggakan. Menurut Halimah (1994), menyatakan bahawa seseorang individu tidak mungkin menunjukkan minat membaca jika beliau merasakan aktiviti itu membosankan. Situasi ini mungkin wujud disebabkan oleh disiplin dan peraturan yang ketat di asrama-asrama sekolah yang dijadikan sampel.

Selain itu, para pelajar ini didapati menunjukkan minat yang tinggi terhadap aktiviti membaca tanpa mengambilkira jenis bahan yang dibaca. Memandangkan pengaruh luaran seperti media elektronik dan hiburan yang agak sukar diperolehi dan kekangan jadual tugas di sekolah dan tanggungjawab di asrama menyebabkan para pelajar ini mengalih tumpuan pada aktiviti membaca bagi mengisi masa lapang mereka.

Dalam satu kajian oleh Ahmad Mustafa (1984) mengenai minat membaca di kalangan pelajar-pelajar sekolah, beliau mendapati bahawa 64% pelajar berupaya membaca antara sebuah (1) hingga tiga (3) buah buku seminggu dan 7% lagi dapat membaca lebih daripada tujuh (7) buah buku seminggu. Jadi ini menggambarkan kemungkinan para pelajar ini banyak menggunakan masa lapang mereka untuk membaca. Jika dibandingkan dengan kajian oleh penyelidik memang terdapat minat untuk membaca di kalangan pelajar.

Sehubungan dengan hal ini yang diperlukan ialah perhatian dan galakan yang berterusan. Namun, berdasarkan kajian oleh Agnes (1998) di Sekolah Menengah Seri Puteri Ipoh, beliau mendapati daripada 100 sampel, hanya sejumlah 8% sahaja yang menyatakan membaca sebagai hobi atau untuk menambah ilmu. Sebanyak 40% lagi menyatakan mereka membaca hanya untuk tujuan peperiksaan dan rujukan, sejumlah 47% membaca untuk kepuasan diri (mengetahui tentang sesuatu) dan sebanyak 2% lagi menyatakan membaca hanya membuang masa. Perbezaan dapatan ini mungkin disebabkan oleh faktor-faktor yang telah dibincangkan di atas.

Selain itu, latarbelakang ibu bapa juga mempengaruhi sikap para pelajar ini. Walaupun persoalan tentang latarbelakang ibu bapa tidak dikemukakan dalam soalselidik, namun berdasarkan pada persepsi dan temubual dengan guru-guru yang mengajar, penyelidik mendapat gambaran umum tentang sikap dan pelakuan sebahagian besar pelajar ini terhadap aktiviti membaca.

4.3.18 (b) Peranan dan strategi pelaksanaan PSS untuk menyemai dan menanamkan minat membaca di kalangan pelajar sekolah

PSS berperanan sebagai pusat pengembangan potensi pelajar-pelajar menjadi insan seimbang. Selain itu, PSS juga bertanggungjawab menanamkan rasa cinta yang mendalam terhadap ilmu pengetahuan di kalangan pelajar melalui aktiviti membaca. Bagi mencapai objektif tersebut, PSS harus mempunyai pandangan yang ‘terkehadapan’ dengan memberi perhatian terhadap cara dan strategi merancang dan melaksanakan sesuatu program itu. .

Peranan dan strategi PSS

Dalam usaha menyemai dan menanamkan minat membaca di kalangan pelajar-pelajar sekolah, hasil kajian merumuskan tiga perkara utama yang perlu diberi perhatian oleh PSS bagi melaksanakan peranan dan strateginya. Perkara-perkara tersebut adalah:

- a. PSS berperanan menyediakan suasana persekitaran yang bersesuaian bagi menjana proses pengajaran dan pembelajaran serta mampu membangkitkan minat para pelajar terhadap aktiviti membaca.
- b. PSS bertanggungjawab merancang, melaksana dan memantau pelbagai program gerakan tabiat membaca agar berjalan lancar dan mampu meninggalkan impak yang berterusan pada diri para pelajar.
- c. PSS bekerjasama serta mendapat sokongan padu dan berterusan daripada pelbagai peringkat warga sekolah.

Dalam hal ini, hasil kajian juga mendapati PSS masih lagi diterima dan dianggap penting sebagai sebuah tempat yang paling sesuai untuk menjalankan aktiviti menambah ilmu dan maklumat seperti membaca di kalangan pelajar-pelajar sekolah.

Hal ini dibuktikan dengan kadar peratusan yang tinggi iaitu sejumlah 84.3% (244) sampel menyokong kenyataan bahawa PSS adalah tempat yang sesuai untuk membaca di sekolah.

Para pelajar telah memilih pelbagai alasan yang diberi berkaitan dengan faktor-faktor yang menarik mereka ke PSS. Kesimpulannya, hasil kajian mendapati faktor jumlah bahan bacaan yang banyak dan pelbagai telah berjaya menarik para pelajar ini untuk mengunjungi PSS. Pengguna PSS datang dari pelbagai latar belakang keluarga. Sebagai individu sudah tentu mereka mempunyai cara belajar dan tahap kecerdasan yang berbeza. Begitu juga dengan identiti, perawakan, emosi serta nilai diri. Sehubungan dengan hal ini, sudah tentu mereka mahu diri mereka selamat dan berasa diterima apabila berada di PSS. Jadi amat wajarlah PSS menyediakan ruangan yang ceria, selesa serta mampu menggalakkan kedatangan mereka secara berterusan ke sini.

Berdasarkan satu kajian oleh Kasidah (1999) tentang penggunaan PSS di kalangan pelajar sekolah menengah di daerah Pontian, didapati terdapat empat (4) faktor berkait dengan sikap yang mempengaruhi kekerapan penggunaan PSS oleh pelajar ini. Dalam hasil kajian tersebut beliau mendapati sejumlah 86.7% sampel mengatakan hal ini berpunca daripada sikap pelajar itu sendiri, sejumlah 77% sampel pula mengatakan sikap guru turut mempengaruhi kekerapan pelajar-pelajar ini ke PSS, sebanyak 73.9% sampel mengatakan ia berpunca daripada sikap ibubapa dan sejumlah 67% sampel lagi mengatakan ia berpunca daripada sikap rakan sebaya.

Selain itu, jadual operasi juga memainkan peranan yang penting untuk menggalakkan para pelajar ke PSS dalam usaha menyemai dan menanamkan minat membaca di kalangan mereka. Sehubungan dengan hal ini, hasil kajian mendapati sejumlah 81.3%

(244) sampel bersetuju bahawa PSS mereka ada menyediakan jadual operasi yang sesuai dan sentiasa dibuka perkhidmatannya untuk kegunaan para pelajar. Hal ini turut disokong oleh kajian yang pernah dijalankan oleh Rusli (2000) tentang faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar menggunakan perpustakaan dalam menarik minat membaca di kalangan pelajar-pelajar Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan, Pahang yang mendapati sejumlah 94% sampel bersetuju supaya masa perkhidmatan perpustakaan ditambah dan jadual operasi diubahsuai bagi memudahkan penggunaan para pelajar dan guru.

Fenomena ini harus dikekalkan dan sewajarnya lebih banyak PSS lain yang mampu berperanan dalam menyediakan jadual operasi yang bersesuaian dan memenuhi kehendak serta keperluan warga sekolah khususnya di sekolah-sekolah yang terletak di luarbandar yang kurang kemudahan seperti ini. Dalam hal ini, penyelidik mendapati penyelar, guru dan pengawas PSS perlu berkorban masa dan memberi komitmen dalam memastikan jadual operasi yang mantap mampu mempamerkan imej PSS yang positif, menarik dan berkualiti tinggi. Ia juga berkaitan dengan keupayaan mengadakan kakitangan yang mesra, peramah, sedia membantu, pandai berkomunikasi dan berinformatif. Tidak ada gunanya PSS dibuka sepanjang masa tetapi perkhidmatan yang diberikan adalah sebaliknya.

Hasil temubual bersama Penyelaras PSS, mereka juga bersetuju bahawa PSS harus berusaha untuk mewujudkan persekitaran yang memberangsangkan untuk menanam minat membaca secara berterusan di kalangan warga sekolah, memberi pendedahan tentang buku dan ilmu di peringkat umur yang masih muda, serta menanam sikap menghargai dan menilai bahan bacaan dan ilmu. Selain itu pihak pengurusan sekolah terutama Pengetua sekolah yang ditemubual juga mempunyai pandangan yang sama dan

amat berharap Penyelaras PSS yang dilantik mampu berperanan memastikan kemampuan PSS menyemai dan menanam minat membaca melalui kemudahan-kemudahan yang disediakan dan program-program yang diatur.

Hal ini memang ada persamaan dengan kajian yang dilakukan oleh Siti Hadijah (2002) ke atas 20 orang Pengetua Sekolah tentang kepentingan membangunkan PSS, sebanyak 53% Pengetua menyedari kepentingan peranan PSS sebagai gedung ilmu, sementara sejumlah 33% Pengetua lagi mengibaratkan PSS sebagai nadi kejayaan sekolah dan pelajar. Sebanyak 12 orang Pengetua pula menyatakan mereka harus memainkan peranan penting sebagai ketua dalam memastikan kelancaran dari aspek perancangan dan pengimplemetasian, pengawalan dan pemantauan sesuatu program.

4.3.18 (c) Kaedah promosi gerakan tabiat membaca di bawah Program

NILAM

Promosi bertujuan memberi kesedaran, menarik perhatian, membangkitkan minat, mewujudkan suatu hubungan yang erat dan mengiklankan perkhidmatan yang disediakan. Sehubungan dengan hal ini, kajian mendapati PSS telah melakukan pelbagai kaedah promosi dalam usaha menyemarakkan gerakan tabiat membaca di bawah Program NILAM di sekolah-sekolah kajian dijalankan.

Antara yang dilakukan ialah mempamerkan bahan bacaan baru. Dalam hal ini, sejumlah 61% (183) sampel mengakui bahawa PSS mereka ada menjalankan promosi dalam bentuk ini. Sudut pameran maklumat atau bahan bacaan baru membolehkan PSS mempamerkan koleksi terbarunya untuk pengetahuan pengguna PSS. Dalam hal ini, apa yang penting ialah menjadikan sudut-sudut pameran ini istimewa dan memberi erti

kepada setiap pelajar. Tanggungjawab ini memerlukan usaha yang berterusan serta perancangan yang baik.

Hal ini memang ada kebenarannya sebagaimana yang diutarakan oleh Siti Hajar (1996) bahawa dalam usaha menarik minat yang berterusan terhadap pembacaan, bahan-bahan bacaan yang dipamerkan di PSS haruslah ditentukan melalui proses pemilihan dan penyesuaian yang rapi dan teliti. Secara ringkasnya bahan-bahan bacaan tersebut mestilah boleh dibaca (*readability*), kandungannya sesuai (*suitability of content*), boleh dieksploitasi (*exploitability*) dan dipermudah (*simplified*)

Selain itu, hasil kajian turut mengenalpasti kepelbagaian aktiviti galakan secara berterusan sebagai satu lagi kaedah promosi PSS terhadap gerakan tabiat membaca di bawah Program NILAM. Selaras dengan hal ini, didapati sejumlah 62% (186) sampel mengatakan 'ya' bahawa PSS mereka ada mengadakan pelbagai aktiviti galakan membaca secara berterusan. Namun, penyelidik mendapati PSS kurang menyedari bahawa setiap pelajar memiliki gaya pembelajaran dan tahap pemikiran yang berbeza.

Oleh itu dalam melaksanakan sesuatu aktiviti, PSS harus mengambilkira faktor ini. Penerokaan ilmu dan percambahan minat terhadap tabiat membaca hanya akan berjaya apabila pengetahuan dan maklumat yang ada membawa makna dalam hidup seseorang pelajar tersebut. Usaha menyemai tabiat membaca ini berlaku pada tahap yang berbeza bagi setiap pelajar.

Dalam memperkatakan tentang kepelbagaian aktiviti ini, seperkara yang perlu diambilkira ialah aktiviti galakan tersebut haruslah sesuai dan menarik. Berdasarkan hasil kajian, sejumlah 56.3% (169) pelajar mengakui bahawa aktiviti galakan membaca

yang dijalankan oleh PSS mereka sangat sesuai dan menarik. Peratusan ini masih rendah dan perlu dipertimbangkan oleh PSS dalam usaha mengadakan aktiviti galakan membaca pada masa hadapan.

Berpandukan laporan Penilaian Projek Menggalakkan Penggunaan Pusat Sumber Sekolah bagi Sekolah-sekolah Rendah Negeri Johor Tahun 1993, mendapati melalui aktiviti galakan membaca, jumlah pinjaman melebihi empat (4) buah buku dalam jangka masa sebulan telah meningkat berbanding dengan tahun 1992. Bagi sekolah kebangsaan, tahap peningkatan adalah sebanyak 7.2% iaitu daripada sejumlah 54% (1992) kepada sebanyak 61.2% (1993). Oleh itu, program, aktiviti dan kemudahan di PSS perlu fleksibel agar setiap pengguna mempunyai peluang untuk sama-sama menyertainya.

Walaupun di sesetengah PSS aktiviti seperti ini tidak terlalu kerap diadakan, kesannya adalah besar dalam usaha mempromosikan gerakan tabiat membaca ini sekaligus mempromosikan juga PSS kepada pelajar, guru, ibu bapa malahan penduduk setempat. Tujuan aktiviti atau sesuatu program ini diadakan sebenarnya untuk mendapatkan kerjasama daripada semua pihak agar aktiviti PSS dapat dijalankan dengan mudah dan mendapat sambutan.

Tidak dapat dinafikan dalam membincangkan tentang kaedah promosi ini, PSS hari ini perlu melipatgandakan usaha untuk menarik perhatian dan menawan hati para pelajar. Satu lagi kaedah promosi yang mendapat perhatian ramai ialah memberikan galakan dalam bentuk ganjaran dan hadiah. Berdasarkan hasil kajian, sebanyak 65% (195) sampel menyatakan PSS mereka ada menyediakan galakan dalam bentuk ini.

Menurut Aishah (1998), berdasarkan Program NILAM, terdapat dua tahap bagi memperolehi ganjaran iaitu Sistem Ganjaran JAUHARI pada Tahap Pertama dan Sistem Ganjaran Rakan Pembaca (RP) pada Tahap Kedua. Sekiranya semua PSS memandang serius akan galakan dalam bentuk ini sudah tentu bilangan pelajar yang akan menyertai aktiviti-aktiviti membaca akan meningkat. Selain itu, apabila aktiviti galakan membaca diberi pengiktirafan dan dipiawaikan, masyarakat juga seharusnya dimaklumi tentang klasifikasi pengiktirafan ini. Penganugerahan ini akan menjadi satu aset dan pemangkin budaya suka membaca sepanjang hayat.

Kaedah promosi yang turut mendapat tempat di hati pelajar ialah kewujudan sudut-sudut bacaan di persekitaran sekolah. Dalam kajian yang telah dijalankan, didapati hanya sejumlah 43.3% (130) sampel yang mengatakan bahawa PSS mereka ada menyediakan sudut-sudut bacaan di merata tempat tumpuan pelajar. Maklumat dalam bentuk grafik atau teks ini perlu dipersembahkan secara kreatif dan diganti dalam tempoh tertentu. Dalam hal ini, apa yang penting ialah menjadikan sudut-sudut bacaan ini istimewa dan memberi erti kepada setiap pelajar.

Dari segi penyebaran maklumat tentang aktiviti gerakan membaca ini, hasil kajian mendapati sejumlah 71% (213) sampel mendapatkan maklumat melalui pengumuman semasa perhimpunan rasmi. Jelas di sini bahawa, PSS menggunakan waktu perhimpunan rasmi sebagai saluran utama menyampaikan maklumat tentang aktiviti membaca ini. Hal ini adalah kerana pada waktu ini semua guru dan pelajar berkumpul dalam suatu situasi yang formal. Keadaan ini memudahkan para pelajar untuk menerima dan memahami maklumat yang disampaikan kepada mereka.

4.3.18 (d) Pelaksanaan Program NILAM : Pemahaman dan komitmen

Menurut Fatimah (2002), semua sekolah rendah dan menengah telah melaksanakan Program NILAM mulai tahun 1999. Namun, berdasarkan maklumbalas awal daripada negeri-negeri sehingga Disember 2001 didapati terdapat beberapa pencapaian kemajuan walaupun berbeza-beza antara negeri-negeri.

Pendedahan Awal

Jadi ini bermakna hampir kesemua warga pendidik di sekolah-sekolah telah mendapat pendedahan tentang program ini baik secara langsung mahupun secara tidak langsung. Hal ini juga memberi petanda bahawa sebilangan besar pelajar seharusnya juga telah dimaklumkan dan mendapat pendedahan yang sepatutnya oleh pihak sekolah. Sehubungan dengan perkara ini, hasil kajian mendapati sebanyak 87% (261) sampel mengakui bahawa mereka pernah mendapat maklumat tentang program ini. Jumlah ini adalah agak besar walaupun tidak 100%. Hal ini juga jelas menunjukkan bahawa Program NILAM ini telah berjaya mendapat publisiti yang meluas semasa ia diumumkan dan dilaksanakan secara serentak dan menyeluruh di semua peringkat sekolah di seluruh negara mulai tahun 1999.

Guru PSS adalah merupakan sumber utama para pelajar mendapatkan maklumat tentang program ini, di mana hasil kajian mencatatkan daripada sejumlah 87% pelajar yang mengetahui tentang program itu telah mendapatkan maklumat tersebut daripada guru PSS mereka sendiri. Keadaan ini membuktikan bahawa guru-guru PSS ini memainkan peranan yang penting dalam usaha mempromosikan gerakan tabiat membaca di bawah Program NILAM.

Peranan guru-guru ini memang amat berkesan malahan berdasarkan kajian oleh Szarina (1995) ke atas pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi tempatan, mendapati sebanyak 26.2% sampel menyatakan pensyarah sebagai pendorong dalam menyemai tabiat membaca berbanding sejumlah 17.5% pula menyatakan kawan sebagai pendorong. Jelas di sini bahawa walaupun para pelajar ini telah berjaya menjadi penuntut universiti, namun peranan pendidik masih diperlukan lagi.

Daripada jumlah pelajar yang dijadikan sampel, hanya sebanyak 13 % (39) orang yang menyatakan bahawa mereka tidak pernah mendapat maklumat tentang program ini. Ianya adalah satu jumlah yang kecil. Sekiranya PSS berusaha lebih gigih lagi sudah tentu peratusan ini dapat terus direndahkan. Malahan alasan yang diberikan oleh mereka juga menjurus kepada kelemahan promosi oleh PSS. Berdasarkan hasil kajian, terdapat tiga cara Program NILAM diperkenalkan kepada warga sekolah iaitu, pengumuman rasmi semasa perhimpunan (umum untuk semua warga sekolah), taklimat khusus (hanya untuk guru PSS dan guru-guru lain) dan orientasi perpustakaan (untuk semua pelajar baru).

Orientasi PSS seringkali diadakan pada awal semester untuk memahirkan pengguna dengan ruang, koleksi dan kemudahan PSS. Sebenarnya, inilah juga masa yang sepatutnya digunakan oleh PSS untuk menarik minat para pelajar melawat dan memperkenalkan bahan-bahan bacaan yang boleh didapati di sini.

Selain itu, peluang ini juga patut digunakan oleh PSS untuk mempromosikan Program NILAM secara langsung. Dalam hal ini, pelbagai kaedah boleh dilakukan untuk menyemai minat membaca para pelajar. Antaranya dengan memaparkan senarai nama-nama pemenang dalam pelbagai aktiviti PSS yang diadakan, mempamerkan kejayaan-

kejayaan program ini sama ada di peringkat sekolah mahupun di luar sekolah, mempromosikan aktiviti dan pertandingan yang akan diadakan sepanjang tahun dan sebagainya.

Sebenarnya pendedahan awal telah diberikan kepada semua pentadbir sekolah yang terdiri daripada Pengetua dan Guru Besar. Mereka telah diberikan taklimat terlebih dahulu tentang latar belakang gerakan membaca ini, iaitu apa itu NILAM?, tujuan NILAM, aktiviti asas NILAM, tahap pertama, tahap kedua, sistem kawalan dan sistem ganjaran. Oleh itu, sekiranya sesebuah sekolah itu telah menjalankan tanggungjawabnya menyebarkan maklumat yang diperolehi kepada warga sekolahnya maka tidak ada sebab mengapa guru-guru dan para pelajar tidak mengetahuinya.

Walaupun, hasil kajian di sekolah-sekolah yang dipilih mendapati hampir semua pengetua dan guru-guru telah mendapat pendedahan secara langsung sama ada diberikan oleh pihak sekolah mahupun semasa menghadiri kursus-kursus yang berkaitan di luar sekolah.

Berdasarkan buku “ Konsep dan Pelaksanaan Program NILAM di sekolah” (1998), ada dinyatakan bahawa setiap sekolah telah dibekalkan dengan video latihan dan buku panduan bagi membantu guru-guru menjalankan projek ini. Malahan contoh-contoh aktiviti turut diberikan dalam buku ini. Pihak sekolah boleh menggunakan contoh-contoh tersebut, mengolah semula mengikut kesesuaian pelajar atau membentuk aktiviti lain yang dihasilkan atas daya usaha kreativiti guru.

Minat untuk menyertai Program NILAM

Minat untuk menyertai program ini adalah didorong oleh faktor utama iaitu untuk menambah ilmu pengetahuan dan mengisi masa lapang iaitu sebanyak 56% (168) sampel. Hal ini adalah bersesuaian dengan situasi kebanyakan pelajar ini yang tinggal di asrama-asrama. Kehidupan di asrama yang penuh dengan peraturan dan disiplin diri yang kuat, menimbulkan kesedaran para pelajar ini akan kepentingan menambah ilmu pengetahuan sedia ada agar mampu bersaing dengan pelajar-pelajar lain. Sementara itu, bagi pelajar-pelajar yang tidak berminat menyertainya, memberikan alasan tiada masa membuat catatan pembacaan.

Kajian ke atas keperluan memiliki buku rekod pembacaan pula mendapati bahawa bilangan pelajar yang mempunyai buku rekod tersebut adalah agak rendah iaitu sejumlah 54.6% (164) orang sahaja. Hal ini berlaku mungkin disebabkan oleh sikap pelajar itu sendiri yang sengaja tidak mahu memilikinya atau disebabkan oleh tidak wujudnya ketegasan dalam melaksanakan program ini. Berdasarkan hasil kajian, pelajar-pelajar ini memberikan alasan mereka tidak memiliki buku rekod pembacaan kerana mereka tidak diwajibkan mempunyai buku tersebut dan perkara itu bukan satu kesalahan.

Peruntukan Masa

Pelaksanaan program memerlukan pengumpulan dan penyemakan buku-buku sama ada buku rekod pembacaan pelajar, laporan pembacaan pelajar dan sebagainya. Secara umum, terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian dalam usaha memastikan kelancaran perjalanan program ini iaitu;

- a. Pengumpulan data
- b. Pengesahan
- c. Pengawalan
- d. Penilaian

Semua ini memerlukan komitmen dari segi masa oleh pihak guru mahupun pelajar. Berdasarkan hasil kajian daripada sejumlah 68.3% (205) sampel yang berminat menyertai program ini sejumlah 35.3% (106) daripada mereka menyatakan tidak menghadapi sebarang masalah dalam mengisi maklumat dalam buku rekod pembacaan. Malah mereka tidak memerlukan masa yang panjang untuk melengkapkan maklumat yang diperlukan. Semua maklumat yang perlu dimasukkan adalah sama iaitu nama pengarang, nama penerbit, judul buku, jenis buku, bilangan mukasurat dan sebagainya. Sekiranya dilakukan secara kerap dan berterusan, akan menjadikan mereka mahir dan kurangnya masa yang diperlukan. Sebaliknya di kalangan Penyelaras PSS, guru kelas dan guru bahasa, masa yang diperlukan adalah lebih banyak.

Hasil temubual, sebanyak 60% daripada sampel di kalangan guru bahasa menyatakan kerja-kerja pelaksanaan program ini memerlukan banyak masa dan membebankan mereka. Dalam hal ini, memang tidak dapat dinafikan walaupun tugas-tugas menjalankan program ini nampak mudah dan remeh, namun ianya memerlukan pengorbanan masa yang mampu menimbulkan kebosanan. Malahan terdapat beberapa orang guru bahasa yang melahirkan rasa tidak puashati kerana dipaksa menulis laporan bulanan dan mengisi rekod pembacaan pelajar sehinggakan ada di antara mereka mengambil jalan mudah menyuruh pelajar-pelajar yang agak cerdas untuk melengkapkan borang-borang yang diedarkan oleh Penyelaras PSS pada setiap bulan.

Sekiranya hal ini berlaku secara berterusan, ini bermakna data-data yang diperolehi dan dihantar ke Jabatan Pendidikan Daerah pada setiap bulan adalah diragui kesahihannya.

4.3.18 (e) Reaksi dan komen tentang Program NILAM

Para Pelajar

Secara umum, para pelajar berpendapat Program NILAM baik dan mampu mendorong minat mereka untuk terus membaca. Namun, amat malang masih terdapat sebanyak 36.9% (111) daripada sampel yang beranggapan program ini membosankan, membebankan malah membuang masa. Pelajar-pelajar ini tidak merekodkan maklumat bacaan mereka dan ada yang meniru rekod bacaan kawan-kawan. Selain itu, sesetengah daripada mereka juga didapati hanya menyalin semula sinopsis tanpa membaca buku itu sepenuhnya.

Para pelajar juga didapati masih kurang mahir dalam pengendalian maklumat dan ada di antara mereka gagal membezakan di antara pengarang dan penerbit. Para pelajar juga beranggapan terlalu banyak perkara perlu ditulis untuk membuktikan mereka telah membaca sesebuah buku itu. Mereka juga didapati kurang membaca bahan-bahan bacaan berbentuk ilmiah malah, lebih menggemari bahan bacaan dalam Bahasa Melayu berbanding Bahasa Inggeris. Jadi, wujud ketidakseimbangan jenis bahan bacaan yang mereka gemar baca.

Namun, bagi sejumlah 62.9% (189) sampel yang lain, program NILAM dirasakan mampu mendorong minat mereka untuk membaca, aktiviti yang sesuai dan menarik dan mencadangkan agar aktivitinya diteruskan dengan menambahkan pendekatan yang lebih kreatif serta menyeronokkan agar lebih ramai pelajar menyertainya.

Guru Kelas dan Guru Bahasa

Sebilangan besar guru-guru kelas dan bahasa, berpendapat program ini membebaskan mereka (60%), walaupun mengakui bahawa ia satu program yang baik. Hal ini adalah kerana mereka terpaksa melakukan kerja-kerja tambahan untuk menyemak rekod bacaan, menulis laporan, memastikan para pelajar sentiasa membaca buku, menghabiskan sukatan pelajaran, mengadakan kelas-kelas tambahan dan pelbagai aktiviti sekolah yang lain yang dirasakan amat padat dan mampu mengganggu konsentrasi mereka untuk mendidik. Malahan terdapat sesetengah guru yang melahirkan rasa tidak puas hati serta marah apabila ditanya pandangan mereka mengenai program ini. Mereka berpendapat, sewajarnya pihak yang bertanggungjawab mencadangkan program ini, mengkaji secara mendalam tentang impaknya ke atas beban tugas guru-guru, bukan hanya dengan beranggapan ia suatu usaha yang baik untuk menyemai tabiat membaca, lantas terus mengarahkan agar ianya diimpimentasikan di sekolah-sekolah.

Mereka mengakui melaksanakan program ini secara terpaksa dan hanya melakukannya sekadar mengikut arahan sahaja. Oleh itu, penyelidik dapat menilai sebab-sebab program ini diabaikan malahan langsung tidak dilaksanakan di sesetengah sekolah di negara ini. Kenyataan ini juga disokong berdasarkan kajian oleh Salwa (1996), ke atas kajian yang dijalankan oleh Baker 1987 terhadap guru-guru di Ohio, Amerika Syarikat yang mendapati guru-guru seringkali menghadapi masalah kekurangan masa serta agihan masa yang tidak memuaskan hati mereka kerana terpaksa menjalankan tugas-tugas bukan akademik.

Selain itu, hasil kajian oleh Che Wa (1997) juga turut mendapati bahawa Program NILAM menyebabkan wujudnya kekangan masa terhadap tugas rutin mereka seperti

menyemak buku-buku pelajar, membuat persediaan mengajar, waktu rehat guru malah telah menimbulkan tekanan emosi yang membimbangkan.

Hasil kajian oleh Abd.Rashid (2000), mengenai faktor kekangan masa boleh mempengaruhi tugas guru dalam melaksanakan Program NILAM pula mendapati 81.3% sampel bersetuju dengan pernyataan ini. Malah, dalam kajian yang sama, 93.8% sampel mengatakan bahawa masa rehat mereka banyak dihabiskan untuk menguruskan Program NILAM.

Manakala kajian oleh Mohd. Salehuddin (1999), pula menyatakan dalam memeriksa buku catatan pembacaan pelajar, walaupun diberi kelonggaran untuk memeriksanya secara tidak terlalu teliti, namun guru-guru di sekolah kajian tetap dikehendaki melaksanakan tugas ini. Malahan terdapat catatan pelajar yang boleh dipertikaikan memandangkan terdapat pelajar yang tidak jujur dalam menulis catatan pembacaan mereka. Perkara-perkara seperti ini tidak boleh dibiarkan. Akhirnya guru-guru tadi terpaksa melakukan siasatan. Hal ini memaksa mereka mengorbankan masa lagi, walaupun telah ditegaskan ketelitian tidak diperlukan.

Penyelaras dan guru PSS

Di kalangan Penyelaras dan guru PSS pula, sungguhpun begitu yakin program ini mampu menyemai tabiat membaca para pelajar, mereka seringkali berhadapan dengan masalah untuk mendapatkan kerjasama dan sokongan bukan sahaja daripada para pelajar dan guru-guru tetapi juga daripada pihak pentadbir sekolah. Hasil kajian mendapati sebanyak 20% daripada sampel menyatakan program ini langsung tidak diambil berat atau diberi perhatian oleh pihak pengurusan sekolah. Malah menyerahkan secara bulat-bulat untuk diuruskan oleh PSS.

Kesukaran mendapatkan kerjasama daripada guru-guru juga membingungkan Penyelaras dan guru PSS. Seringkali guru- guru hanya membuat laporan apabila diminta oleh jawatankuasa penyelaras, walaupun tugas ini adalah perlu dilakukan pada setiap hujung bulan. Hal ini adalah kerana Penyelaras PSS perlu menghantar laporan ini ke Jabatan Pendidikan Negeri pada setiap hujung bulan bagi tujuan pendokumentasian.

Selain daripada perkara di atas, PSS juga menghadapi masalah bahan bacaan yang tidak mencukupi untuk dipinjamkan kepada pelajar dalam bilangan yang banyak. Kekurangan bahan bacaan memaksa pihak sekolah menghadkan bilangan bahan yang boleh dipinjam pada satu-satu masa. Keadaan ini membantutkan kelancaran perjalanan Program NILAM

BAB LIMA

RUMUSAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan

Dapatan kajian yang telah dikumpul dan dianalisis memperlihatkan tentang peranan PSS dalam membantu mempromosikan gerakan tabiat membaca di bawah Program NILAM di sekolah-sekolah. Penemuan-penemuan dapat membantu penyelidik menilai peranan yang dimainkan oleh PSS serta mengenalpasti kekuatan dan kelemahan Program NILAM. Di samping itu, penyelidik dapat membuat rumusan daripada pelbagai aspek yang dikenalpasti berdasarkan hasil kajian yang telah dilakukan.

Seterusnya penyelidik juga dapat meneliti masalah-masalah yang dihadapi oleh PSS dalam melaksanakan program ini. Setelah masalah-masalah dapat dikenalpasti, penyelidik dengan lebih memahami dapat memberikan beberapa cadangan untuk pertimbangan pihak-pihak tertentu dan seterusnya mungkin boleh digunakan sebagai asas kepada penyelidikan lain pada masa akan datang.

5.2 Rumusan

Secara umum, bahagian ini menyentuh sepintas lalu beberapa bahagian penting penyelidikan iaitu, objektif kajian, persoalan kajian, reka bentuk kajian, dan instrumen kajian yang telah digunakan serta ringkasan kesimpulan hasil dapatan yang telah diperolehi dalam penyelidikan ini.

Objektif kajian ialah untuk mendapatkan gambaran tentang minat para pelajar terhadap aktiviti membaca, di samping mengenalpasti tanggungjawab dan strategi PSS dalam

menjana budaya suka membaca. Selain itu, kajian juga bertujuan untuk mengetahui bentuk-bentuk promosi yang dijalankan oleh PSS dalam menggalakkan tabiat membaca dan menyemai budaya ilmu seterusnya melihat reaksi dan komitmen warga sekolah terhadap Program NILAM

5.3 Reka bentuk kajian

Penyelidikan dijalankan dengan menggunakan gabungan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kualitatif adalah melibatkan usaha pengumpulan data dan maklumat melalui temubual. Dalam hal ini, tumpuan diberi terhadap beberapa item penting seperti pendapat, pengalaman, pandangan, cadangan daripada pelbagai peringkat warga sekolah bukan pengajar yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam program ini. Manakala kaedah kuantitatif dijalankan dengan menggunakan satu set borang soalselidik yang diedarkan hanya kepada pelajar-pelajar di sekolah yang dipilih.

5.4 Instrumen kajian

Penyelidik menggunakan satu set borang soalselidik yang terdiri daripada 24 soalan dan dibahagikan kepada lima (5) bahagian, iaitu A,B,C,D dan E. Soalselidik ini adalah dalam bentuk tertutup serta diatur dan dibentuk seragam supaya dapat membantu subjek kajian berasa selesa dan mampu mengingati kembali perkara-perkara yang telah berlaku berdasarkan soalan-soalan yang dikemukakan.

5.5 Hasil Dapatan

Bahagian ini pula akan memberi gambaran ringkas terhadap hasil penyelidikan. Kesimpulan dibuat berdasarkan kepada lima (5) persoalan kajian iaitu:

5.5.1 (a) Sejauhmana para pelajar berminat membaca untuk menambah ilmu pengetahuan mereka?

Kesimpulan yang boleh dibuat berdasarkan kajian ialah kecenderungan terhadap aktiviti membaca masih wujud di kalangan pelajar-pelajar yang dipilih sebagai sampel. Kajian membuktikan bahawa mereka bersetuju dengan kenyataan, membaca adalah satu aktiviti yang penting dan berfaedah. Namun bahan bacaan yang paling digemari hanyalah tertumpu pada bahan bacaan ringan seperti surat khabar dan majalah. Kebanyakan bahan bacaan dibeli sendiri. Dapatan kajian mendapati sejumlah 54% daripada sampel membaca pada masa lapang. Malah jumlah yang berminat menyertai Program NILAM juga agak membanggakan iaitu sejumlah 68.2% daripada pelajar yang menjadi sampel.

5.5.1 (b) Peranan dan strategi PSS dalam usaha menyemai dan menanam minat membaca di kalangan pelajar

Sejumlah 84.3% daripada sampel menyatakan PSS adalah tempat paling sesuai untuk membaca. Menurut 50.6% daripada sampel, antara faktor yang menyumbangkan ke arah ini ialah terdapatnya banyak bahan bacaan baru dan menarik. Selain itu, sejumlah 81.3% daripada sampel juga menyatakan PSS mereka ada menyediakan jadual operasi yang bersesuaian.

5.5.1 (c) Pendapat guru-guru tentang peranan dan strategi PSS dalam usaha menyemai dan menanam minat membaca di kalangan pelajar sekolah

Secara umumnya, guru-guru yang dijadikan sampel berpendapat PSS adalah sebuah pusat yang menjadi tumpuan untuk pengumpulan, penyimpanan dan penyediaan pelbagai bahan maklumat dalam pelbagai bentuk. PSS juga dianggap sebagai gedung

ilmu bukan sahaja bagi pendidik malah para pelajar. Fungsi utama PSS ialah sebagai nadi untuk mendapatkan ilmu, tempat perbincangan, bertukar-tukar idea dalam usaha ke arah mempertingkatkan kemahiran dan penguasaan sesuatu ilmu. Malah, guru-guru yang ditemubual ini juga berpendapat PSS mampu bertindak sebagai institusi memupuk ilmu dan budaya membaca.

Sebagai rumusan hasil daripada temubual tentang peranan dan strategi PSS dalam usaha menyemai dan menanamkan minat membaca di kalangan pelajar ini, tiga criteria dapat disimpulkan iaitu mempertingkatkan kecekapan pengendalian dan pelaksanaan, menilai keperluan dan menyelaras perkhidmatan berdasarkan kehendak guru dan pelajar serta mempertingkatkan usaha promosi bagi pelbagai aktiviti.

5.5.1 (d) Kaedah promosi PSS untuk membangkitkan kesedaran terhadap gerakan tabiat membaca di bawah Program NILAM

Antara kaedah promosi PSS bagi tujuan ini ialah mempamerkan bahan bacaan baru, mempelbagaikan aktiviti yang sesuai dan menarik, memberikan ganjaran dan hadiah dalam pelbagai bentuk serta menyediakan lebih banyak sudut-sudut bacaan atau laluan ilmu di persekitaran sekolah. Lain-lain kaedah promosi yang dijalankan ialah menjalankan usaha penguatkuasaan semula Program NILAM, mengemaskini PSS ke arah automasi yang bertujuan untuk memudahkan urusan peminjaman, pemulangan buku dan pengumpulan serta menyimpan rekod-rekod bahan bacaan, mengaktifkan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan Program NILAM, memberi maklumat Program NILAM dalam pengumuman rasmi semasa perhimpunan, taklimat khusus, dan orientasi perpustakaan, menyediakan senarai panduan dan borang tertentu untuk kegunaan guru serta menguatkuasakan arahan supaya membawa pelajar-pelajar ke PSS untuk tujuan membaca.

5.5.1 (e) Reaksi dan komitmen warga sekolah terhadap pelaksanaan

Program NILAM

Komen / reaksi pelajar tentang Program NILAM

Daripada senarai komen yang disediakan, sejumlah 10.3% daripada sampel berpendapat program ini sesuai dan menarik. Manakala sejumlah 32.3% beranggapan program ini mampu mendorong minat untuk terus membaca. Sejumlah 20.3% daripada sampel juga berpendapat program ini wajar diteruskan dengan aktiviti yang lebih menarik. Sebaliknya, terdapat sejumlah 26.3% daripada sampel berpendapat sebaliknya iaitu menganggap program ini membosankan dan hanya membuang masa dan sejumlah 10.6% sampel pula menganggap ianya membebankan.

Komen / reaksi Penyelaras PSS terhadap Program NILAM

Hasil temubual tentang hal ini, penyelidik mendapati Penyelaras PSS yang dijadikan responden berasa puashati dan gembira dengan penyertaan dan penglibatan warga sekolah terhadap aktiviti yang dijalankan. Menurut mereka, usaha mempromosikan program ini akan diteruskan dan dijadikan aktiviti tahunan yang akan dimasukkan sebagai agenda utama dalam mesyuarat jawatankuasa PSS. Namun, mereka amat berharap agar program ini mendapat kerjasama dan sokongan penuh daripada pihak pentadbir.

Komen / reaksi guru kelas terhadap Program NILAM

Sejumlah 80% daripada guru kelas yang dijadikan sampel beranggapan program ini membebankan. Dua faktor yang menyebabkan perkara ini ialah guru kelas berpendapat adalah sukar untuk menyuruh pelajar melakukan sesuatu perkara yang tidak menarik minat mereka. Selain itu, mereka juga perlu mengejar waktu untuk menghabiskan sukatan pelajaran. Namun 20% daripada sampel pula tidak menganggap program ini

sesuatu yang membebankan. Dua faktor yang menyokong perkara ini ialah, urusan merekod aktiviti adalah dilakukan oleh guru PSS dan guru-guru kelas hanya perlu menggalakkan pelajar menyediakan sudut-sudut bacaan di dalam kelas.

Komen / reaksi guru bahasa terhadap Program NILAM

Sejumlah 40% daripada sampel berpendapat program ini membebankan dari segi peruntukan masa. Mereka menyatakan pelajar tidak berminat membaca bahan-bahan komponen sastera apatah lagi buku-buku lain. Menurut mereka lagi, urusan melengkapkan borang bacaan pelajar dan penyediaan laporan penggunaan PSS hanya membuang masa. Sejumlah 60% daripada sampel berpendapat program ini gagal dan harus diganti dengan program lain yang lebih menarik dan tidak membebankan. Namun, sungguhpun mereka berpendapat program ini gagal, mereka masih yakin sekiranya ianya dijalankan secara bersungguh-sungguh dan dipermudahkan, program ini akan mampu menanamkan minat membaca di kalangan pelajar-pelajar.

Komen / reaksi pihak pentadbir sekolah terhadap Program NILAM

Sejumlah 80% daripada sampel yakin program ini mampu merangsang kewujudan budaya ilmu dan mencambahkan minat membaca secara berterusan di kalangan pelajar. Menurut mereka lagi, konsep ganjaran dapat menarik minat pelajar membaca walaupun secara paksa. Justeru, bagi menjamin keberkesanan pelaksanaannya, mereka berpendapat usaha pemantauan wajar dilakukan dari masa ke semasa.

5.6 Kesimpulan

Berdasarkan hasil dapatan, penyelidik berpendapat, Program NILAM ini berkemampuan untuk menyemai minat para pelajar untuk membaca. Namun, kesungguhan terhadap pelaksanaannya wajar diberi perhatian. Para pelajar harus

didedahkan dengan bahan bacaan yang bermutu dan mampu merangsang minda untuk menyumbang idea ke arah pembangunan negara dan kemajuan masyarakat keseluruhannya.

PSS didapati masih lagi diperlukan sebagai sebuah institusi pengumpulan ilmu dan maklumat. Oleh itu usaha yang lebih agresif dan bersungguh-sungguh wajar diambil dalam usaha mempertingkatkan mutu dan imej PSS sebagai gedung ilmu. Para pelajar dan guru masih berkeyakinan dan menaruh kepercayaan penuh terhadap peranan dan strategi PSS dalam usaha mewujudkan budaya ilmu dan membaca di kalangan warga sekolah.

Cara maklumat PSS disampaikan atau dipromosikan harus dipelbagaikan. Pendekatan yang lebih menarik dan penuh variasi harus dilakukan. Hal ini akan mampu mengundang rasa ingin tahu dan turut serta di kalangan pelajar-pelajar terhadap setiap program yang cuba dilaksanakan.

Keseluruhan warga sekolah didapati masih memberikan reaksi dan komen positif terhadap keupayaan Program NILAM ini. Namun masih terdapat segelintir pelajar dan guru yang beranggapan program ini membosankan serta membebankan. Hal ini mungkin berlaku disebabkan oleh ketidakcekapan pihak PSS dalam mengendalikan dan melaksanakan program ini. Tindakan segera harus diambil bagi mengatasi masalah ini. Dalam hal ini, semua pihak harus berganding bahu dan berkerjasama agar objektif Program NILAM berjaya direalisasikan.

5.7 Cadangan

Hasil daripada kajian yang telah dijalankan, penyelidik berjaya memperolehi dapatan-dapatan yang dapat menjawab kepada semua persoalan kajian. Dapatan-dapatan tersebut dianalisa dan dibuatkan rumusan. Akhir sekali, berdasarkan kepada analisa dapatan, penyelidik ingin memberikan beberapa cadangan kepada pihak-pihak tertentu yang berkaitan dengan usaha ke arah menyemai minat membaca untuk diambil tindakan selanjutnya.

1. Pihak yang terlibat dalam menguruskan program gerakan tabiat membaca perlu mengambil kira beban tugas guru dan pelajar yang telah sedia ada. Dicapangkan agar jika ingin menambah bilangan aktiviti di sekolah, kurangkan waktu bagi beban tugas yang lain bagi guru-guru tersebut. Bagi melicinkan usaha pengendalian program dan pelaksanaan oleh PSS, bilangan kakitangan khas sama ada guru atau bukan guru hendaklah ditambah. Sekiranya guru dilantik bagi tujuan tersebut, maka kelonggaran beban tugas harus diberikan agar mereka boleh menjalankan tugas dengan lebih cekap dan sempurna tanpa rasa tertekan.
2. Kebiasaannya pihak Kementerian Pendidikan sering merangka pelbagai aktiviti bagi menangani masalah-masalah semasa. Jika terlalu banyak aktiviti dijalankan secara serentak, ia tidak akan memberi kesan baik terhadap pelaksanaannya. Oleh itu, semasa merangka sesuatu aktiviti, pastikan ia tidak dilaksanakan terlalu banyak dan serentak. Keadaan ini akan membebankan guru-guru kerana merekalah tenaga pelaksana sesuatu program itu di sekolah.

3. Dalam melaksanakan Program NILAM, semua pelajar adalah terlibat dan tidak seorang pun terkecuali. Bermula dengan murid Tahun 1 sekolah rendah dan pelajar Peralihan/Tingkatan 1 di sekolah menengah dan berterusan hingga tamat persekolahan (tahun 6 atau Tingkatan 5/6 atas). Namun, tidak semua sekolah menjalankannya sebagaimana yang telah diarahkan. Malah terdapat di sesetengah sekolah program ini hanya dijalankan ke atas pelajar-pelajar menengah rendah sahaja (bagi sekolah menengah). Kelas-kelas peperiksaan dikecualikan atas alasan sibuk dengan persediaan peperiksaan. Sekiranya program ini betul-betul hendak dilaksanakan, pastikan ia benar-benar dijalankan. Bukan sekadar “melepaskan batuk di tangga sahaja”. Pemantauan secara menyeluruh dan tegas harus dilakukan. Oleh itu sekiranya program ini betul-betul hendak dilaksanakan wujudkan suatu peraturan bagi memantau dan mengambil tindakan terhadap sekolah yang tidak melaksanakannya secara bersungguh-sungguh.

4. Sungguhpun pelbagai anugerah telah disediakan untuk Pusat Sumber Sekolah yang cemerlang dalam melaksanakan program ini, sebagai contoh Anugerah Pusat Sumber Sekolah Cemerlang yang mula dilaksanakan sejak tahun 2000 dan Tokoh Membaca Negeri/ Kebangsaan, namun setiap tahun hampir sekolah yang sama memenangi anugerah tersebut. Begitu juga dengan pemenang Tokoh Membaca. Sekiranya kita ingin melihat kejayaan program ini berterusan dan melibatkan banyak sekolah maka, usaha dan jalan mesti dicari untuk menobatkan lebih banyak lagi kejayaan dari sekolah-sekolah lain.

5. Mempergiatkan aktiviti pendedahan dan kursus yang berkaitan dengan kemahiran membaca dan literasi maklumat. Guru-guru PSS perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran asas mengurus koleksi dan perkhidmatan PSS. Mereka mungkin boleh mendapatkan latihan pengurusan PSS jangka pendek dari Bahagian Teknologi Pendidikan Malaysia. Selain itu guru juga boleh mengikuti kursus pengajian tinggi yang ditawarkan dalam bidang ini oleh universiti di dalam dan di luar negara. Semua guru PSS seharusnya membentuk jalinan kerjasama yang erat dan saling bantu membantu dalam usaha mempertingkatkan mutu perkhidmatan dan menjayakan program ini. Melalui kerjasama yang diwujudkan ini segala pertanyaan, pendapat dan kekeliruan sesama ahli dikongsi dan diselesaikan dengan cepat.
6. Menjemput wakil-wakil dari sekolah-sekolah yang berjaya melaksanakan program ini untuk memberikan ceramah atau taklimat mengenai cadangan dan contoh yang sesuai untuk menjayakan program ini di sekolah mereka. Selain itu, taklimat tentang konsep-konsep asas perlu juga ditekankan kerana masih ramai lagi guru-guru yang keliru dan samar-samar dengan cara pelaksanaan dan pengiktirafan ganjaran yang patut diberikan kepada pelajar-pelajar. Sekolah-sekolah yang belum berapa berjaya atau inginkan idea untuk menjalankan program ini secara lebih berkesan juga digalakkan melakukan lawatan ke pusat-pusat sumber yang berjaya.
7. Pusat Sumber Sekolah (PSS) merupakan nadi ilmu bagi sesebuah sekolah kerana di situ terkumpulnya pelbagai sumber maklumat. Dalam usaha menarik minat pelajar datang ke PSS, khususnya untuk membaca, PSS perlu

diurus dengan bersistem, ceria dan menarik. Selain itu, aktiviti orientasi harus diwajibkan kepada semua pelajar-pelajar baru (peralihan dan tingkatan 1 di sekolah menengah). Inilah peluang terbaik untuk pengurusan PSS menarik minat para pelajar melawat dan menggunakan PSS serta meninjau kemudahan-kemudahan yang ditawarkan oleh PSS mereka. PSS perlu merancang aktiviti yang menyeronokkan kerana pengalaman pertama ini akan mengukir persepsi pelajar terhadap PSS.

8. PSS juga diharap dapat menyelaraskan jadual waktu penggunaan agar semua pelajar berpeluang menggunakannya sebagai sumber bahan pembacaan. Selain itu, pihak pengurusan PSS diharap dapat menyediakan jadual operasi yang lebih ' mesra pelanggan' dengan memanjangkan tempoh waktu operasi bagi memberi peluang yang luas kepada pelajar untuk mengunjungi PSS selepas waktu persekolahan.
9. Bagi melicinkan usaha pengendalian program dan pelaksanaan oleh PSS, bilangan kakitangan khas sama ada guru atau bukan guru hendaklah ditambah. Sekiranya guru dilantik bagi tujuan tersebut, maka kelonggaran beban tugas harus diberikan agar mereka boleh menjalankan tugas dengan lebih cekap dan sempurna tanpa rasa tertekan.
10. Pemantauan yang lebih ketat harus dijalankan dalam usaha memastikan tiada lagi penipuan dapat dibuat oleh pelajar. Sehubungan dengan hal ini, format buku catatan pembacaan wajar dilakukan pengubahsuaian bagi memudahkan pelajar melengkapkan maklumat dengan rasa seronok bukan rasa bosan

11. Pihak sekolah diharap sentiasa berusaha menambahkan bilangan koleksi bahan bacaan dengan mencari alternatif lain seperti mendapatkan khidmat perpustakaan bergerak.

5.8 Cadangan Penyelidikan Lanjutan

Berdasarkan hasil dapatan kajian ini, beberapa cadangan dikemukakan agar dapat dilaksanakan dalam penyelidikan lanjutan pada masa akan datang.

1. Membuat kajian yang sama dengan menambahkan bilangan dan kepelbagaian jenis sekolah yang terdiri daripada sekolah-sekolah harian biasa. Penyelidikan kali ini banyak menumpukan pada pelaksanaan Program NILAM di Sekolah Bestari.
2. Penyelidikan mungkin juga boleh dijalankan dengan membuat perbandingan pelaksanaan dan pencapaian antara sekolah di bandar dan di luar bandar bagi mendapatkan sampel yang terdiri daripada pelbagai latar belakang agar dapatan yang lebih tepat dan menyeluruh dapat diperolehi.
3. Menjalankan penyelidikan sepenuhnya ke atas Penyelaras PSS, guru-guru dan pihak pentadbir sekolah dan mengenalpasti faktor sebenar yang menyebabkan program ini dianggap gagal oleh sesetengah daripada mereka.
4. Membuat kajian mengenai pelaksanaan dan pencapaian program ini di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil.
5. Bagi memperolehi hasil dapatan yang lebih tepat disarankan kajian lanjutan perlu dipelbagaikan kaedah bagi memperolehi maklumat dan data. Penyelidik boleh

menjalankan lebih banyak kaedah temuduga atau pemerhatian. Maklumat hasil dapatan melalui temuduga didapati dapat menggambarkan keadaan sebenar dan luahan perasaan secara telus dan terus terang berbanding soal selidik di mana responden seringkali tidak dapat melahirkan keadaan sebenar yang ingin disampaikan.

5.9 Penutup

Program NILAM sebenarnya adalah merupakan kesinambungan terhadap program-program menanam minat membaca yang memang sudah lama dijalankan. Cuma, melalui program ini pelaksanaannya adalah lebih terancang dan tersusun. Sememangnya menjadi hasrat dan cita-cita seluruh masyarakat khususnya yang mementingkan ilmu pengetahuan agar budaya membaca ini dijadikan satu cara atau gaya hidup. Menurut Fatimah (2002) lagi, terdapat empat aspek cabaran dalam melaksanakan Program NILAM ini iaitu, pelajar, bahan, masa dan sokongan ibu bapa.

Dari segi pelajar, masih terdapat sejumlah mereka yang tidak menguasai kemahiran asas membaca dan ini sudah tentu menyukarkan kelancaran aktiviti ini. Sementara kekurangan bahan bacaan memaksa pihak sekolah menghadkan bilangan jumlah buku yang boleh dipinjam. Dari segi masa, peruntukan masa perpustakaan dikatakan tidak mencukupi. Ini ditambah lagi dengan aktiviti sekolah yang agak padat. Akhir sekali pihak sekolah berhadapan dengan masalah ibu bapa yang dikatakan kurang memberikan sokongan kepada program ini.

Sekiranya empat aspek ini mampu diatasi dengan baik, impian untuk melahirkan masyarakat yang cintakan buku dan berbudaya ilmu akan mampu direalisasikan. Dalam hal ini kerjasama dan komitmen daripada semua pihak amat diharapkan. Sekolah

hanyalah sebuah institusi yang mendidik dan memberi ilmu kepada para pelajar untuk tempoh masa tertentu. Selebihnya ibu bapa dan masyarakatlah yang bertanggungjawab mencorak dan mewarnai gaya kehidupan generasi pada masa akan datang. Cadangan dan komen yang dikemukakan diharap dapat membantu memperkemas pelaksanaan program agar ianya benar-benar mampu menjadi suatu aktiviti yang memberi faedah kepada semua pelajar khususnya dan seluruh masyarakat amnya.

SENARAI APENDIKS

- A. Surat kebenaran untuk menjalankan kajian di sekolah-sekolah, maktab-maktab perguruan, jabatan-jabatan pendidikan dan bahagian-bahagian di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.
- B. Surat kebenaran untuk menjalankan kajian daripada Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- C. Surat permohonan untuk mendapatkan kebenaran menjalankan penyelidikan / kajian di beberapa buah sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- D. Surat permohonan untuk mendapatkan kebenaran menjalankan penyelidikan / kajian di beberapa buah sekolah menengah di Selangor.
- E. Soalan-soalan soal selidik
- F. Soalan-soalan temubual

APENDIKS A

APENDIKS B

APENDIKS C

APENDIKS D

APENDIKS E : SOALAN-SOALAN SOALSELIDIK

NAMA SEKOLAH :

SET A - PELAJAR-PELAJAR

Arahan am : Jawab **semua** soalan dengan ikhlas. Anda dikehendaki menandakan [X]

Bahagian A - Butiran Diri

- | | |
|------------------------------------|--------------------------------------|
| 1. Jantina | 2. Tingkatan |
| <input type="checkbox"/> Lelaki | <input type="checkbox"/> Tingkatan 1 |
| <input type="checkbox"/> Perempuan | <input type="checkbox"/> Tingkatan 2 |
| | <input type="checkbox"/> Tingkatan 4 |

Bahagian B - Latar belakang aktiviti membaca

1. Pada pendapat anda, adakah membaca merupakan satu aktiviti yang penting dan berfaedah?
 ya tidak
2. Bahan apakah yang anda paling suka baca atau pernah membaca? (Tandakan **satu** sahaja jawapan paling utama)
 buku fiksyen
 buku bukan fiksyen
 buku teks pelajaran
 komik, majalah, surat khabar dan lain-lain
3. Dari manakah sumber bahan bacaan anda diperolehi? (Tandakan **satu** sahaja jawapan paling utama)
 Pusat Sumber Sekolah
 perpustakaan awam
 beli sendiri
 pinjam daripada kawan-kawan
4. Bilakah anda membaca buku atau mungkin berminat untuk membaca? (Tandakan **satu** sahaja jawapan yang paling utama)
 apabila disuruh oleh guru dan ibu bapa
 hampir peperiksaan
 masa lapang

Bahagian C - Peranan Pusat Sumber Sekolah (PSS)

5. PSS merupakan tempat paling sesuai untuk membaca di sekolah
[] ya [] tidak
6. Saya ke PSS kerana : (Tandakan **satu** sahaja jawapan yang paling utama)
[] terdapat kemudahan (contoh: komputer, internet, permainan)
[] persekitaran amat selesa dan menarik
[] banyak bahan bacaan baru dan yang menarik
[] terdapat pelbagai aktiviti yang disediakan
7. PSS menyediakan jadual operasi yang sesuai dan sentiasa dibuka untuk kegunaan pelajar- pelajar
[] ya [] tidak

Bahagian D - Usaha Promosi Pusat Sumber Sekolah (PSS)

8. PSS selalu mempamerkan bahan-bahan bacaan baru
[] ya [] tidak
9. PSS mengadakan pelbagai aktiviti galakan membaca secara berterusan
[] ya [] tidak
10. Aktiviti galakan membaca yang dijalankan sangat sesuai dan menarik
[] ya [] tidak
11. Pelbagai ganjaran dan hadiah disediakan untuk mengajak pelajar-pelajar menyertai aktiviti
[] ya [] tidak
12. PSS menyediakan sudut-sudut bacaan di setiap tempat tumpuan pelajar di persekitaran sekolah
[] ya [] tidak
13. PSS memberitahu tentang aktiviti yang dijalankan melalui..... (Tanda **satu** sahaja jawapan paling utama)
[] pengumuman semasa perhimpunan rasmi
[] surat edaran melalui guru-guru kelas/ bahasa
[] papan kenyataan
[] pengawas PSS

Bahagian E - Program NILAM

14. Adakah anda pernah mendapat maklumat tentang Program NILAM?
[] ya [] tidak

22. Jika ya, adakah buku catatan tersebut sukar difahami dan mengambil masa untuk menulis?
[] ya [] tidak
23. Jika tidak, mengapa? (Tanda **satu** sahaja jawapan paling utama)
[] tidak diberitahu supaya menyediakan buku-buku tertentu
[] tidak diwajibkan
[] bukan satu kesalahan
24. Komen anda tentang “Gerakan Tabiat Membaca melalui Program NILAM yang dijalankan oleh PSS anda ” (Tanda **satu** sahaja jawapan paling utama)
[] sesuai dan menarik
[] mampu mendorong minat saya untuk terus membaca
[] membosankan dan hanya membuang masa
[] membebankan
[] diteruskan dengan aktiviti yang lebih menarik

TERIMA KASIH ATAS SEGALA KERJASAMA ANDA

APENDIKS F : SOALAN-SOALAN TEMUBUAL

SET B - Soalan-soalan temubual untuk Penyelaras dan guru PSS

Bahagian A - Pengetahuan guru terhadap peranan dan strategi PSS dalam menyemai tabiat membaca

1. Apakah pandangan anda tentang peranan dan fungsi PSS secara umum?
- 2.. Adakah anda merasakan PSS mampu membantu para pelajar dan guru bagi mendapatkan pelbagai bahan rujukan / bacaan untuk menambah pengetahuan semasa mereka?
3. Adakah PSS anda telah mempunyai kelengkapan dan kemudahan yang sesuai dan mencukupi bagi kegunaan semua warga sekolah? Jika ya, nyatakan. Jika tidak, berikan alasan anda
- 4.. Adakah perancangan tahunan PSS ada memberi penekanan terhadap usaha mewujudkan budaya ilmu dan budaya membaca ?
5. Sila nyatakan strategi yang diambil bagi tujuan tersebut.

Bahagian B- Mempromosikan gerakan tabiat membaca di bawah Program NILAM

6. Apakah pandangan anda tentang gerakan tabiat membaca di bawah Program NILAM?
7. Adakah para pelajar dan guru tahu tentang latarbelakang dan tujuan program ini?
8. Bagaimana ia diperkenalkan pada warga sekolah?
9. Mengapakah program ini perlu dipromosikan?
10. Adakah Program NILAM mampu menyemai tabiat membaca pelajar?
11. Adakah Program NILAM ini hanya dijalankan ke atas para pelajar? Bagaimana dengan guru-guru dan warga sekolah yang lain?
12. Apakah bentuk aktiviti-aktiviti promosi yang telah dijalankan?
13. Bagaimanakah sambutan para pelajar dan guru?

14. Jika baik, apakah usaha-usaha peningkatan pada masa akan datang? Adakah ia dijadikan agenda utama dalam mesyuarat Jawatankuasa PSS?
15. Jika tidak, apakah tindakan yang akan dilakukan agar program ini dapat berjalan lancar?
16. Apakah masalah atau kekangan yang dihadapi?

Bahagian C - Komitmen warga sekolah dalam menjayakan usaha ini

17. Adakah program ini melibatkan semua warga sekolah?
18. Adakah program ini mendapat sokongan dan perhatian daripada pihak pentadbiran?
19. Sejauhmana pihak pentadbiran memberikan komitmen dalam melaksanakan dan memastikan kejayaan program ini?
20. Adakah komitmen daripada pelbagai pihak di sekolah perlu dan mempengaruhi kejayaan program ini?

Bahagian D – Faedah-faedah budaya membaca di kalangan warga sekolah

21. Apakah kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh program ini pada peringkat sekolah, daerah dan sebagainya?
22. Apakah harapan anda terhadap program ini?

SET C – Temu bual dengan guru-guru kelas dan guru bahasa Melayu/ Inggeris

Bahagian A - Peranan guru dalam membantu melaksanakan program anjuran PSS

1. Apakah peranan guru kelas/ bahasa dalam membantu melaksanakan program anjuran PSS?

Bahagian B - Promosi Gerakan Membaca di bawah Program NILAM

2. Apakah pandangan anda tentang Program NILAM?
3. Bagaimanakah anda mendapat tahu tentang program ini?
4. Adakah anda diberi taklimat atau penerangan secara langsung tentang cara-cara untuk membantu melaksanakan program ini?
5. Adakah anda dibekalkan dengan senarai panduan dan borang tertentu untuk menjalankan aktiviti tersebut?
6. Adakah anda diberi masa yang cukup untuk melaksanakan usaha itu?
7. Adakah anda rasakan ianya hanya membebankan dan tidak berkaitan langsung dengan tugas utama mendidik? Jika ya, jelaskan mengapa? Jika tidak, jelaskan alasan anda
8. Apakah yang anda lakukan untuk menggalakkan para pelajar membaca semasa di dalam kelas atau semasa P&P?
9. Adakah anda diwajibkan membawa pelajar-pelajar ke PSS untuk tujuan membaca? **(hanya untuk guru bahasa)** Jika ya, berapa kali seminggu?
10. Apakah yang dilakukan oleh para pelajar ketika berada di PSS?
11. Adakah anda mewajibkan para pelajar membawa buku catatan tertentu?
12. Sekiranya mereka tiada membawa sebarang buku catatan, apakah tindakan yang anda ambil?
13. Adakah anda diminta membuat laporan aktiviti setiap kali menggunakan PSS?
14. Adakah anda rasakan program ini mampu menyemai minat pelajar untuk membaca, sekiranya ia dapat dijalankan dengan berkesan dan teratur?
15. Apakah harapan anda tentang program ini pada masa hadapan?

SET D - Temubual untuk Pengetua/ Penolong Kanan 1

Bahagian A - Peranan PSS

1. Apakah pendapat anda tentang peranan PSS sebagai pusat maklumat ?
2. Bagaimanakah PSS mampu melaksanakan peranannya sebagai pusat ilmu, pusat P&P, pusat meningkatkan keprofesionalan dan pusat hubungan dengan masyarakat?
3. Apakah kriteria yang perlu ada pada seseorang Penyelaras PSS?
4. Adakah pada pendapat anda, pemilihan seseorang Penyelaras PSS amat mempengaruhi perkembangan dan kemajuan sesebuah PSS itu?

Bahagian B – Gerakan Tabiat Membaca di bawah Program NILAM

5. Berikan pendapat anda tentang Program NILAM?
6. Adakah anda pernah diberi taklimat khusus tentang tujuan dan cara pelaksanaan program ini?
7. Pada pendapat anda, bagaimanakah program ini mampu mencapai matlamatnya?
8. Adakah kejayaan program ini memerlukan sokongan semua pihak? Sila jelaskan sejauhmana kerjasama semua pihak dapat memastikan keberkesanan dan kejayaan usaha ini.
9. Apakah peranan anda dalam usaha memastikan kejayaan program ini?
10. Apakah harapan anda terhadap program ini pada masa hadapan?

BIBLIOGRAFI

- Abdullah bin Salleh. (1999). Minat membaca di kalangan guru sekolah rendah: satu kajian. Tesis Ijazah Sarjana Muda Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Abd.Rahim Abd.Rahman. (2001). Sejarah pusat sumber sekolah di Semenanjung Malaysia 1800-1995. Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan. Universiti Malaya.
- Abd.Rahim Hussin. (1989). Gerakan membaca peringkat keluarga : satu pandangan. *Tinta 2* (4). 32-35.
- Abdul Rafie Mahat. (1999). "PSS dalam era digital". Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Pusat Sumber Sekolah anjuran Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, 19-23 April 1999, Pulau Pinang. .
- Abdul Rashid bin Ramlan. (2000). Cabaran pelaksanaan Program NILAM di Sekolah Menengah Kebangsaan Ulu Tiram, Johor Bahru, Johor. Tesis Ijazah Sarjana Muda Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Abu Bakar Abd. Hamid. (1988). Bagaimana memupuk budaya membaca? *Dewan Masyarakat* 26 (2), 9-12.
- Abu Bakar Mohamad. (1994). "Peranan penerbit dalam pemupukan budaya membaca dan pengembangan budaya ilmu", Seminar Pembacaan Kebangsaan, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Agnes Gnanaprasam. (1998). Reading habits and interests among secondary school students. Tesis Ijazah Sarjana. Universiti Malaya.
- Ahmad Md. Sharif. (1989). *Teknik cloze sebagai pengukur mudah sukarnya bahan bacaan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Mustafa. (1984). Satu tinjauan minat membaca di kalangan murid-murid. *Berita Perpustakaan Sekolah*, 12-14.
- Ahmad Zaini. (2003). *Motivasi dalam pembelajaran*. Kota Bahru : Gemilang Enterprise Sdn. Bhd.

- Aidah Abdul Karim. (2002). PSS dan pembelajaran sepanjang hayat. *Wawasan* 11 (2), 15-14.
- Ainun Md. Hashim. (2002). Program NILAM, konsep dan panduan pelaksanaan di sekolah. Kuala Lumpur : Pusat Sumber Pendidikan Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- Aishah Mohd. Zahir. (1998). Program NILAM, konsep dan panduan pelaksanaan di sekolah. Bahagian Teknologi Pendidikan, Kuala Lumpur : Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Aizam Ahmad. (2001). Meninjau jenis bahan bacaan tambahan paling digemari pelajar-pelajar tingkatan 4 di Sekolah Menengah Seri Perhentian, Pontian, Johor. Projek Khas Institut Bahasa Melayu Malaysia.
- Annamalai a/l Arnasalam. (1994). Minat membaca dan kaitannya dengan pencapaian akademik dan penyertaan dalam kegiatan kokurikulum. Tesis Ijazah Sarjana. Universiti Malaya.
- Asmah Ahmad. (1992). *Pedagogi 1*. Kuala Lumpur : Longman.
- Atan Long. (1984). *A survey on the reading habits and interests of Malaysian people*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azah Md. Daud. (1992). Suarakan pandangan anda. *Dewan Pelajar*, Ogos, 31-32.
- Aziz Salam. (1998). Sikap guru sekolah menengah di daerah Mersing terhadap PSS. Tesis Ijazah Sarjana Muda Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Bahagian Teknologi Pendidikan, Malaysia. (1998). *Program NILAM: Konsep dan Panduan Pelaksanaan di Sekolah*. Kuala Lumpur : Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Calkin, L.M. (1983). *Lessons from a child*. Portsmouth N.H : Heinemann Educational Books. *Caring for kids : A parent's guide to promoting reading in children*. Retrieved : February 21, 2003 from, <http://www.caringforkids.cps.ca/behaviour/Reading2kids.htm>
- Cheah, Choi Peng. (1996). Hubungan antara pembolehubah terpilih pelajar dengan kekerapan penggunaan Pusat Sumber Sekolah di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah atas di daerah Kuantan, Pahang. Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan. Universiti Sains Malaysia.

- Che Hatijah Mohd. Ibrahim. (1999). "Pengalaman PSS contoh". Kertas kerja dibentangkan dalam Persidangan Kebangsaan Pusat Sumber Sekolah 1999, anjuran Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia pada 9-23 April 1999, Pulau Pinang.
- Che Wa Saad. (1997). Satu tinjauan tentang beban tugas guru Kemahiran Hidup Bersepadu sekolah rendah di daerah Pekan, Pahang. Projek Ijazah Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Davies, Florence. (1997). *Introducing reading*. New York : Penguin English
- Dechant, A. (1977). *Handbook of Curriculum Evaluation*, Institute of Educational Planning, Paris.
- Elley, W. (1972). *Children's reading interests, A Wellington Survey*, Wright and Carman Limited, Trentham, 1972, hal 7.
- Engku M. Annuar. (1980). Penglibatan masyarakat dan agensi-agensi kerajaan dan penggalakan membaca. *Wawasan*, 9 (3), 40-57.
- Faridah Abdul Manaf dan Subahan T. Mohd. Meerah. (1993). *Strategi pusat sumber dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti.
- Fatimah Jusoh. (2002). Program NILAM : Pelaksanaan, cabaran dan cadangan pemantapan. Kertas kerja dibentangkan di Konvensyen Pusat Sumber Sekolah peringkat negeri pada 25-28 Februari, 2002, di Kedah.
- Fatimah Sulaiman. (1998). *Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Fazilah Abdul Rahim (1998). Sikap dan persepsi terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris. Tesis Ijazah Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Garton, A. (1990). *Learning to be literate : The Development of spoken and written language*. Great Britain : Basil Blackwell.
- Ghafami bin Awang. (2000). Kenakalan remaja dari perspektif Islam. Retrieved : Oktober 25,2003 from <http://asia.yahoo.com/Malaysia/>
- Greaney, J. (1980). Factors related to amount and type of leisure reading. *Reading Research Quarterly*, xv (3).

- Halimah Badioze Zaman. (1994). Bengkel Pengaruh Membaca. *Berita Harian*, Ogos.
- Hamidah Baba. (1999). Teks ucapan alu-aluan Majlis Perasmian Persidangan Kebangsaan PSS 1999, di Pulau Pinang pada 19-23 April 1999, Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Hashim Awang. (1981). Penggunaan perpustakaan di sekolah-sekolah menengah di daerah Maran, Pahang. Latihan Ilmiah. Cheras : Maktab Perguruan Ilmu Khas, Kuala Lumpur.
- Hashim Mohamad. (1982). *Cara-cara menggalakkan murid-murid membaca*. Kuala Lumpur : Berita Publishing.
- Hassan Ahmad. (2003). Matlamat Dasar Buku Negara gagal. *Utusan Malaysia*. 31 Mei 2003.
- Hokkison, K, & Tompkins, G. E (1979). *Language Arts: content and teaching strategies*. Columbus, Toronto, London, Melbourne : Merrill Publishing Company.
- Holdaway, D. (1979). *The Foundation of Literacy*. New York : Ashton Scholastic.
- Iskandar Shah b. Hj. Suak. (2001). PSS sebagai elemen utama Sekolah Bestari 2001. Kertas kerja dibentangkan di Konvensyen PSS Wilayah Persekutuan 2001, Pusat Sumber Pendidikan Negeri, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur
- Ismail Adnan. (1981), Peranan teknologi pendidikan dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. *Jurnal Guru*. 16 Mei. 22-34
- Jabatan Pendidikan Negeri Johor. (1993). Laporan Penilaian : Projek menggalakkan penggunaan Pusat Sumber Sekolah bagi sekolah-sekolah rendah negeri Johor, Johor Bahru: Unit Teknologi Pendidikan.
- Jamaiah Osman. (1995). *Buku panduan pengurusan dan penggunaan PSS*. Selangor: Danalis Distributors Sdn. Bhd.
- Kasidah Sadimon. (1999). Penggunaan PSS di kalangan pelajar menengah atas daerah Pontian. Tesis Ijazah Sarjana Muda Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.

- Kassim Abbas. (1989). *Pusat Sumber Sekolah : struktur dan organisasi*. Kuala Lumpur : Utusan Publication.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1991). Surat Pekeliling Ikhtisas 1988-1990. Kuala Lumpur, 16-22.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1984). Laporan kabinet mengkaji pelaksanaan dasar pendidikan. Kuala Lumpur : Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Khatija Hamid. (2000). Ruang wanita sana sini. *Mingguan Wanita*. Januari 2000.
- Khusaijri Osman. (1997). Membaca mengembangkan budaya ilmu. *Majalah Pedoman*
- Larrick, G.(1963).*Technical Aids in Education*. London: Heinciman Ltd.
- Lim, Teh Eng. (1974). A study of the reading habits and interest of sixth form students in English- medium School. Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan. Kuala Lumpur, Universiti Malaya.
- Margaret Ann Richek, (1989). : *Reading problems assesment and teaching strategies* : Prentice Hall, Englewood Cliffs, New Jersey.
- Mohamed Fadzil Che Din, (2001). Kaedah membaca optimum. Retrieved February 24, 2003 from :
http://www.teenet.com.my/art_30.html
- Mohd. Majid Konting. (2000). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Shukri Hanafi. (2002). Tuntutan membaca lahir daripada falsafah Iqra'. *Berita Harian*, 9 Julai 2002.
- Mohd. Salehuddin Bin Maasum. (1999). Kajian keberkesanan 'Projek Membaca' anjuran Jabatan Pendidikan Negeri Perak di Sek. Keb.Raja di Hilir Ekram, Ipoh, Perak. Tesis Ijazah Sarjana Muda. Universiti Teknologi MARA.
- Mohd. Taib bin Mohamed. (1994). "Pembacaan masyarakat luar bandar Semenanjung Malaysia : harapan dan cabaran" Seminar Pembacaan Kebangsaan, Perpustakaan Negara Malaysia, 20-21 Jun 1994, Kuala Lumpur.

- Mohd. Zubil Bahak. (1997a). Mengapa pelajar Melayu malas membaca buku Sains?. *Dewan Masyarakat*. 35 (8), 12-13
- Mohd. Zubil Bahak .(1997b). Pelajar kurang pendedahan terhadap kemahiran membaca. *Dewan Masyarakat*. 35 (8), 14-15
- Muhamad Azhar Rashid. (1999). Satu tinjauan bacaan rekreasi di kalangan murid-murid tahun enam di Sekolah Rendah Kebangsaan. Projek Khas Institut Bahasa Melayu Malaysia.
- National Education Association (NEA), (2000). Report of the NEA Task Force on Reading 2000. Retrieved : February 21, 2003 from <http://www.nea.org/readingmatters/readreportoverview.html>.
- Norvell, M. (1946). *Your Child's Reading Today, What Book for Children?*. Doubleday and Company Inc. New York.
- Nur'aini Abu Bakar. (1994). Menangani masalah pembacaan di Perpustakaan Negara Malaysia. *Sekitar Perpustakaan*, (19), 40-45
- NSEdu NET. (2002). Tuntutan membaca. Retrieved : November 30, 2002 from <http://www.jpnn.gov.my/iqra.html>.
- Omar Mohd. Hashim. (1993). *Pendidikan : Persoalan, Penyelesaian dan Harapan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ong, Pooi Fong (1997). A study on the reading habits and interests of urban working professionals, executives and managers. Tesis Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dan Perakaunan. Universiti Malaya.
- Paterno, J (2001). Navigating the reading sea : Reading in the content area. Retrieved : February,21,2003,from <http://www.angelfire.com/wa2/buildingcathedrals/NavigatingReadingSea.html>
- Patricia, M. (2003). Anugerah NILAM Kebangsaan 2003. *Buletin Pendidikan*, Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia.(2002). Program Tahunan–Galakan Membaca. Retrieved: February,5,2003,from http://www.pnm.my/new/melayu/membaca/prog_tahunan.htm

- Primalani M. Kukanesan. (1994). National Library of Malaysia – It's role in library development and reading. Seminar Pembacaan Kebangsaan, Perpustakaan Negara Malaysia , 20-21 Jun 1994, Kuala Lumpur..
- Pusat Sumber Pendidikan Negeri. (2002) *Konsep dan panduan pelaksanaan Program NILAM di sekolah*. Kuala Lumpur : Kementerian Pendidikan Malaysia
- Rahmad Shukor Ab. Samad. (1997). Tabiat membaca bermula di rumah. *Dewan Masyarakat*. 35 (8), 16-17.
- Raja Abdullah Yaacob. (1985). Ke arah perkhidmatan perpustakaan sekolah yang berkesan : tanggungjawab Siapa? *Berita Perpustakaan Sekolah*. 11 (1),3-10.
- Raja Abdullah Yaacob. (1994). Program galakan membaca untuk kanak-kanak,. *Warisan*. 9 (3), 40-57.
- Ramlah Hamzah. (1980). Menubuhkan tabiat gemar membaca, *Dewan Masyarakat*, 15, Dis. 1980, DBP, Kuala Lumpur, hal 48.
- Richek M.A. (1989). *Reading problems assessment and teaching strategies* : Prentice Hall, Englewood Cliffs, New Jersey
- Rohani Rustam. 1998. Mengapa 'Tahun Membaca'. *Dewan Masyarakat*. 26 (2), 10-14.
- Rusli bin Mamat. (2000). Faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar menggunakan perpustakaan dalam menarik minat membaca di kalangan pelajar Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan, Pahang. Tesis Ijazah Sarjana Muda Teknologi. Universiti Teknologi Malaysia.
- Rustam A. Sani. (2002). 'Perluakah masyarakat membaca?'. Forum Pembacaan Perpustakaan Negara Malaysia, 25 Ogos 2002.
- Safiah Osman. (1989). *Membaca : satu pengenalan*. Kuala Lumpur :Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Salvia J. (1988). *Assesment in special and remedial education, 4th ed.*, Boston : Houghton Mifflin, 1988.
- Salwa Abu Bakar. (1996). Kajian mengenai tugas-tugas guru sekolah menengah di daerah Johor Bahru. Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.

- Sarjit Kaur. (1999). The English reading habits of ELLS students in University Science Malaysia . In SITE Sixth International Literacy and Education Research Network Conference on Learning, held in Penang, Malaysia., 27-30 September 1999. Retrieved : February 22, 2003 from <http://ultibase.rmit.edu.au/Articles/may00/thiyag1.htm>
- Schickedanz, J. (1978). You be the doctor and I'll be sick.: Preschoolers learn the language arts through play, *Language Art.* 55, 713-718.
- Schonell, E. (1974). *The psychology and teaching of reading*, Oliver & Boys, Edinburgh.
- Shahrom T.M. Sulaiman. (1989). Konsep pembacaan : satu perspektif Islam.*Tinta.* 6 (5). 51- 55.
- Shahrom T.M. Sulaiman. (1996). *Pembacaan dan peningkatan budaya ilmu*. Selangor: Thinker's Library.
- Siti Aishah Sheikh Kadir. (2003). Kisah di sebalik kulit buku. *Massa.* 31 Mei-6 Jun. 11-13.
- Siti Hadijah Alwi (2002). Peranan pengetua dalam membangunkan Pusat Sumber Sekolah (Tumpuan kepada Sekolah Menengah Harian di Selangor). Tesis Ijazah Sarjana. Universiti Malaya.
- Siti Hajar Abdul Aziz. (1996). *Penguasaan kemahiran membaca, kaedah dan teknik membaca*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Siti Hajar Abdul Aziz.. (1998). *Pusat Sumber Sekolah untuk sekolah rendah dan menengah*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Siti Hasmah Ali. (2001). Teks ucapan alu-aluan Majlis Pelancaran Bulan Julai Bulan Membaca Kebangsaan 2001, pada 16 Julai 2001, di Dewan Merdeka, PWTC, Kuala Lumpur.
- Somsong Sangkaeo, (1999). *Reading habits promotion in ASEAN libraries*. In SITE 65th IFLA Council and General Conference, Bangkok, Thailand, 20-28 August Retrieved : February 23, 2003 from : <http://www.iflaq.org/IV/ifla65/papers/091-114e.htm>

- Szarina Abdullah. (1995). Kaji selidik mengenai tabiat dan minat membaca di kalangan siswa/siswi institusi pengajian tinggi di Malaysia. Projek IRPA no 4-07-01-006
- Tan, Siew Eng. (1991). Hubungan tabiat membaca dengan kecenderungan mencari ilmu. *Berita Pedoman*.
- Teale, W. (1982). Toward a theory of how children learn to read and write naturally. *Language Arts*, 59, 555-570.
- Teuku Iskandar. 1986. Kamus Dewan. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Ismail Wan Hashim. (2001). Pusat sumber sekolah sebagai institusi budaya ilmu. Projek Khas Institut Bahasa Melayu Malaysia.
- Wong, Kim Siong. (1982, April). Perpustakaan sumber sekolah. *Berita Perpustakaan Sekolah*. Kuala Lumpur : Kementerian Pendidikan Malaysia 8 (1), 16-18.
- Zamilah Shakri. (2002). *Lev Vygotsky*. Retrieved : February 2, 2004 from http://www.tadikamalaysia.com/malay/detail_forum.php?forfnbr=194
- Zanaria Saupi Udin. (1999). A study of leisure reading, habits and interesting among students in Malaysian higher learning institutions. Tesis Ijazah Sarjana. Universiti Malaya.
- Zaleha Ismail. (1996). Pencapaian ilmu matlamat negara. *Berita Harian*, 25 Oktober 1996.
- Zaharah Razali. (1999). Penggunaan kelas perpustakaan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di tingkatan 4 di Sekolah Menengah di bandar Tampin. Projek Khas Institut Bahasa Melayu Malaysia.
- Zaliha Yusof (2000). Minat membaca di kalangan pelajar lelaki tingkatan 4 di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Ampang. Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan. Universiti Malaya.
- Zulkefli Abd. Samad. (1992). Perpustakaan Masyarakat : pendekatan baru serta strategi pelaksanaan di bawah Rancangan Malaysia ke-enam. *Sekitar Perpustakaan*. 30-32
- Zawiyah Baba. (2001). Memerdekakan minda melalui pembacaan. *Utusan Malaysia*, 13 Julai 2001.

